KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

LAPORAN TAHUNAN
2019



# PERNIAGAAN ANDA BERMULA DI SSM

www.ssm.com.my




KONSEP MUKA HADAPAN

# LAPORAN TAHUNAN 2019

SSM bertanggungjawab dalam pendaftaran perniagaan, pemerbadanan syarikat dan perkongsian liabiliti terhad di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada orang awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM melaksanakan fungsinya mengawal selia pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan untuk negara.

**MENARA SSM@SENTRAL**
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

**TEL.** +603 7721 4000 :: **FAKS.** +603 2299 4411 :: **EMEL.** enquiry@ssm.com.my

**MEDIA SOSIAL.** /ssmofficialpage

LAMAN SESAWANG:
www.ssm.com.my

ISI

# KANDUNGAN


PERUTUSAN YB MENTERI : : 06

PRAKATA PENGERUSI : : 08

ULASAN TAHUNAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF : : 09

ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA : : 12

PENGURUSAN EKSEKUTIF : : 21

LAPORAN PENGURUSAN : : 31



AKADEMI LATIHAN & PENGURUSAN PENGETAHUAN : : 32

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG : : 47

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN : : 50

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN : : 75

INISIATIF PENGUATKUASAAN : : 91

SOROTAN MEDIA : : 117

PENYATA KAWALAN DALAMAN : : 121



PENYATA KEWANGAN : : 129

# TERAS STRATEGIK

### TERAS STRATEGIK PERTAMA:

Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses

### TERAS STRATEGIK KEDUA:

Menggunakan Platform Teknologi Agil

### TERAS STRATEGIK KETIGA:

Memupuk Budaya Kerja Cemerlang

### TERAS STRATEGIK KEEMPAT:

Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Dipercayai

### TERAS STRATEGIK KELIMA:

Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

# PERNYATAAN
# VISI SSM

"

**UNTUK MENJADI
PENDAFTAR DAN
PENGAWAL SELIA
KORPORAT
TERULUNG**

"



# NILAI-NILAI **KORPORAT**

## KOLABORASI

Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan di dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi di kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.

## UTAMAKAN PELANGGAN

Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.

## NOBATKAN ILMU

Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.



## CEMERLANG

Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkauinya. Kami bersikap tegar dalam memajukan kualiti, dari segi keberkesanan dan produktiviti di dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.

## INTEGRITI

Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.



# PERUTUSAN **YB MENTERI**




بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

**Saya sangat berbesar hati untuk memperkenalkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 2019.**

**TAHUN 2019 MERUPAKAN TAHUN YANG MENCABAR BAGI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA SERTA SSM. TAHUN INI MENYAKSIKAN PELANTIKAN PENGERUSI SSM DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SSM YANG BAHARU. PERUBAHAN PIMPINAN UTAMA INI MEMBERI SUNTIKAN SEMANGAT DAN HALA TUJU YANG BAHARU KEPADA SSM UNTUK LEBIH FOKUS DALAM MENINGKATKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAMNYA DAN MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PENTINGNYA *BIG DATA* DAN *DATA ANALYTICS*.** PADA ZAMAN INI, KEBERGANTUNGAN PADA BIG DATA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN KITA SEMAKIN BERTAMBAH SETIAP HARI DI MANA IA DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA INDIVIDU ATAUPUN PERNIAGAAN. SELAIN DIMANFAATKAN SECARA MELUAS DI DALAM PERNIAGAAN, KERAJAAN DAN AGENSI JUGA BERGANTUNG KEPADA BIG DATA UNTUK MEMASTIKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DIOPTIMUMKAN SERTA BAGI MEMASTIKAN BAHAWA INSENTIF DAN DANA DISALURKAN KE DEMOGRAFI PENDUDUK YANG SELAYAKNYA.

Untuk memastikan bahawa komuniti perniagaan dilengkapi dengan maklumat dan alat yang tepat untuk membuat sesuatu keputusan perniagaan yang komprehensif, SSM sedang membina sumber dalamannya untuk memperoleh kompetensi dalam penggunaan alat penganalisaan data yang dapat memudahkan perumusan dasar, meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan juga pengumpulan maklumat berdasarkan kehendak orang ramai. Walaupun pelaksanaan ini tidak dapat dilaksanakan dalam sekelip mata, SSM akan menggunakan mekanisme ini sebagai penyelesaian terbaik. Penambahbaikan pelaksanaan inisiatif ini, akan dapat memastikan bahawa ia dapat membuat satu pelaporan yang lebih baik daripada pihak berkepentingan, pematuhan yang lebih baik, seterusnya akan meningkatkan standard tadbir urus korporat di antara syarikat. Selanjutnya, dengan adanya maklumat yang terdapat di dalam daftar, SSM akan dapat membantu Kerajaan dalam memastikan polisi dan inisiatif yang lebih baik dapat dilaksanakan untuk komuniti perniagaan domestik.

Kementerian amat komited dalam memastikan Malaysia adalah salah satu destinasi utama syarikat menjalankan perniagaan. Dalam hal ini, peranan yang dimainkan oleh SSM sangat penting dalam memastikan bahawa kerangka undang-undang dapat memudahkan sesuatu perniagaan beroperasi. SSM secara konsisten mengkaji kaedah untuk memperbaiki dan memperkukuhkan kerangka undang-undang. Kajian dan perundingan rentas bidang kuasa dengan pihak berkepentingan terus dilakukan dan sebagai hasilnya pada tahun 2019, pindaan telah dibuat terhadap Akta Syarikat 2016 di mana pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019 bertujuan untuk memperjelaskan peruntukan tertentu dan meningkatkan prosedur dalaman syarikat untuk memastikan pengurusan yang teratur dan berkesan.

SSM juga melibatkan pihak berkepentingan dalam undang-undang baharu bertujuan untuk mengatasi jurang yang dihadapi oleh Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memanfaatkan setiap harta alih menjadi jaminan di mana ia dapat membuka medium baharu dalam mengakses peluang kewangan. Selain itu, SSM telah memperkenalkan Garis Panduan mengenai Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial bagi syarikat dan perkongsian liabiliti terhad yang akan lebih mengukuhkan dan meningkatkan ketelusan sektor korporat di Malaysia.

Sebagai kesimpulannya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya SSM atas ketekunan mereka sejak setahun yang lalu. Akhir kata, terima kasih kepada Pengurusan Eksekutif dan kakitangan SSM kerana telah mencapai kemajuan dalam banyak bidang pada tahun lalu dan semua yang telah dicapai pada tahun 2019. Saya yakin SSM akan terus berusaha untuk menyokong visi Kerajaan untuk memastikan bahawa Malaysia mempunyai persekitaran perniagaan yang mapan dan dipercayai untuk perniagaan.

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**
**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

# PRAKATA **PENGERUSI**



**TAHUN 2019 MERUPAKAN TAHUN PERTAMA SAYA SEBAGAI PENGERUSI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM). SAYA MERASA BANGGA DENGAN SSM YANG TELAH MENCAPAI KEMAJUAN BESAR DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATANNYA DAN JUGA DALAM BIDANG PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN DI BAWAH SELIAANYA.** TAHUN 2019 JUGA MENYAKSIKAN PELANJUTAN PROSES TRANSFORMASI ORGANISASI YANG BERTERUSAN DAN MANTAP DI BAWAH PELAN HALA TUJU STRATEGIK KETIGA SSM. DENGAN TRANSFORMASI INI, IA DAPAT MEWUJUDKAN LANDASAN YANG MAPAN BAGI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG HOLISTIK UNTUK MENYOKONG AGENDA KEMENTERIAN DALAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

SSM juga memainkan peranan besar di peringkat antarabangsa seperti sebagai Ahli EXCO Forum Pendaftaran Korporat (CRF) bagi penggal kedua. SSM juga secara aktif mengambil bahagian dalam penilaian antarabangsa oleh Bank Dunia di bawah penilaian *Doing Business 2020* dan Forum Global mengenai *Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes Peer Review* (OECD). Selain dari perkara di atas, SSM juga terlibat aktif di dalam dialog dasar antarabangsa seperti *Third Policy Dialogue dan Fourth ASEAN Task Force Meeting in Starting a Business* yang diadakan di Bangkok, Thailand. Ini adalah kali ke-4 SSM dijemput untuk berucap di mesyuarat ini yang sebelumnya diadakan di Vietnam, Malaysia dan Laos PDR. SSM juga telah menghadiri dan membuat pembentangan semasa CRF Tahunan yang diadakan di Macedonia.

Pada tahun 2019, SSM meneruskan penglibatan dan rundingan dengan pihak berkepentingan domestik melalui Dialog Tahunan SSM, Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) dan juga penghasilan pelbagai dokumen perundingan seperti Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan) 2019, Kajian Kelulusan Juruaudit dan Likuidasi dan Bayaran Pembaharuan serta Dokumen Konsultasi bagi Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial.

Semasa saya berkhidmat sebagai Pengerusi SSM, saya dengan senang hati ingin menyatakan bahawa SSM telah mencapai keseimbangan dalam peranannya sebagai Pentadbir Korporat untuk memastikan perkembangan dan pertumbuhan persekitaran perniagaan. Saya yakin bahawa SSM akan terus waspada dan peka terhadap perubahan keperluan dan kehendak persekitaran perniagaan dan terus membangunkan SSM untuk menjadi organisasi yang lebih kuat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak berkepentingan dan rakan strategik SSM atas sokongan dan maklum balas mereka yang berterusan. Ucapan terima kasih juga saya ucapkan kepada Anggota Suruhanjaya atas dedikasi dan komitmen mereka yang aktif sepanjang tahun. Akhir sekali, kepada Pengurusan Eksekutif dan warga kerja SSM, teruskan usaha yang baik dan terus dipertingkatkan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pilihan untuk memulakan perniagaan di rantau ini.

**YBHG. DATUK MUEZ BIN ABD AZIZ**
**Pengerusi**
**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

# ULASAN TAHUNAN
# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2019 dan kita telah merayakan ulang tahun ke-17 SSM yang telah menunjukkan kemajuan dari tahun ke tahun selari dengan revolusi industri dan perkembangan teknologi semasa.



**SSM TELAH MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN SEKSYEN 241 AKTA SYARIKAT 2016 DAN PERATURAN-PERATURAN (PERAKUAN AMALAN SETIAUSAHA) SYARIKAT 2019 BERMULA 15 MAC 2019.** PERUNTUKAN SEKSYEN 241 MERUPAKAN DASAR BAHARU YANG DIPERKENALKAN DI BAWAH AKTA 777 SUPAYA SUATU DAFTAR SETIAUSAHA SYARIKAT DIWUJUDKAN UNTUK MEMANTAU KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME SETIAUSAHA SYARIKAT TANPA MENGAMBILKIRA LATAR BELAKANG KELAYAKAN PROFESIONAL MEREKA.

Sebelum pelaksanaan seksyen 241, kelayakan setiausaha syarikat adalah berbeza iaitu sama ada dilesenkan oleh SSM atau keahlian kepada badan-badan profesional yang ditentukan yang terdiri daripada Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA), Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS), Institut Akauntan Malaysia (MIA), Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), Majlis Peguam Malaysia *(Malaysian Bar)*, Pertubuhan Undang-undang Sabah *(Sabah Law Society)* dan Persatuan Peguam Sarawak *(Advocates Association of Sarawak)*. Badan-badan ini kini dinyatakan dalam Jadual Keempat Akta 777.

Pelaksanaan seksyen 241 ini membolehkan suatu daftar khusus diwujudkan berkaitan setiausaha syarikat di bawah kawalan Pendaftar. Perkara ini adalah penting untuk menyokong dasar-dasar negara berkaitan aktiviti pencegahan pengubahan wang haram *(anti money laundering activities)* di mana setiausaha syarikat merupakan institusi pelapor dan memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat tidak terlibat dalam aktiviti yang sedemikian.

Penguatkuasaan seksyen 241 ini juga akan memberi impak yang positif terhadap tahap pematuhan dan tadbir urus yang tinggi di kalangan syarikat dan komuniti korporat Malaysia memandangkan setiausaha syarikat merupakan pegawai yang memainkan peranan penting *(gatekeeper)* untuk memastikan syarikat sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dan memberikan nasihat berkaitan isu tadbir urus syarikat.

Bermula 1 Jun 2019, permohonan pembekalan maklumat penglibatan peribadi di dalam syarikat dan perniagaan telah dibuka kepada orang awam dan tidak hanya terhad kepada pemilik sah pengenalan diri individu (kad pengenalan/pasport) itu sahaja. Permohonan ini boleh dibuat di mana-mana kaunter perkhidmatan SSM di seluruh Malaysia dan para pemohon juga boleh mendapatkan maklumat sesiapa sahaja tanpa had. Maklumat atau produk ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu penglibatan peribadi pegawai syarikat, pemegang saham dan pemilik perniagaan.

Perkhidmatan yang disediakan oleh SSM dijangka memberi kelebihan kepada orang awam dan pihak ketiga menggunakan maklumat yang dibeli bagi tujuan semakan dan membina keyakinan bahawa aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan adalah mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh SSM.

Pelaksanaan inisiatif ini adalah penting untuk terus mengimbangi keperluan pihak berkepentingan dan pada masa yang sama mengekalkan pengawalseliaan yang kukuh bagi memastikan Malaysia kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa serta memastikan persekitaran perniagaan di Malaysia adalah kondusif. Ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan ekosistem perniagaan yang stabil, kukuh dan holistik.

Persidangan Kebangsaan SSM 2019 telah dianjurkan pada 23 dan 24 Julai 2019 di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Petaling Jaya, Selangor. Persidangan ini merupakan sebahagian daripada program tahunan SSM yang dianjurkan untuk berhubung secara terus dengan pihak-Seramai 25 penceramah, ahli panel dan moderator telah dijemput untuk menyertai sesi pembentangan. Persidangan ini juga telah dihadiri oleh 1,006 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta.

## ULASAN TAHUNAN **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

Para peserta Persidangan terdiri daripada pengarah syarikat, setiausaha syarikat, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, ketua pegawai kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pengawal selia dan usahawan.

Pada Persidangan Kebangsaan ini juga, SSM telah melancarkan buat julung kalinya Pelan Induk Skim Kepentingan. Pelancaran Pelan Induk Skim Kepentingan yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertujuan untuk menetapkan hala tuju hadapan, menggariskan langkah-langkah dan strategi pelaksanaan yang mampan dan bersepadu bagi mengembangkan industri skim kepentingan di negara ini. YB Datuk Seri Saifuddin Nasution di dalam ucapannya turut menyatakan bahawa SSM menyedari bahawa aktiviti ekonomi ini berpotensi besar untuk membantu pertumbuhan ekonomi Negara dan mengambil langkah proaktif untuk membangunkan Pelan Induk atau "Blue Print" bagi industri Skim Kepentingan yang ditadbir oleh SSM di bawah Akta Skim Kepentingan 2016 yang telah berkuatkuasa pada 31 Januari 2017.

Pada 31 Julai 2019, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019 iaitu pindaan pertama kepada AS 2016. Pindaan ini bertujuan menjelaskan beberapa peruntukan dalam AS 2016 dan menambahbaik prosedur dalaman syarikat untuk tadbir urus yang lebih teratur dan berkesan.

SSM juga telah melaksanakan format baharu nombor pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad berkuatkuasa 11 Oktober 2019. Format baharu yang dilaksanakan adalah mengikut format 12 digit seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan nombor pendaftaran yang selaras bagi semua entiti perniagaan yang berdaftar di Malaysia. Ini termasuk entiti perniagaan yang didaftarkan di bawah badan-badan Pendaftar yang lain.

Di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) 2012-2020 sebanyak enam (6) *High Impact Programme* (HIP) telah dicadangkan untuk dilaksanakan bagi mewujudkan PKS yang kompetitif di peringkat global agar dapat meningkatkan kekayaan dan seterusnya membantu meningkatkan sumbangan PKS kepada ekonomi negara. Salah satu daripada enam (6) program HIP adalah Integrasi Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Bagi Meningkatkan Kemudahan Menjalankan Perniagaan.

Ciri-ciri utama format baharu ini adalah seperti berikut:

(i) Mengandungi 12 digit seperti nombor kad pengenalan;
(ii) Mempunyai nilai dari sudut mempamerkan keberadaan sesebuah entiti perniagaan tersebut dalam industri; dan
(iii) Menetapkan jumlah nombor pendaftaran iaitu sebanyak 12 digit bagi memudahkan pembangunan sistem berbanding penetapan jumlah digit yang ditetapkan masa kini.

Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit (MAMPU) telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui pelaksanaan HIP 1 dengan kerjasama SSM, SME Corporation Malaysia (SMECorp), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Pada tahun 2019, sebanyak 362,600 perniagaan dan 3,943 perkongsian liabiliti terhad baharu telah didaftarkan. Manakala sebanyak 47,028 syarikat yang merangkumi 41 syarikat asing telah diperbadankan pada tahun 2019. Ini menyumbang kepada jumlah keseluruhan sebanyak 7,642,241 perniagaan, 22,740 perkongsian liabiliti terhad dan sejumlah 1,345,546 syarikat telah diperbadankan sehingga 31 Disember 2019.

Bermula 1 Julai hingga 31 Disember 2019, SSM telah melaksanakan kaedah pengurangan kadar kompaun secara automatik sebagai langkah untuk memudahkan penyelesaian kompaun dalam tempoh yang ditetapkan. Pendekatan ini bertujuan memberi dorongan kepada komuniti korporat dalam mematuhi peruntukkan Akta yang dikawal selia oleh SSM dan membolehkan komuniti korporat untuk menikmati kadar pengurangan kompaun yang lebih tinggi tanpa perlu mengemukakan rayuan pengurangan. Tawaran pengurangan kompaun secara automatik ini adalah tertakluk kepada seksyen 38A(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

SSM sentiasa menjalankan pendekatan proaktif dalam aktiviti penguatkuasaan. Berdasarkan hasil pemeriksaan melalui pangkalan data, SSM telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan. Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada 94% kadar pematuhan (2018: 93%).

SSM dalam proses penyediaan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar yang akan memperkenalkan kerangka perundangan bagi kepentingan bercagar dan mewujudkan sebuah pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia. Pengenalan cadangan RUU ini akan menangani jurang utama bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan harta alih sebagai cagaran dan secara signifikan meningkatkan akses mereka terhadap pembiayaan kerana harta alih sama ada aset ketara atau tak ketara sering menyumbang sebahagian besar modal perniagaan khasnya kepada PKS. RUU yang dicadangkan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2021.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya atas semua bimbingan dan nasihat yang diberikan dan sokongan berterusan dari pengurusan Eksekutif SSM. Saya, bagi pihak pengurusan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja SSM atas usaha dan kerja keras anda sehingga kita mencapai banyak kejayaan yang menjadi tonggak perjalanan kita. Dalam kita melangkah ke tahun yang lebih mencabar, saya yakin bahawa kita akan melangkah ke tahap yang lebih tinggi.

**DR. AZMAN BIN HUSSIN**
**Ketua Pegawai Eksekutif**
**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

# ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA



# ANGGOTA
# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA




1. YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz
2. YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin
3. YBhg. Dato' Othman bin Semail
4. YBhg. Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni
5. YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah




6. YBrs. En. Pawancheek Marican
7. YBrs. En. Tan Kee Heng
8. YBrs. En. Mohamed Zahari bin Razali
9. YBrs. Dr. Azman bin Hussin

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBHG. DATUK MUEZ BIN ABD AZIZ

**YBHG. DATUK MUEZ BIN ABD AZIZ**
TELAH DILANTIK SEBAGAI PENGERUSI SURUHANJAYA PADA 9 JANUARI 2019.

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan Sarjana Ekonomi dari Vanderbilt University of Tennessee USA. Beliau juga merupakan pemegang diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

**YBhg. Datuk Muez** memulakan kerjaya beliau pada tahun 1988. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Kewangan. Beliau juga pernah menyandang jawatan Timbalan Pengarah dan Pengarah di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan sejak Disember 2014 hingga Mac 2018. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kepenggunaan dan Pengurusan) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna pada Mac 2018 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada Januari 2019.

## YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BIDIN

**YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH**
TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 1 JANUARI 2011. BELIAU ADALAH SEORANG PROFESOR UNDANG-UNDANG KORPORAT DAN INSOLVENSI DI FAKULTI UNDANG-UNDANG, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA.

Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, regulasi sekuriti, bankrupsi dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian sejak tahun 1989, dan antara bidang kepakaran beliau yang lain adalah undang-undang tenaga dan pengawseliaan korporat.

**Prof. Dato' Dr. Aishah** banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Prof. Dato Dr. Aishah menerima Ijazah Sarjana Muda LLB (Hons) daripada Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Undang-undang daripada University of Kent dan Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang daripada University of London. Prof. Dato Dr. Aishah pernah menjadi ahli Malaysian Corporate Law Reform Steering Committee (CLRC). Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga merupakan mantan Anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Beliau juga merupakan Ahli Eksekutif Kounsel, Pusat Undang-undang Antarabangsa dan Kajian Undang Undang, Pejabat Peguam Negara Malaysia (I-Cells), dan Ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM. Prof. Dato Dr. Aishah juga merupakan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta Felo Akademi Sains Malaysia.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBHG. DATO' OTHMAN BIN SEMAIL

**YBHG. DATO' OTHMAN BIN SEMAIL** BERKELULUSAN IJAZAH SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEWANGAN) DAN TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 2 JANUARI 2015. BELIAU MEMULAKAN KERJAYA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM PADA 1982 SEBAGAI PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN DI RISDA.

Beliau seterusnya telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perusahaan Utama dan seterusnya di Kementerian Kewangan sehingga sekarang. **Dato' Othman** merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian di Sektor Dasar Perolehan Kerajaan dan Akreditasi, Bahagian Perolehan Kerajaan, sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan. Beliau kini memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).

## YBHG. DATO' ZAIDON BIN HJ. ASMUNI

**YBHG. DATO' ZAIDON BIN HJ. ASMUNI** YANG BERKELULUSAN IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (HONS) DARI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA BERMULA 1 JULAI 2016. BELIAU MEMULAKAN KERJAYA SEBAGAI PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK PADA TAHUN 1981 DI KEMENTERIAN DALAM NEGERI.

Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut, termasuk sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Imigresen Malaysia dan Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan. **Dato' Zaidon** merupakan mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBRS. DR. ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH

**YBRS. DR. ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH** TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 1 NOVEMBER 2018. BELIAU MEMPEROLEHI IJAZAH KEDOKTORAN FALSAFAH (D.PHIL) KEJURUTERAAN EE DAN SAINS KOMPUTER DARI UNIVERSITY OF SUSSEX ENGLAND; SARJANA SAINS (M.S.) DALAM BIDANG SAINS KOMPUTER DARI INDIANA UNIVERSITY BLOOMINGTON, U.S.A.; SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN (B.SC.) DARI SUNDERLAND POLYTECHNIC, ENGLAND; DAN SIJIL ANALISA RANGKAIAN SOSIAL DARI UNIVERSITY OF MICHIGAN U.S.A. BELIAU MEMILIKI KELAYAKAN PROFESIONAL YANG DIIKTIRAF IAITU SEBAGAI BEKAS AHLI SENIOR DALAM PERTUBUHAN JURUTERA PEMBUATAN DI U.S.A DAN BEKAS AHLI DAN WAKIL ASIA PASIFIK DI INSTITUTE OF ELECTRICAL AND ELECTRONICS ENGINEERS (IEEE).

**YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah** pernah bertugas sebagai seorang pensyarah dan Timbalan Pengarah di Pusat Komputer Universiti Malaya di peringkat awal kerjaya beliau. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai *Research and Innovation Review Board* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan merupakan salah seorang ahli panel untuk Panel Pembangunan dan Semakan Kurikulum di Universiti Industri Selangor (UNISEL). Beliau kini dilantik sebagai Lembaga Penasihat di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, University of Nottingham Malaysia dan Jurusan Sarjana Industri Otomasi di Universiti Kuala Lumpur – Institut Malaysia Perancis (UNIKL-MFI).

**YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah** merupakan seorang pengamal industri, eksekutif dan juruperunding dalam pelbagai industri dan pasaran. Beliau pernah menimba pengalaman bekerja di negara-negara di Amerika Utara, Eropah dan Asia. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai presiden dan CEO di syarikat-syarikat yang berasaskan teknologi tinggi dan bioteknologi di U.S.A, Kanada dan Malaysia. Beliau kini merupakan pengasas dan Presiden Araken Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat kejuruteraan sistem yang menjalankan aktiviti pembangunan teknologi dan khidmat perunding.

Beliau pernah dilantik sebagai penasihat dan pakar bidang otomotif OEM untuk penambahbaikan dalam Perolehan, Pemasaran, Jualan, Perkhidmatan, Alat Ganti dan Jaminan serta Pembangunan Modal Insan. Dalam sektor Kerajaan pula, beliau merupakan penasihat dan pakar dalam penambahbaikan dan transformasi Pengurusan Zakat kepada Lembaga Zakat di dua (2) buah Negeri. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah Projek di Institut Otomotif Malaysia (MAI) semasa berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. YBrs. Dr. Abdul Rahman telah menerbitkan melebihi 20 kertas kajian dan jurnal akademik di samping lain-lain penulisan dan penerbitan.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBRS. EN. PAWANCHEEK BIN MARICAN

**YBRS. EN. PAWANCHEEK BIN MARICAN** TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 1 NOVEMBER 2018. BELIAU MEMPEROLEHI SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DENGAN KEPUJIAN (LL.B) DARI UNIVERSITI MALAYA DAN SARJANA UNDANG-UNDANG (LL.M) DARI UNIVERSITI MALAYA. BELIAU MERUPAKAN PENGAMAL UNDANG-UNDANG DAN MENJADI AHLI KEPADA BADAN PEGUAM MALAYSIA SEJAK TAHUN 1977. BELIAU KINI MERUPAKAN RAKAN KONGSI DI FIRMA GUAMAN DI TETUAN WAN MARICAN, HAMZAH & SHAIK.

**YBrs. En. Pawancheek Marican bin Marican** pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia dan Profesor (Jemputan) Adjung di Kulliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia untuk tempoh tahun 2006 hingga 2009. Beliau merupakan Ahli Lembaga Penasihat Editor Jurnal Perundangan dan Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Majlis Peguam Malaysia. Beliau juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Penyelidikan Bersama – Universiti Malaya dan ahli Jawatankuasa Penyelidikan Waqaf di YADIM bagi mencadangkan pembaharuan perundangan dan pengenalan produk-produk baharu berkaitan waqaf di negeri-negeri di Malaysia.

Beliau telah mengendalikan kes-kes berkaitan perundangan terhadap Muslim dan bukan Muslim, pertikaian undang-undang perbankan, pertikaian korporat, pertikaian tanah dan hartanah dan pertikaian dan konflik bagi perundangan Sivil dan Syariah. Bersesuaian dengan dirinya sebagai seorang pengamal undang-undang yang berpengalaman luas, beliau merupakan seorang penulis buku berkaitan Undang-Undang Islam di Malaysia, tesis dan penerbitan jurnal di peringkat tempatan dan antarabangsa.

## YBRS. EN. TAN KEE HENG

**YBRS. EN. TAN KEE HENG** TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 1 NOVEMBER 2018. BELIAU MEMPEROLEHI SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG DARI UNIVERSITY OF WOLVERHAMPTON, UNITED KINGDOM.

**YBrs. En. Tan Kee Heng** aktif sebagai pengamal undang-undang yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan kini merupakan rakan kongsi di S.K. Ling & Tan Advocates (Kuching). Beliau berpengalaman dalam undang-undang berkaitan litigasi, sivil dan kes-kes rayuan. Beliau juga merupakan penulis buku dan editor untuk penerbitan akademik perundangan. Beliau juga dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dan merupakan Ketua Pesuruhjaya Sumpah di Sarawak.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBRS. EN. MOHAMED ZAHARI BIN RAZALI

**YBRS. EN. MOHAMED ZAHARI BIN RAZALI** TELAH DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA MULAI 15 APRIL 2019. BELIAU MEMPEROLEHI SARJANA PENGURUSAN PERNIAGAAN (MBA) DARI UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS).

**YBrs. En. Mohamed Zahari bin Razali** memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir Sementara di Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Terengganu pada 1 Ogos 1986, sebaik sahaja menamatkan pengajian Sarjana Muda Sains Perniagaan Tani, Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Beliau juga pernah dilantik sebagai Pegawai Eksekutif Koperasi Pekebun Kecil Daerah Dungun Bhd., RISDA Daerah Dungun yang juga merangkap sebagai Trading Executive di National Rubber Smallholders Cooperative (NARSCO) Cawangan Terengganu pada 1 Mac 1987.

Beliau seterusnya telah berkhidmat di dalam sektor perkhidmatan awam persekutuan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Bahagian Perancangan Dan Dasar, Kementerian Pertanian Malaysia bermula 1 Disember 1992 dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pengarah, Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat, di Kementerian yang sama.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam dan telah ditempatkan di pelbagai Jabatan dan Kementerian iaitu di Majlis Keselamatan Negara Negeri Sarawak, Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak (MINDEF Sarawak), INTAN Kampus Wilayah Sarawak, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) Lahad Datu, Sabah, INTAN Kampus Wilayah Timur Kemaman, Unit Pemulihan Pasca Banjir (UPPB, JPM) dan seterusnya di Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), JPM sehingga sekarang. Beliau kini memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Sektor Pengurusan Pasca Bencana, NADMA, Putrajaya.

## YBRS. DR AZMAN BIN HUSSIN
(Bermula 28 September 2019)

**YBRS. DR AZMAN BIN HUSSIN** TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) BERKUATKUASA 28 SEPTEMBER 2019. BELIAU MERUPAKAN KPE YANG KE-ENAM SEJAK PENUBUHAN SSM PADA TAHUN 2002.

**Dr. Azman bin Hussin** memiliki Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat serta kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia.

**Dr. Azman bin Hussin** mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan di dalam dan luar negara. Beliau antara lain pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Silicon Vision Corporation, TSI-Telsys Corporation (disenaraikan di Bursa Saham Montreal, Canada). Beliau juga pernah bekerja dalam bidang strategi korporat dan pengurusan prestasi di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom). Di samping itu, beliau mengajar dan melatih dalam bidang strategi dan pengurusan prestasi di Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia.

**Dr. Azman bin Hussin** telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan (AIC) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Beliau juga pernah menulis beberapa buah buku yang telah dipasarkan ke peringkat antarabangsa termasuk penerbitan bertajuk *Higher Objectives of Humanity* dan *Prophet Muhammad the Hallmark of Leadership*.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER
(Sehingga 28 September 2019)

**YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER** MERUPAKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) YANG KE-LIMA DAN TELAH BERSARA WAJIB PADA 28 SEPTEMBER 2019.

Beliau sebelum ini merupakan Timbalan KPE (Perkhidmatan) bermula pada tahun 2002 selaras dengan penubuhan SSM, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan), portfolio yang dipegang oleh **Dato' Zahrah** termasuklah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Pematuhan, Akademi Latihan SSM (COMTRAC) dan Seksyen Komunikasi Korporat.

**YBhg. Dato' Zahrah** merupakan lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang Akauntan Berdaftar dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

**YBhg. Dato' Zahrah** memulakan kerjaya beliau sebagai Akauntan Penasihat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bermula pada tahun 1984 sehingga 1992, di mana bidang kepakaran beliau merupakan penilaian dan piawaian antarabangsa hal-hal berkaitan amalan pasaran terbuka. **Dato Zahrah** seterusnya berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri sebagai Akauntan Prinsipal bermula pada tahun 1992 sehingga 1995 dan bertanggungjawab menguruskan akaun kewangan dan proses pengauditan pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Lanjutan daripada itu, beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1995, sehingga pelantikan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan) pada tahun 2002.

**YBhg. Dato' Zahrah** telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) yang merupakan gabungan pendaftar-pendaftar korporat antarabangsa. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). **Dato' Zahrah** telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). **Dato' Zahrah** merupakan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) dan Jawatankuasa Pemantauan Audit (AOB). Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Koperasi SSM bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). **Dato' Zahrah** juga merupakan Ahli Lembaga Xtensible Business Reporting Language (XBRL) yang merupakan sebuah organisasi global bukan untuk keuntungan yang menyediakan standard pertukaran data terbuka untuk pelaporan perniagaan.

ANGGOTA **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

## JUMLAH KEHADIRAN ANGGOTA SURUHANJAYA UNTUK MESYUARAT ANGGOTA SURUHANJAYA BAGI TAHUN 2019

| ANGGOTA SURUHANJAYA | MESYUARAT ANGGOTA KE-106<br>5 Mac 2019 | MESYUARAT KHAS ANGGOTA 1/2019<br>22 April 2019 | MESYUARAT ANGGOTA KE-107<br>30 Mei 2019 | MESYUARAT KHAS ANGGOTA 2/2019<br>1 Julai 2019 | MESYUARAT KHAS ANGGOTA 3/2019<br>22 Julai 2019 | MESYUARAT ANGGOTA KE-108<br>7 Oktober 2019 | MESYUARAT ANGGOTA KE-109<br>3 Disember 2019 | JUMLAH KEHADIRAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| YBhg. Datuk Muez bin Abd Aziz | • | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin | • | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBhg. Dato' Othman bin Semail | • | X | • | X | • | • | X | 4/7 |
| YBhg. Dato' Zaidon bin Haji Asmuni | • | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBrs. Encik Pawancheek bin Marican | • | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah | • | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBrs. Encik Tan Kee Heng | | • | • | • | • | • | • | 7/7 |
| YBrs. Encik Mohamed Zahari bin Razali | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 15 April 2019 | X | X | • | • | • | X | 3/6 |
| YBrs. Dr. Azman bin Hussin | Mula dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/ Anggota Suruhanjaya pada 28 September 2019 | | | | | • | • | 2/2 |
| YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner | • | X | X | X | X | Bersara sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/ Anggota Suruhanjaya pada 28 September 2019 | | 1/5 |

• Hadir
X Tidak hadir dengan izin

# PENGURUSAN EKSEKUTIF



**DR. AZMAN BIN HUSSIN**
**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Dilantik pada 28 September 2019)

**YBrs. Dr. Azman Bin Hussin** telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuatkuasa 28 September 2019. Beliau merupakan KPE yang ke-enam sejak penubuhan SSM pada tahun 2002.

**Dr. Azman** memiliki Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat serta kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia.

**Dr. Azman** mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan di dalam dan luar negara. Beliau antara lain pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Silicon Vision Corporation, TSI-Telsys Corporation (disenaraikan di Bursa Saham Montreal, Canada). Beliau juga pernah bekerja dalam bidang strategi korporat dan pengurusan prestasi di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom). Di samping itu, beliau mengajar dan melatih dalam bidang strategi dan pengurusan prestasi di Saudi Arabia, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia.

**Dr. Azman** telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan (AIC) Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Beliau juga pernah menulis beberapa buah buku yang telah dipasarkan ke peringkat antarabangsa termasuk penerbitan bertajuk *Higher Objectives of Humanity* dan *Prophet Muhammad the Hallmark of Leadership*.

PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



## YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Bersara pada 28 September 2019)

**Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner** merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau sebelum ini merupakan Timbalan KPE (Perkhidmatan) bermula pada tahun 2002 selaras dengan penubuhan SSM, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan), portfolio yang dipegang oleh Dato' Zahrah termasuklah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Pematuhan, Akademi Latihan SSM (COMTRAC) dan Seksyen Komunikasi Korporat. Dato' Zahrah merupakan lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang Akauntan Berdaftar dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

**Dato' Zahrah** memulakan kerjaya beliau sebagai Akauntan Penasihat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bermula pada tahun 1984 sehingga 1992, di mana bidang kepakaran beliau merupakan penilaian dan piawaian antarabangsa hal-hal berkaitan amalan pasaran terbuka. **Dato' Zahrah** seterusnya berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri sebagai Akauntan Prinsipal bermula pada tahun 1992 sehingga 1995 dan bertanggungjawab menguruskan akaun kewangan dan proses pengauditan pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Lanjutan daripada itu, beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1995, sehingga pelantikan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan) pada tahun 2002.

**Dato' Zahrah** telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) yang merupakan gabungan pendaftar-pendaftar korporat antarabangsa. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). **Dato' Zahrah** merupakan ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) dan Jawatankuasa Pemantauan Audit (AOB). Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Koperasi SSM bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). **Dato' Zahrah** juga merupakan Ahli Lembaga *Xtensible Business Reporting Language* (XBRL) yang merupakan sebuah organisasi global bukan untuk keuntungan yang menyediakan standard pertukaran data terbuka untuk pelaporan perniagaan.

PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



## HAJI ROSLI HAJI AHMAD

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
(Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan)

**Haji Rosli Haji Ahmad** bertanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Januari 2019. Beliau mengawal selia Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise. Beliau telah memulakan kerjaya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan pada tahun 1990 telah ditempatkan di Pejabat Cawangan Labuan. Pada tahun 1992, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat sebagai Ketua Unit Bahagian Pentadbiran & Kewangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM antara tahun 1999 hingga 2002. Pada tahun 2004 beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan kemudiannya Pengarah Negeri SSM Johor pada tahun 2006. Pada tahun 2008 beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2014. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) pada 15 Mac 2015. **Haji Rosli Haji Ahmad** berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



## KHUZAIRI YAHAYA

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
(Kawal Selia & Penguatkuasaan)

**Khuzairi Yahaya** bertanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan) bermula 15 Januari 2019. Beliau mengawal selia Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan & Litigasi, Bahagian Pematuhan Korporat dan Bahagian Siasatan. **Khuzairi Yahaya** memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama Suruhanjaya Sekuriti, pada tahun 2003 beliau menjadi Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan ini diikuti oleh pelantikan beliau sebagai Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. **Khuzairi** telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Mac 2015 di mana beliau menguruskan semua Bahagian di bawah Operasi di SSM. **Khuzairi** memainkan peranan instrumental dalam inisiatif untuk mengubah sistem pendaftaran berasaskan kerangka utama kepada sistem berasaskan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu di bawah indikator 'Memulakan Perniagaan' di bawah Laporan Bank Dunia *'Ease of Doing Business'*.

PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



## NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

**TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**
(Perkhidmatan Korporat)

**Nor Azimah binti Abdul Aziz** telah diberi tanggungjawab sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) berkuatkuasa 15 Januari 2019. Portfolio beliau termasuk mengawal selia fungsi Bahagian Modal Insan, Bahagian Kewangan & Akaun, Bahagian Pentadbiran & Fasiliti, Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan serta Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada 2003. Kemudiannya pada April 2007, beliau dilantik sebagai Pengarah Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) dan seterusnya pada September 2010, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat SSM. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia dan Penguatkuasaan) pada 1 Mei 2016. Beliau memulakan karier sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara pada tahun 1992 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2000 beliau telah dipinjamkan oleh UKM untuk berkhidmat di Regulatory and Standards Department, Malaysian Institute of Accountants. Nor Azimah Abdul Aziz berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada Institut Teknologi Mara (kini UiTM) dan Sarjana Undang-undang Perniagaan (*LLM In Business Law*) dari University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.

# PENGURUSAN **EKSEKUTIF**



1. **Amir Ahmad**
   Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
2. **Aznorashiq Mohamed Zin**
   Pengarah, Bahagian Pematuhan Korporat
3. **Muhamad Faris Othman**
   Pengarah, Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan
4. **Rezy Izwan Ramly**
   Pengarah, Bahagian Siasatan
5. **Zarina Abdul Samad**
   Pengarah, Bahagian Kewangan & Akaun
6. **Aida Adhha Abu Bakar**
   Pengarah, Bahagian Pendakwaan & Litigasi




**7. Azizah Rohani**
Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi

**8. Farid Ahmad**
Pengarah, Bahagian Strategi & Komunikasi Korporat

**9. Samsiah Ibrahim**
Pengarah, Bahagian Modal Insan

**10. Norhaiza Jemon**
Pengarah, Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan

**11. Mohamad Awi Ibrahim**
Pengarah, Bahagian Pentadbiran & Fasiliti

**12. Kosong**
Pengarah, Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan

# CARTA **ORGANISASI**



# **STATISTIK** UTAMA 2019

## SYARIKAT

| Tempatan | Asing | Jumlah Syarikat Diperbadankan 2019 | Jumlah Syarikat Diperbadankan Sehingga 31 Disember 2019 |
|---|---|---|---|
| 46,987 | 41 | 47,028 | 1,345,546 |

## PERNIAGAAN*

| Milikan Tunggal | Perkongsian | Jumlah Perniagaan Didaftarkan 2019 | Jumlah Perniagaan Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2019 |
|---|---|---|---|
| 320,357 | 42,243 | 362,600 | 7,642,241 |

## PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

| Jumlah PLT Didaftarkan 2019 | Jumlah PLT Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2019 |
|---|---|
| 3,943 | 22,740 |

Kadar Pematuhan 2019




## INISIATIF 2019

| Pemeriksaan dijalankan ke atas syarikat | Pemeriksaan dijalankan ke atas perniagaan | Pemeriksaan dijalankan ke atas perkongsian liabiliti terhad | Pendakwaan dijalankan ke atas syarikat | Pendakwaan dijalankan ke atas perniagaan |
|---|---|---|---|---|
| 489,105 | 482,733 | 17,774 | 5,703 | 79 |

* Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tidak terpakai di Sabah dan Sarawak.

# PIAGAM PELANGGAN **SSM**



# LAPORAN PENGURUSAN


AKADEMI LATIHAN & PENGURUSAN PENGETAHUAN : : 32

INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG : : 47

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN : : 50

PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN : : 75

INISIATIF PENGUATKUASAAN : : 91

SOROTAN MEDIA : : 117




# AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2019

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-9 dengan tema ***'Future-Proofing Business in the Digital Age'*** telah diadakan pada 23 dan 24 Julai 2019 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta. Seramai 25 orang penceramah, ahli panel dan moderator telah membentangkan kertas semasa Persidangan yang merangkumi topik-topik berikut:

- *Future-Proofing Business in the Digital Age. Facing the Challenges.*
- *How Board-Ready Are We for the Future?*
- *Tough Questions for Corporate Directors.*
- *Future-Proofing the Company Secretary. Addressing the Gaps.*
- *Agendas for Private Sector in Nation Building.*
- *Combating Financial Fraud and Money Laundering in the Digital Age.*
- *One Stop Business Registration and Licensing Portal.*
- *Interest Schemes Blueprint 2020-2024.*
- *Beneficial Ownership: Framework and Expectations.*
- *SSM Speaks.*








## PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN

### PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2019, SSM telah menganjurkan sejumlah 258 program (2018: 316) dengan penyertaan yang menggalakkan iaitu seramai 10,062 orang peserta (2018: 16,498).




**Program Pendidikan dan Kesedaran dari tahun 2017 hingga 2019**

Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2019 seperti di bawah:

| PROGRAM | JUMLAH SESI | PESERTA |
|---|---|---|
| *Corporate Directors Training Programmes* | 8 | 242 |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* | 18 | 1,192 |
| *Company Secretaries Training Programme Significant 2.0* | 12 | 566 |
| *Continuing Education Programmes* | 59 | 3,469 |
| *In-house Training Programmes* | 12 | 414 |
| *Collaboration Programmes* | 148 | 3,179 |
| *SSM National Conference 2019* | 1 | 1,000 |
| **JUMLAH** | **258** | **10,062** |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

### *CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME*

Program *Corporate Directors Training Programme* (CDTP) secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat.

Terdapat dua (2) pilihan modul *CDTP* yang diperkenalkan pada tahun 2019 iaitu *CDTP + Cyber Security Awareness* yang memfokuskan kepada keselamatan siber dan *CDTP + Financial Statements 101* yang memfokuskan pengenalan penyata kewangan kepada pengarah syarikat. Pada tahun 2019, sebanyak lapan (8) program *CDTP* (2018:5) telah dianjurkan dan dihadiri seramai 242 orang peserta (2018:198).




***Corporate Director Training Programme* dari tahun 2017 hingga 2019**

### *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME ESSENTIAL* 1.0

*Program Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* (CSTPE) adalah kesinambungan dari program Company *Secretaries Training Programme Essential* (CSTPE) di mana isi kandungan program ini telah dikemaskini berdasarkan AS 2016. Program *CSTPE 1.0* ini ialah kursus wajib di bawah skim mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 235(2)(b), Akta Syarikat 2016. Pada tahun 2019, sebanyak 18 program *CSTPE 1.0* telah diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching yang dihadiri oleh seramai 1,192 peserta.




***Company Secretaries Training Programme Essential* 1.0 dari tahun 2017 hingga 2019**

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

### *COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME SIGNIFICANT 2.0*

*Company Secretaries Training Programme Significant* (CSTPS) *2.0* merupakan program susulan kepada *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* dan telah diperkenalkan pada tahun 2013. Sebanyak 12 Program *CSTPS 2.0* (2018:9) yang telah dianjurkan pada tahun 2019 di Kuala Lumpur dan Kuching serta telah dihadiri seramai 566 orang.




***Company Secretaries Training Programme Significant 2.0* dari tahun 2017 hingga 2019**

### *CONTINUING EDUCATION PROGRAMME*

*The Continuing Education Programmes* (CEP) direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 59 program (2018: 79) telah diadakan di Kuala Lumpur, Penang, Ipoh, Johor Bahru, Sibu, Miri, Kuching, Sandakan, Seremban, Melaka dan Kota Kinabalu. Program ini telah dihadiri oleh seramai 3,469 peserta (2018: 5,471).




***Continuing Education Programme* dari tahun 2017 hingga 2019**

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM LATIHAN DALAMAN KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI

SSM turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi dan sambutan adalah amat memberangsangkan. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 12 (2018: 13) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan dengan jumlah peserta seramai 414 orang (2018: 402) yang merangkumi tajuk-tajuk berikut:

| PROGRAM | ORGANISASI |
|---|---|
| *Company Directors Training Programme Essential* | PERHEBAT |
| *Company Directors Training Programme Essential* | UEM Sunrise Sdn. Bhd. |
| *Read, Interpret and Analyze Financial Statements for Company Directors and Company Secretaries* | Tricor Corporate Services Sdn. Bhd. |
| *Highlights on Companies Act 2016: What Directors Need to Know* | Terengganu Inc. |
| *Seminar on Companies Act 2016* | EMKAY Group Berhad |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part A* | PETRONAS |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part B* | PETRONAS |
| *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part C* | PETRONAS |
| *Company Director Training Programme Essential* | PERHEBAT |
| *Seminar on Companies Act 2016* | Malaysia Timber Industries Berhad (MTIB) |
| *Seminar on Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0* | Koperasi Polis DiRaja Malaysia Berhad (KPDRM) |
| *Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0* | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia |

## KERJASAMA DENGAN BADAN PROFESIONAL DAN ORGANISASI

SSM telah memulakan inisiatif program kolaborasi dengan Rakan Strategik (*Partners*) dan Penyedia Rangkaian Latihan (TSP) di bawah *SSM Trainers Development Hub* bagi memenuhi keperluan latihan MBRS dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan konsisten di kalangan pihak berkepentingan. Rakan Strategik Latihan MBRS terdiri daripada:

- Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)
- Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
- Institut Setiausaha Syarikat Diluluskan (IACS)

Penyedia Rangkaian Latihan MBRS terdiri daripada:

- *Ernst & Young Tax Consultants Sdn Bhd* (179793-K)
- *Formis Network Sevices Sdn Bhd* (188270-U)
- *Big Dataworks Sdn. Bhd.* (934369-T)
- *KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd* (150059-H)
- *Baker Tilly MH Consulting Sdn Bhd* (1067792-P)

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

**SEMINAR '*INTRODUCTION TO MBRS*'**

Dalam tahun 2019, sebanyak 27 (2018: 102) sesi seminar '*Introduction to MBRS*' telah dianjurkan bersama SSM dengan Rakan Latihan MBRS dan Penyedia Rangkaian Latihan MBRS dan telah dihadiri seramai 378 peserta (2018:4,653).

**SEMINAR '*MBRS FOR PREPARERS – FINANCIAL STATEMENTS*'**

Dalam tahun 2019, sebanyak 121 (2018:92) sesi seminar '*MBRS for Preparers – Financial Statements*' telah dianjurkan bersama SSM dengan Rakan Latihan MBRS dan Penyedia Rangkaian Latihan MBRS dan telah dihadiri seramai 2,801 peserta (2018:3,399).

**PROGRAM *CORPORATE TEA TALKS***

- SSM telah memperkenalkan satu siri program yang dikenali sebagai Program 'Anda & Perniagaan' kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPTA/ IPTS) yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019.
- Program berbentuk ilmiah ini adalah seiring dengan aspirasi kerajaan yang telah memperkenalkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 ke arah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan ekonomi negara yang seimbang dan mapan seterusnya membentuk pelajar yang berpemikiran dan berbudaya keusahawanan.
- Sebanyak sembilan (9) program telah diadakan pada tahun 2019 dan telah dihadiri oleh seramai 2,206 orang peserta.

| TEMPAT | | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI |
|---|---|---|
|  | **JOHOR BAHRU**<br>**28 April 2019**<br>Universiti Teknologi Mara Johor Bahru, Kampus Pasir Gudang | Politeknik METrO Johor Bahru<br>Universiti Teknologi Mara<br>GIATMARA Prima Pasir Gudang<br>Kolej Komuniti YPJ Johor Bahru<br>Institut Kemahiran MARA Johor Bahru<br>UniKL MITEC<br>Kolej Vokasional Azizah (ERT) |
|  | **KUALA LUMPUR**<br>**3 Mei 2019**<br>Menara SSM@Sentral | Universiti Kebangsaan Malaysia |
|  | **KUALA LUMPUR**<br>**22 Ogos 2019**<br>Menara SSM@Sentral | Program *Corporate Tea Talk Integrity & Governance* |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

| TEMPAT | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI |
|---|---|
|  **SELANGOR** **21 September 2019** Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor |
| | Kolej Poly-Tech Mara, Bangi |
| | Politeknik Nilai |
| | Kolej Teknologi Timur |
| | UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban |
| | Universiti Sains Islam Malaysia |
| | Universiti Kebangsaan Malaysia |
|   **PULAU PINANG** **5 Oktober 2019** Universiti Teknologi Mara Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh | Kolej Komuniti Kepala Batas |
| | Kolej Komuniti Seberang Jaya |
| | GIATMARA Permatang Pauh |
| | Politeknik Metro Tasek Gelugor |
| | GIATMARA Prima Tasek Gelugor |
| | GIATMARA Jelutong |
| | Politeknik Seberang Perai |
| | Universiti Teknologi Mara |
| | Universiti Sains Malaysia |
| | GIATMARA Batu Kawan |
| | Kolej Komuniti Bayan Baru |
|   **SABAH** **16 Oktober 2019** Universiti Teknologi Mara Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu | Universiti Malaysia Sabah |
| | Politeknik Kota Kinabalu |
| | UiTM Kampus Kota Kinabalu |
| | Kolej Teknikal Yayasan Sabah |
| | Kolej Cosmopoint Kota Kinabalu |
| | MSU Sabah |
| | Open University Malaysia |
| | GIATMARA Kota Kinabalu |
| | GIATMARA Penampang |
| | GIATMARA Putatan |
| | GIATMARA Gaya |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

| TEMPAT | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI |
|---|---|
| <br><br>**KELANTAN**<br>**29-31 Oktober 2019**<br>Universiti Malaysia Kelantan<br>Kampus Kota,<br>Pengkalan Chepa<br>Kota Bharu, Kelantan | Universiti Malaysia Kelantan<br>Universiti Sains Islam Malaysia<br>Universiti Malaysia Pahang<br>Universiti Sains Malaysia<br>Universiti Sultan Zainal Abidin<br>Universiti Utara Malaysia<br>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<br>Universiti Malaysia Perlis<br>Univerisit Pertahanan Nasional Malaysia |
| <br><br>**TERENGGANU**<br>**3 November 2019**<br>Universiti Sultan<br>Zainal Abidin | Universiti Sultan Zainal Abidin<br>UiTM Kampus Terengganu<br>UiTM Kampus Bukit Besi<br>Universiti Malaysia Terengganu<br>Cosmopoint College Kuala Terengganu<br>TESDEC<br>GIATMARA Batu Rakit<br>GIATMARA Kuala Nerus<br>GIATMARA Kuala Terengganu<br>GIATMARA Hulu Terengganu<br>GIATMARA Marang |
| <br><br>**KUALA LUMPUR**<br>**13 Disember 2019**<br>Menara SSM@Sentral | Universiti Malaya<br>Universiti Pertahanan Nasional Malaysia<br>Kolej Professional Baitulmal, Kuala Lumpur<br>Kolej Universiti Poly-Tech Mara, Kuala Lumpur<br>Politeknik METRO Kuala Lumpur<br>GIATMARA Titiwangsa<br>GIATMARA Lembah Pantai<br>GIATMARA Setiawangsa<br>GIATMARA Wangsa Maju<br>GIATMARA Bandar Tun Razak<br>GIATMARA Cheras<br>GIATMARA Kepong<br>Kolej Antarabangsa Sains Perubatan Pusrawi (PICOMS) |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

**PROGRAM LATIHAN MENGENAI PENDAFTARAN PERNIAGAAN, PENGENALAN KEPADA AKTA SYARIKAT 2016 DAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD**

- Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat SSM, COMTRAC telah meneruskan usahanya menyediakan latihan percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran di kalangan graduan, penuntut institusi pengajian tinggi dan usahawan baharu dengan tujuan mendorong semangat keusahawanan mereka.
- Pada tahun 2019, COMTRAC telah dijemput untuk mengadakan ceramah berkaitan *'Start Your Own Business: Registration of Business and Limited Liability Partnership and Incorporation of Companies'* dan topik lain yang berkaitan iaitu sebanyak 78 program dengan 7,704 orang peserta yang telah menghadiri program dianjurkan.

**PROGRAM LATIHAN *MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM***

Terdapat dua (2) jenis latihan MBRS yang ditawarkan oleh SSM bersama-sama Rakan Strategik (*SSM Partners*) dan Penyedia Rangkaian Latihan (*Training Service Provider*) iaitu:

- ***Introduction to MBRS* (1 hari)**
  *Overview of MBRS. How to optimize the use of the preparation tool (mTool). Compulsory digital signature registration. How to prepare and submit Annual Returns under MBRS.*
- ***MBRS for Preparers – Financial Statements* (2 hari)**
  *Hands-on training for preparers in using preparation tool (mTool) for submission of financial statements and key financial indicators.*

Sebanyak tujuh (7) sesi latihan '*Introduction to MBRS*' dan 18 sesi latihan '*MBRS for Preparers – Financial Statements*' telah dianjurkan oleh COMTRAC di Kuala Lumpur, Penang, Sibu, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Melaka. Kedua – dua latihan MBRS tersebut telah dihadiri seramai 1,429 peserta.

## KOLABORASI STRATEGIK COMTRAC BERSAMA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)**

- Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera merupakan program khas kerjasama di antara SSM dan UiTM kampus Negeri Sembilan yang bertujuan untuk memberi latihan serta pembelajaran kepada alumni-alumni UiTM yang berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang Setiausaha Syarikat.
- Program yang berlangsung selama lima (5) hari ini dipadatkan dengan kelas, slot *'knowledge sharing'* bersama pengamal serta lawatan ke pejabat setiausaha syarikat terpilih untuk tujuan pendedahan sebelum menduduki ujian bertulis dan lulus sesi temuduga untuk mendapatkan lesen sebagai setiausaha syarikat yang sah.
- Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera dengan kerjasama UiTM ini dijalankan di dalam dua (2) sesi latihan yang berasingan dengan mengekalkan pendekatan pembelajaran di dalam kelas dan ceramah. Ianya dilihat lebih efektif dan dekat dengan budaya pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

| | PROGRAM 1 (SIRI 8) | PROGRAM 2 (SIRI 9) |
|---|---|---|
| **TARIKH** | 17 – 21 Jun 2019 | 2 – 6 Disember 2019 |
| **TEMPAT** | Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3 | Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3 |
| **MASA** | 8.30 pagi – 5.00 petang | 8.30 pagi – 5.00 petang |

# LAPORAN **PENGURUSAN**
## Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

- Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera yang dianjurkan pada tahun 2019 ini merupakan sebuah program kesinambungan daripada program yang telah dijalankan pada tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 di UiTM Seremban 3. Rumusan pencapaian siri-siri yang diadakan adalah seperti berikut:

| SIRI | TARIKH | JUMLAH PESERTA | PENCAPAIAN LULUS |
|---|---|---|---|
| **1** | 20 April – 25 April 2015 | 24 | 14 |
| **2** | 30 Mei – 3 Jun 2016 | 32 | 28 |
| **3** | 28 November – 2 Disember 2016 | 22 | 18 |
| **4** | 15 Mei – 19 Mei 2017 | 27 | 23 |
| **5** | 23 Oktober – 27 Oktober 2017 | 28 | 27 |
| **6** | 23 April – 27 April 2018 | 19 | 16 |
| **7** | 22 Oktober – 26 Oktober 2018 | 50 | 39 |
| **8** | 17 Jun – 21 Jun 2019 | 49 | 27 |
| **9** | 2 Disember – 6 Disember 2019 | 27 | 22 |
| | | | **214** |

- Seramai 214 orang peserta telah berjaya dilesenkan sebagai setiausaha syarikat dan ini secara tidak langsung telah memberi impak yang besar di dalam pertambahan bilangan setiausaha syarikat bumiputera dan seterusnya memenuhi kehendak agenda nasional dalam memperkasa ekonomi bumiputera.






LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019



**PROGRAM**
*MBRS for Preparers - Financial Statements*

**TARIKH & TEMPAT**
7-8 Januari 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Corporate Director Training Programme Fundamental 2.0*

**TARIKH & TEMPAT**
9 Januari 2019
Menara SSM@Sentral

**PROGRAM**
*Introduction to MBRS*

**TARIKH & TEMPAT**
15 Januari 2019
The Light Hotel,
Pulau Pinang



**PROGRAM**
*MBRS for Preparers- Financial Statements*

**TARIKH & TEMPAT**
16 & 17 Januari 2019
The Light Hotel,
Pulau Pinang





**PROGRAM**
*Companies Act 2016. Share Registration Practical Issues*

**TARIKH & TEMPAT**
28 Januari 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Company Secretaries Training Programme Significant 2.0*

**TARIKH & TEMPAT**
14 Februari 2019
Menara SSM@Sentral

**PROGRAM**
*Introduction to MBRS*

**TARIKH & TEMPAT**
19 Februari 2019
RH Hotel, Sibu



**PROGRAM**
*Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0 + Security Awareness*

**TARIKH & TEMPAT**
21 Februari 2019
Promenade Hotel, Kota Kinabalu



LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019

**PROGRAM**
*Introduction to MBRS*

**TARIKH & TEMPAT**
5 Mac 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Restricted Power of Directors*

**TARIKH & TEMPAT**
19 Mac 2019
Weil Hotel, Ipoh





**PROGRAM**
*Companies Act 2016: Charges: Registration, Compliance & Practice*

**TARIKH & TEMPAT**
19 Mac 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Limited Liability Partnerships Act 2012 & Taxation Related Issues*

**TARIKH & TEMPAT**
20 Mac 2019
Menara SSM@Sentral

**PROGRAM**
*Company Directors Training Programme Essential – In House Seminar for UEM Sunrise*

**TARIKH & TEMPAT**
21 Mac 2019
Hyatt House Mont Kiara, Kuala Lumpur



**PROGRAM**
*Read, Interpret and Analyze Financial Statements for Company Directors and Company Secretaries – In House Seminar for Tricor Corporate Services*

**TARIKH & TEMPAT**
5 April 2019
The Vertical, Bangsar South





**PROGRAM**
*Companies Act 2019. Replacing the M&A with a New Constitution*

**TARIKH & TEMPAT**
8 April 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*MBRS for Preparers-Financial Statements*

**TARIKH & TEMPAT**
24 April 2019
Hotel Equatorial, Melaka

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019

**PROGRAM**
*Corporate Director Training Programme Fundamental 2.0 + Financial Statements*

**TARIKH & TEMPAT**
8 Mei 2019
Hilton Hotel, Kuching



**PROGRAM**
*MBRS Train The Trainer III*

**TARIKH & TEMPAT**
13 – 17 Mei 2019
Menara SSM@Sentral






**PROGRAM**
*Cessation of Company & LLP*

**TARIKH & TEMPAT**
20 Jun 2019
Promenade Hotel,
Kota Kinabalu



**PROGRAM**
*Cyber Security Awareness for Users - Are You Ready?*

**TARIKH & TEMPAT**
3 Julai 2019
Menara SSM@Sentral

**PROGRAM**
*Company Secretaries Training Programme Essential 1.0*

**TARIKH & TEMPAT**
2 – 4 Julai 2019
Promenade Hotel,
Kota Kinabalu



**PROGRAM**
*Read, Interpret and Analyze Financial Statements for Company Directors and Company Secretaries (Intermediate Level)*

**TARIKH & TEMPAT**
16 Julai 2019
Menara SSM@Sentral





**PROGRAM**
*Disclosure by Directors and Shareholders*

**TARIKH & TEMPAT**
14 Ogos 2019
Imperial Hotel, Miri



**PROGRAM**
*Company Secretaries Training Programme Essential 1.0*

**TARIKH & TEMPAT**
20 – 22 Ogos 2019
Menara SSM@Sentral

LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019



**PROGRAM**
*Preparing for Corporate Liability in Malaysia and How Ethics Make Business Sustainable*

**TARIKH & TEMPAT**
19 September 2019
Hilton Hotel, Kuching



**PROGRAM**
*Company Secretaries Training Programme Essential 1.0*

**TARIKH & TEMPAT**
24 – 26 September 2019
Hilton Hotel, Kuching

**PROGRAM**
*Company Directors Training Programme Essential – In House Seminar for PERHEBAT*

**TARIKH & TEMPAT**
29 September 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*A Practical Guide for Company Secreteries*

**TARIKH & TEMPAT**
8 Oktober 2019
Klana Resort, Seremban





**PROGRAM**
*Introduction to MBRS*

**TARIKH & TEMPAT**
9 Oktober 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Company Secreteries Training Programme Significant 2.0*

**TARIKH & TEMPAT**
15 – 17 Oktober 2019
Hilton Hotel, Kuching

**PROGRAM**
*Workshop on Corporate Liability and Establishing Adequate Procedures for Small Medium Enterprises*

**TARIKH & TEMPAT**
26 – 28 November 2019
Menara SSM@Sentral



**PROGRAM**
*Seminar on Companies Act 2016 – In House seminar for Malaysia Timber Industry Board*

**TARIKH & TEMPAT**
19 November 2019
Dewan Persidangan MTIB,
Kuala Lumpur



LAPORAN **PENGURUSAN**
Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan

## PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2019



**PROGRAM**

*Company Directors Training Programme Essential – In House Seminar for Koperasi Polis DiRaja Malaysia*

**TARIKH & TEMPAT**

25 November 2019
Kuala Lumpur International Hotel

# INISIATIF DAN PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

## PENGUATKUASAAN SEKSYEN 241 AKTA SYARIKAT 2016

Seksyen 241 AS 2016 telah dikuatkuasakan bermula 15 Mac 2019. Seksyen 241 AS 2016 adalah fasa akhir peruntukan di bawah AS 2016 yang telah dikuatkuasakan secara berperingkat pada 31 Januari 2017. Dengan penguatkuasaan seksyen tersebut, semua individu berkelayakan yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha perlu mendaftar dengan Pendaftar tanpa mengira latar belakang profesional mereka. AS 2016 juga memperuntukkan tempoh peralihan bagi setiausaha syarikat sedia ada untuk memohon perakuan amalan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kuatkuasa.

Selaras dengan penguatkuasaan seksyen ini SSM juga memperkenalkan Peraturan-Peraturan Syarikat (Perakuan Amalan Bagi Setiausaha) 2019 dan Garis Panduan Berkaitan Perakuan Amalan Setiausaha Di bawah seksyen 241 AS 2016 yang bertujuan untuk menggariskan parameter prosedur pendaftaran serta tugas dan tanggungjawab setiausaha.

Pendaftaran di bawah peruntukan ini dijangka akan menambahbaik piawaian profesionalisme dan kompetensi dalam profesion kesetiausahaan dan memastikan pemantauan yang efektif oleh SSM melalui pangkalan data berpusat.




**DIAGRAM 1**: Penguatkuasaan seksyen 241 AS 2016

## RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2019

Pada 31 Julai 2019, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2019 iaitu pindaan pertama kepada AS 2016. Pindaan ini bertujuan menjelaskan beberapa peruntukan dalam AS 2016 dan menambahbaik prosedur dalaman syarikat untuk tadbir urus yang lebih teratur dan berkesan.




**DIAGRAM 2**: Pindaan AS 2016

## RANG UNDANG-UNDANG HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR

Cadangan Rang Undang-undang ("RUU") Harta Alih Kepentingan Bercagar akan menyediakan peruntukan untuk:

(i) memperkenalkan kerangka perundangan bagi kepentingan bercagar di Malaysia; dan

(ii) mewujudkan sebuah pendaftaran cagaran bersepadu di Malaysia.

Pengenalan cadangan RUU ini akan menangani jurang utama bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan harta alih sebagai cagaran dan secara signifikan meningkatkan akses mereka terhadap pembiayaan kerana harta alih sama ada aset ketara atau tak ketara sering menyumbang sebahagian besar modal perniagaan khasnya kepada PKS. Manfaat lain daripada cadangan RUU tersebut ialah:

(i) meningkatkan akses kredit dan mengurangkan risiko terhadap kredit (mengurangkan kos dalam mendapatkan kredit) terutamanya bagi PKS;

(ii) meningkatkan kepelbagaian harta yang boleh diterima sebagai cagaran oleh institusi kewangan dengan lebih efisien; dan

(iii) memungkinkan pengewangan aset tak ketara digunakan sebagai cagaran (contoh: harta intelek).

Untuk memastikan pengenalan RUU ini berjalan dengan lancar ini di Malaysia, beberapa perbincangan dengan pelbagai Kementerian dan Agensi telah diadakan pada tahun 2019 untuk:

(i) memuktamadkan kenyataan polisi yang dicadangkan bagi RUU; dan

(ii) menangani pindaan berbangkit yang diperlukan berikutan pengenalan kerangka perundangan ini untuk Malaysia.

RUU yang dicadangkan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020.




**DIAGRAM 3**: Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar

## PEMUNYA BENEFISIAL

Menurut *Financial Action Task Force* (FATF), entiti-entiti seperti syarikat dan PLT adalah cenderung untuk dijadikan landasan untuk menjalankan aktiviti pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan oleh individu yang bersembunyi di belakang entiti dan dikenali sebagai pemunya benefisial.

Di Malaysia, kesemua syarikat dan PLT adalah tertakluk di bawah AS 2016 dan APLT 2012. Oleh itu, SSM menggunakan kuasanya di bawah seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM2001) untuk mengeluarkan garis panduan berkenaan kerangka pelaporan pemunya benefisial bagi syarikat dan perkongsian liabiliti terhad demi memupuk ketelusan korporat dalam perniagaan di Malaysia.

Kerangka pelaporan pemunya benefisial meliputi keperluan mengenal pasti dan mengesahkan identiti pemunya benefisial, menyimpan maklumat pemunya benefisial yang tepat dan terkini, memaklumkan Pendaftar sekiranya terdapat perubahan maklumat dan menyediakan akses kepada maklumat tersebut.

Pada tahun 2019, beberapa konsultasi awam berkenaan cadangan kerangka pelaporan pemunya benefisial telah diadakan bersama dengan Kementerian, Agensi Kerajaan, Badan Berkanun serta beberapa Badan Profesional berkaitan bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas. Garis Panduan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial dijangka akan dikuatkuasakan pada suku tahun pertama tahun 2020.

# PENYAMPAIAN **PERKHIDMATAN**

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN SYARIKAT 2019

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pemerbadanan Syarikat Baharu (seksyen 14) | 1 Hari | 100 |
| Kelulusan Permohonan Nama (seksyen 26) | 1 Hari | 100 |
| Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam (seksyen 190) | 1 Hari | 100 |
| Perubahan Pertukaran Nama Syrikat (seksyen 28) | 1 Hari | *100* |
| Pertukaran Status Syarikat (seksyen 41) | 1 Hari | 100 |
| Pendaftaran Gadaian (seksyen 352) | 2 Hari | 100 |
| Pendaftaran Prospektus | 3 Hari | 100 |

## MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MYCOID) 2016

| TRANSAKSI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Permohonan nama syarikat | **81,297** | 83,675 | 87,088 |
| Pemerbadanan syarikat | **46,821** | 47,214 | 47,690 |
| Pelantikan setiausaha syarikat pertama | **46,856** | 47,292 | 44,034 |
| Penyata perumpukan syer | **43,301** | 41,625 | 36,190 |
| Daftar anggota | **127,621** | 100,028 | 86,765 |
| Serah simpan perlembagaan syarikat serta *e-stamping* | **6,380** | 6,142 | 4,058 |
| Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar | **69,406** | 66,613 | 24,576 |
| Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha | **253,008** | 214,660 | 77,129 |
| *Reassignment of company secretary* | **30,669** | 26,393 | 5,455 |
| Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian | **6,155** | 1,560 | 607 |
| **TOTAL** | **711,514** | **635,202** | **413,592** |

## *MALAYSIAN BUSINESS REPORTING SYSTEM*

Pada 27 September 2018, SSM melancarkan *Malaysian Business Reporting System* atau akronimnya, MBRS. MBRS adalah platform serah simpan digital berdasarkan format *eXtensible Business Reporting Language* (XBRL). MBRS membolehkan serah simpan bagi:

- Penyata Tahunan;
- *Certificate for Exempt Private Company* (EPC);
- Penyata Kewangan Tidak Diaudit;
- Penyata Kewangan Teraudit; dan
- Permohonan Pengecualian berkaitan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan.

SSM melaksanakan serah simpan Penyata Tahunan, *Certificate for Exempt Private Company* (EPC) dan Penyata Kewangan Tidak Diaudit secara mandatori melalui MBRS seperti jadual pelaksanaan berikut:

| ZON | NEGERI | TARIKH PELAKSANAAN |
|---|---|---|
| **Zon Tengah** | Kuala Lumpur and Selangor | 1 November 2018 |
| **Zon Selatan** | Negeri Sembilan, Melaka and Johor | 1 Januari 2019 |
| **Zon Timur** | Pahang, Kelantan and Terengganu | |
| **Zon Utara** | Perlis, Perak, Kedah and Pulau Pinang | 1 Februari 2019 |
| **Malaysia Timur** | Sabah, Sarawak and Labuan | 1 Mac 2019 |

Statistik MBRS adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Penyata Tahunan | **540,959** | 40,502 |
| *Certificate for Exempt Private Company* (EPC) | **13,944** | 322 |
| Penyata Kewangan Tidak Diaudit | **702** | 4 |
| Penyata Kewangan Teraudit | **3,683** | 136 |
| Permohonan Pengecualian berkaitan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan | **963** | 45 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

| PERMOHONAN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Permohonan lanjutan masa di bawah seksyen 259(2), 340 dan 22(5)(b) AS 2016 | **2,072** | 2,582 | 1,965 |
| Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan penyata kewangan beraudit dan laporan pengarah di bawah seksyen 255(1) AS 2016 | **98** | 144 | 155 |
| Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah seksyen 247(3) AS 2016 | **37** | 45 | 64 |
| Permohonan pengenepian *(waiver)* bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah seksyen 575(7) AS 2016 | **28** | 57 | 67 |
| Serah simpan *initial public offerings, abridged prospectus* dan dokumen lain yang berkaitan | **1,134** | 715 | 880 |
| Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat | **70** | 64 | 98 |
| **JUMLAH** | **3,439** | 3,607 | 3,229 |

## SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Statistik permohonan bagi mendapatkan kelulusan Menteri adalah seperti jadual di bawah:

| PERMOHONAN KELULUSAN MENTERI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya | **55** | 61 | 58 |
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad' | **35** | 39 | 51 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk mengugurkan perkataan 'Berhad' | **4** | 0 | 2 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk memiliki/ mencagar dan menjual tanah | **53** | 78 | 188 |
| Permohonan Kelulusan Menteri bagi pelantikan pengarah baru | **425** | 415 | 366 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai | **17** | 11 | 17 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **70** | 55 | 71 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk memegang milik penuh anak syarikat | **0** | 0 | 0 |
| Permohonan Kelulusan Menteri untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | **9** | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **668** | 659 | 753 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

Statistik permohonan bagi mendapatkan kelulusan Pendaftar adalah seperti jadual di bawah:

| PERMOHONAN KELULUSAN PENDAFTAR | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Permohonan kelulusan Pendaftar bagi pelantikan pengarah baharu | **828** | 422 | 34 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk mendapatkan sumbangan/ derma dari orang ramai | **10** | 7 | 1 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **33** | 19 | 8 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk memegang milik penuh anak syarikat | **2** | 0 | 0 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk membenarkan pembayaran gaji dan elaun tetap kepada lembaga pengarah | **7** | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **880** | 448 | 43 |

## SKIM KEPENTINGAN

Bilangan Skim Kepentingan didaftarkan adalah seperti berikut:

| KATEGORI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Golf dan Kelab Rekreasi | **72** | 72 | 72 |
| Kelab Melalui Saham | **22** | 22 | 19 |
| Kelab Rekreasi | **36** | 35 | 35 |
| Kongsimasa | **29** | 28 | 27 |
| Marina | **10** | 10 | 9 |
| Taman Memorial | **21** | 18 | 15 |
| Kongsitani | **14** | 13 | 12 |
| Peralatan | **4** | 2 | 3 |
| Hartanah | **10** | 10 | 10 |
| **JUMLAH** | **218** | 210 | 202 |



LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia penamatan atau penggulungan skim secara teratur seperti skim-skim yang tidak aktif tetapi masih belum ditamatkan dengan sewajarnya, skim bermasalah yang tidak lagi boleh diteruskan atau tidak lagi menguntungkan atau skim yang menanggung kerugian. SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar penamatan atau penggulungan skim berkenaan mematuhi peruntukan undang-undang.

Antara bulan Januari dan Disember 2019, sebanyak satu (1) skim telah digulungkan menjadikan jumlah terkumpul bagi skim yang ditamatkan sehingga bulan Disember 2019 adalah sebanyak 40. Sebanyak 17 skim masih dalam proses penamatan.

STATUS SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR




## PELAN INDUK SKIM KEPENTINGAN

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melancarkan buat julung kalinya Pelan Induk Skim Kepentingan sempena penganjuran Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2019 (SSMNC2019) selama dua (2) hari bermula bermula 23 hingga 24 Julai 2019 bertempat di Sunway Pyramid Convention Centre, Petaling Jaya.

Pelancaran Pelan Induk Skim Kepentingan yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertujuan untuk menetapkan hala tuju hadapan, menggariskan langkah-langkah dan strategi pelaksanaan yang mampan dan bersepadu bagi mengembangkan industri skim kepentingan di negara ini.

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution di dalam ucapannya turut menyatakan bahawa SSM menyedari bahawa aktiviti ekonomi ini berpotensi besar untuk membantu pertumbuhan ekonomi Negara dan mengambil langkah proaktif untuk membangunkan Pelan Induk atau "*Blueprint*" bagi industri Skim Kepentingan yang ditadbir oleh SSM di bawah Akta Skim Kepentingan 2016 yang telah berkuatkuasa pada 31 Januari 2017.

## GADAIAN

Statistik gadaian adalah seperti berikut:

| TRANSAKSI GADAIAN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran gadaian | **22,667** | 20,045 | 18,277 |
| Pendaftaran pelepasan gadaian | **9,467** | 12,130 | 9,914 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## PENGGULUNGAN

| TAHUN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Jumlah syarikat digulung | **2,930** | 3,059 | 2,169 |
| Jumlah syarikat bubar | **1,535** | 1,724 | 1,634 |

Tahun 2019 merekodkan sejumlah 2,930 syarikat telah digulungkan berbanding dengan 3,059 syarikat pada tahun sebelumnya. Ianya menunjukkan penurunan sebanyak 4%. Manakala jumlah syarikat yang dibubarkan pada tahun 2019 adalah 1,535 berbanding dengan 1,724 syarikat bagi tahun sebelumnya. Ianya juga menunjukkan penurunan sebanyak 11%.

## PEMBATALAN NAMA

| TAHUN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Jumlah syarikat bubar | **56,712** | 67,110 | 58,712 |

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui pembatalan nama syarikat juga menunjukkan pengurangan dari 67,110 bagi tahun 2018 kepada 56,712 bagi tahun 2019 iaitu pengurangan sebanyak 15.49%. Penurunan jumlah syarikat bubar melalui pembatalan nama kemungkinan disebabkan oleh ketiadaan moratorium yang ditawarkan.

## PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

| PERMOHONAN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 | **39** | 45 | 34 |
| Peletakhakkan aset di bawah seksyen 557 AS 2016 | **58** | 35 | 5 |
| Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016 | **4** | 7 | 6 |
| **JUMLAH** | **101** | 87 | 45 |

Pada tahun 2019, jumlah permohonan pengurusan aset syarikat bubar yang merangkumi permohonan di bawah seksyen 556, 557 dan 558 mencatatkan kenaikan daripada 87 permohonan pada tahun 2018 kepada 101 permohonan pada tahun 2019. Iaitu kenaikan sebanyak 16.09%. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, permohonan kepada Pendaftar Syarikat untuk bertindak sebagai wakil syarikat bubar di bawah seksyen 556 mencatatkan penurunan sebanyak 13.33%, iaitu daripada 45 permohonan pada tahun 2018 kepada 39 permohonan pada tahun 2019.

Permohonan untuk peletakhakkan statutori aset kepada Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 557 AS 2016 pula telah mencatatkan kenaikan sebanyak 65.71% iaitu daripada 35 permohonan pada tahun 2018 kepada 58 permohonan pada tahun 2019. Seterusnya, SSM juga menerima 4 permohonan untuk pembelian aset yang terletakhak pada Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 558 sepanjang tahun 2019 berbanding 7 permohonan pada tahun 2018 dengan mencatat penurunan sebanyak 42.85%.

Peningkatan permohonan bagi pengurusan aset syarikat bubar pada tahun 2019 menunjukkan terdapat kesedaran dalam kalangan pihak-pihak berkepentingan mengenai peruntukan AS 2016 berhubung pengurusan aset syarikat sebelum syarikat berstatus bubar. Pada tahun 2020, SSM juga menjangkakan peningkatan dalam penerimaan permohonan pengurusan aset syarikat bubar kerana SSM akan terus merangka beberapa program kesedaran di seluruh negara yang akan dijalankan secara kolaborasi dengan agensi-agensi kerajaan yang terlibat demi meningkatkan pengetahuan pengurusan aset syarikat bubar.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## MEKANISMA PENYELAMAT KORPORAT

| PENGURUSAN KEHAKIMAN | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Permohonan Pengurusan Kehakiman di Mahkamah | **11** | 16 |
| Perintah Pengurusan Kehakiman diberikan (*Application Granted*) | **4** | 5 |
| Perintah Pengurusan Kehakiman dilepaskan (*Discharged Order*) | **4** | 2 |

| PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Permohonan Perkiraan Sukarela Korporat | **1** | 3 |

SSM telah menguatkuasakan Bahagian III, Penggal 8, Subpenggal 1 & 2 AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat (*'Corporate Rescue Mechanism'*) ('CRM') yang terdiri daripada Perkiraan Sukarela Korporat (*'Corporate Voluntary Arrangement'*) ('CVA') dan Pengurusan Kehakiman (*'Judicial Management'*) ('JM') pada 1 Mac 2018. Objektif-objektif CRM adalah seperti berikut:

(a) Untuk membantu memulihkan syarikat yang mengalami masalah kewangan dan meningkatkan prestasi keuntungan syarikat;

(b) Untuk membolehkan syarikat menyediakan dan melaksanakan pelan rehabilitatsi tanpa campur tangan pemiutang-pemiutang; dan

(c) Mekanisma ini memperuntukkan proses dan prosedur untuk memulihkan syarikat daripada diambil tindakan akhir untuk penggulungan syarikat.

Bagi tahun 2019, sebanyak 11 syarikat telah memohon kepada Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah JM. Pada tahun yang sama juga, sebanyak empat (4) syarikat telah berjaya mendapat Perintah JM daripada Mahkamah. Manakala empat (4) syarikat pula telah dilepaskan daripada Perintah JM oleh Mahkamah.

Sehingga Disember 2019, hanya satu (1) syarikat telah memohon kepada Mahkamah untuk diletakkan di bawah CVA. Bagi memudahkan pelaksanaan MPK, Kaedah-Kaedah Syarikat CRM 2018 dan Arahan Amalan 4/2018 juga telah dikuatkuasakan dan diperkenalkan pada tarikh yang sama.

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN

| BORANG | PIAGAM PELANGGAN | PERATUSAN (%) |
|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | **1 Jam** | 99.59 |
| Pembaharuan Perniagaan Baharu (Borang A1) | **15 Minit** | 99.80 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B) | **1 Jam** | 99.24 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | **15 Minit** | 98.08 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## KAUNTER PERKHIDMATAN PERNIAGAAN

| TRANSAKSI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan | **1,808** | 112,129 | 361,600 |
| Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan | **11,150** | 527,918 | 620,246 |
| Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan | **14,423** | 146,187 | 209,104 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan | **2,328** | 27,342 | 48,632 |

## KAUNTER PERKHIDMATAN SYARIKAT

Seksyen Pengurusan Khidmat Pelanggan merupakan tempat tumpuan utama pelanggan SSM untuk membuat urusan pertanyaan, serahsimpan dokumen, mendapatkan maklumat dan membuat bayaran mengenai urusan berkaitan syarikat yang didaftarkan di bawah AS 1965 / AS 2016. Berikut ialah jadual berkaitan jenis dokumen yang diterima di kaunter SSM.

| TRANSAKSI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Dokumen dengan bayaran | **306,375** | 537,741 | 518,117 |
| Dokumen tanpa bayaran | **173,428** | 143,627 | 355,643 |

## PENERIMAAN DOKUMEN MELALUI PENGURUSAN KHIDMAT PELANGGAN



LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN

| NEGERI | KEKERAPAN | PENDAFTARAN PERNIAGAAN BAHARU | PERUBAHAN MAKLUMAT | PEMBAHARUAN PERNIAGAAN |
|---|---|---|---|---|
| Perlis | 10 | 20 | 0 | 0 |
| Terengganu | 49 | 1,068 | 225 | 602 |
| Melaka | 43 | 1,100 | 5 | 89 |
| Pahang | 61 | 1,350 | 578 | 1,262 |
| Negeri Sembilan | 85 | 894 | 322 | 1,258 |
| Kedah | 403 | 1,122 | 1,302 | 293 |
| Kelantan | 80 | 2,213 | 516 | 1,869 |
| Perak | 53 | 2,087 | 905 | 971 |
| Pulau Pinang | 78 | 2,500 | 1,342 | 4,108 |
| Selangor | 50 | 401 | 297 | 437 |
| Johor | 212 | 3,643 | 2,179 | 4,261 |
| **JUMLAH** | **1,124** | **16,398** | **7,671** | **15,150** |

## KAUNTER PERKHIDMATAN DI KPDNHEP PUTRAJAYA

| 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| TRANSAKSI | | |
| **30,801 (Kaunter)**<br>**24,468 (Ezbiz OTC)** | 48,900 (Kaunter)<br>24,749 (Ezbiz OTC) | 108,640 (Kaunter)<br>8,234 (Ezbiz OTC) |

## TRANSAKSI DI PEJABAT SSM UTC

| UTC | 2019 | | 2018 | | 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN | SYARIKAT | PERNIAGAAN |
| | TRANSAKSI | | TRANSAKSI | | TRANSAKSI | |
| Kuala Lumpur | - | 183,903 | - | 190,018 | - | 141,108 |
| Melaka | - | 60,629 | - | 17,125 | 10 | 313,214 |
| Pahang | - | 8,537 | - | 27,408 | - | 11,285 |
| Terengganu | - | - | 12,188 | 38,645 | 12,765 | 38,838 |
| Perlis | - | - | 1,221 | 27,773 | - | - |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## PERKHIDMATAN SSM E-INFO

| 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| TRANSAKSI | | |
| **1,971,389** | 1,821,182 | 1,612,774 |

## PERKHIDMATAN MYDATA-SSM

| 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| TRANSAKSI | | |
| **1,900,795** | 1,306,978 | 1,251,964 |

## *CORPORATE AND BUSINESS INFORMATION DATA* (CBID)

| TAHUN | PERMOHONAN |
|---|---|
| **2019** | 154 |
| **2018** | 89 |
| **2017** | 128 |

## JUMLAH TRANSAKSI EZBIZ KIOSK

| PEMBAYARAN KOMPAUN | PEMBAHARUAN PERNIAGAAN | PEMBELIAAN MAKLUMAT PERNIAGAAN |
|---|---|---|
| 145,157 | 355,129 | 234,658 |

## PENDAFTARAN MELALUI EZBIZ ONLINE

| AKTIVITI | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran Pengguna | **475,727** | 433,880 | 144,952 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## SSM BIZTRUST

SSM BizTrust merupakan satu (1) piawaian yang ditawarkan kepada sesebuah entiti perniagaan yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan syarat entiti tersebut telah mematuhi prinsip dan kriteria yang telah ditetapkan. Ianya menyediakan platform kepada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan dalam talian memperolehi pensijilan SSM BizTrust melalui logo (seal) yang akan dipaparkan pada laman sesawang/ media sosial/ blog perniagaan mereka.

## PENDAFTARAN MELALUI EZBIZ

| TAHUN | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Jumlah Permohonan | **648** | 1,916 | 988 |

## PENDAFTARAN SSM BIZTRUST

| TAHAP | 1 | 2 | 3 |
|---|---|---|---|
| Jumlah Pendaftaran | **592** | 11 | 45 |

## SKIM 1 PELAJAR 1 PERNIAGAAN (SKIM 1P1P)

Di bawah Skim 1P1P, pelajar yang telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah layak menikmati insentif daripada bayaran pendaftaran sebanyak RM30.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama seperti di kad pengenalan atau RM60.00 bagi pendaftaran perniagaan atas nama tred dan cetakan maklumat sebanyak RM10.00. Sehingga tahun 2019, seramai 57,759 pelajar IPT telah mendaftar perniagaan di bawah Skim 1P1P melibatkan peruntukan sebanyak RM3,538,815.20.

## PAKEJ INSENTIF ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Pakej OKU yang diperkenalkan dan berkuatkuasa sejak 23 Oktober 2012 adalah bertujuan memberi fokus serta galakan kepada golongan istimewa untuk menyertai bidang perniagaan secara sah dan seterusnya mempertingkatkan ekonomi melalui aktiviti perniagaan.

Pengurusan dan kaedah pelaksanaan insentif ini telah dikemaskini supaya golongan OKU dapat menikmati pakej ini dan menceburi bidang perniagaan serta menambah pendapatan selaras dengan keupayaan mereka.

Antara pengemaskinian yang telah dilaksanakan ialah konsep 1 OKU 1 Perniagaan di mana permohonan Pendaftaran Perniagaan oleh OKU kini dihadkan kepada satu (1) perniagaan sahaja kepada setiap OKU. Konsep ini bertujuan untuk menyekat aktiviti tidak bermoral oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan ke atas golongan istimewa ini. Pendaftaran perniagaan dan pendaftaran pembaharuan secara percuma hanya untuk satu perniagaan sahaja.

# KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

## PUSAT PANGGILAN SSM

Secara purata, SSM menerima sebanyak 16,000 panggilan telefon sebulan daripada pelanggan. Angka ini agak tinggi jika dibandingkan dengan kapasiti yang boleh dikendalikan oleh pusat panggilan sedia ada. Walaupun terdapat penurunan sebanyak 4.76% berbanding tahun sebelumnya, isu-isu yang diterima oleh pihak SSM lebih cenderung kepada e-perkhidmatan SSM.

Dengan penambahan e-perkhidmatan yang ditawarkan, SSM kini lebih terbuka kepada interaksi dengan pelanggan secara atas talian berbanding metodologi lazim sebelum ini iaitu secara langsung di kaunter. Jumlah purata penerimaan emel bulanan sebanyak 7,000 hingga 8,000 transaksi menjadi bukti kukuh kepada kenyataan ini.

## INKUBATOR

SSM telah mengambil inisiatif mewujudkan *one stop centre* atau inkubator yang bersifat sebagai pusat penyediaan perkhidmatan sewaan pejabat peniaga-peniaga atas talian yang menetap di Sarawak untuk menjalankan perniagaan secara atas talian dan mendaftarkan perniagaan di bawah APP 1956. Permohonan pendaftaran perniagaan melalui Inkubator untuk penduduk negeri Sarawak telah direalisasikan menerusi Ezbiz Online Portal bermula 1 Disember 2016.

Proses pendaftaran adalah sama dengan pendaftaran perniagaan melalui Ezbiz Online dengan bayaran bagi Perjanjian Penyewaan yang dikenakan kepada pengguna yang bersetuju menggunakan perkhidmatan inkubator dan setiap perniagaan yang berdaftar melalui inkubator mestilah menggunakan alamat utama perniagaan seperti berikut:

**Unit T01-U07**
**No. 5, Jalan P16, Precinct 16**
**62150 Putrajaya**

Sehingga Disember 2019, sebanyak 473 perniagaan telah didaftarkan menggunakan perkhidmatan inkubator.

### *SSM Digital Certified True Copy (CTC) QR Code Reader dan Web Checker*

SSM telah memperkenalkan *SSM Digital CTC QR Code Reader* dan *Web Checker* bagi semakan dokumen atau produk SSM yang disahkan benar secara digital pada 11 November 2019. Pengenalan *SSM Digital CTC QR Code Reader* dan *Web Checker* ini bertujuan untuk menggantikan *Secured QR Code Reader Pos Digicert* dan *Mydata CTC Checker* yang digunapakai untuk membuat semakan ke atas dokumen atau produk Digital CTC SSM.

*SSM Digital CTC QR Code Reader* boleh dimuat turun melalui Aplikasi *SSM QR Code Reader* dari *Google Play* (*Android*) dan *App Store* (*iOS*).

GET IT ON Google play
Available on the iPhone App Store

Melalui aplikasi ini pelanggan hanya perlu mengimbas QR Code yang dipaparkan di dalam dokumen atau produk Digital CTC untuk membuat perbandingan dokumen bercetak dengan salinan asal dokumen yang disimpan di dalam rekod SSM.

Manakala bagi sistem SSM *Web Checker*, pelanggan perlu log masuk pautan https://ssm4u.com.my dan masukkan No. Siri yang dipaparkan di dokumen Digital CTC untuk membuat semakan dokumen atau produk Digital CTC. Hasil carian juga merupakan paparan salinan asal dokumen Digital CTC yang disimpan di dalam rekod SSM.

## *COMPANY LISTING PACKAGE*

Pada Disember 2019, SSM telah memperkenalkan produk baharu iaitu *Company Listing* - Pakej B sebagai kesinambungan kepada produk *Company Listing* - Pakej A yang telah dilancarkan pada tahun 2018.

*Company Listing* - Pakej B mengandungi maklumat asas syarikat, pegawai syarikat, pemegang saham syarikat dan modal syer syarikat. Produk ini membolehkan maklumat syarikat diekstrak mengikut kriteria - kriteria yang disuai padan berdasarkan kehendak pelanggan dan boleh dibeli secara pukal.

## TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Dalam mendepani arus digitalisasi, SSM sebagai sebuah organisasi berasaskan maklumat secara berterusan meningkatkan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi agar sejajar dengan tuntutan perkhidmatan serta menyokong visi menjadi Pendaftar dan Pengawal Selia Korporat Terulung. Inisiatif berterusan ini dapat dilihat dengan peningkatan prasarana komunikasi internet serta rangkaian telekomunikasi data ke cawangan yang memperlihatkan rekabentuk sokongan berfokuskan ketersediaan perkhidmatan tahunan pada tahap 99.97%.

Bagaimanapun, peningkatan keupayaan lebuhraya maklumat tidak dapat lari dari peningkatan risiko keselamatan IT. Justeru, fokus keutamaan SSM pada tahun 2019 ialah membangunkan persekitaran keselamatan yang lebih ampuh. Fokus ini mempunyai asas yang kukuh apabila SSM berjaya dilindungi dari beberapa insiden ancaman keselamatan sepanjang tahun dari *ransomware* hingga serangan terancang dari kempen para penggodam antarabangsa.

Kajian keselamatan sering menjuruskan sumber kerentanan maklumat adalah berpunca dari amalan dan elemen kemanusiaan. Berdasarkan dapatan ini, elemen ini diperkukuh dengan penetapan dasar-dasar keselamatan yang menyeluruh bagi memagari amalan kerja seharian. Untuk itu SSM telah melaksanakan semakan dasar ICT SSM dalam bentuk dokumen DKICT V2.0 bagi memastikan polisi dan prosedur keselamatan ICT bersesuaian serta mencakupi ruang keperluan semasa. Dasar keselamatan ini tidak mungkin memberi makna jika tidak diperbudayakan dalam operasi harian organisasi. Pembudayaan kerja ini dilakukan melalui kempen kesedaran yang dijalankan pada 11 Januari dan 15 Mac 2019. Topik-topik keselamatan IT terutamnya yang melibatkan elemen kejuruteraan sosial dikongsikan secara komprehensif kepada warga kerja SSM sebagai panduan dan peringatan terhadap ancaman keselamatan IT yang dinamik pasa masa kini.

Selain memperkukuh elemen proses dan sumber manusia, sudut teknologi juga harus seiring membentuk kitaran lengkap keselamatan. Bagi menguji keupayaan teknologi ini, SSM melaksanakan validasi keselamatan melalui ujian penembusan serta penilaian postur keselamatan yang telah dijalankan beberapa kali dari bulan Mac hingga April serta Oktober hingga November 2019. SSM juga tidak mengabaikan perbatasan keselamatan maklumat di Pejabat-Pejabat SSM Negeri dan Cawangan dengan melaksanakan naziran keselamatan yang berakhir pada 13 Disember 2019.

Dalam menangani keperluan pertahanan IT, risiko kegagalan dan kemusnahan tidak boleh dipandang ringan. Justeru SSM meneruskan pelaksanaan simulasi bencana bagi memastikan infrsatruktur ICT bersedia untuk sebarang kemungkinan. Satu simulasi bencana perkomputeran telah berjaya dilaksanakan pada 27 Oktober 2019 yang merangkumi skop aplikasi utama SSM yang memperlihatkan kesemua sistem utama berjaya dipugar dalam objektif pemulihan masa (*Recovery Time Objective*) serta objektif titik pemulihan maklumat (*Recovery Point Objective*) yang telah ditetapkan.

Selain dari pengukuhan proses dan keselamatan yang dinyatakan di atas, SSM turut sama menggembleng usaha dalam inisiatif besar seperti pengenalan nombor rujukan baharu SSM serta projek-projek berimpak tinggi sama ada dari dalam SSM ataupun yang diterajui oleh pihak Kerajaan melalui pihak MAMPU dan KPDNHEP.

Era disruptif melalui revolusi perindustrian 4.0 yang sedang ditelajui kini memerlukan semua pihak untuk tidak kekal selesa pada kedudukan semasa.

## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 telah diadakan pada 5 Mac 2019 di Dewan Tun Abdul Razak, Menara Kembar Bank Rakyat. Anugerah ini dianjurkan setiap tahun bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan pekerja dari agensi di bawah KPDNHEP yang terdiri daripada SSM, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## *SSM PERFORMANCE EXCELLENCE & EXPANDS DISTINCTION 2019*

Program "*SSM Performance Excellence & Expands Distinction*" (*SPEED*) yang dijenamakan semula (*rebranding*) dari program ALL STAR telah dilaksanakan pada 3 hingga 5 Julai 2019 yang disertai oleh 60 orang pekerja SSM di Marriot Hotel Putrajaya.

Peserta didedahkan dengan kaedah *Coaching* menggunakan model *GROW* (*Goal, Reality, Options dan Way Forward*) dan peserta telah diberikan tugasan selama lima (5) bulan di mana peserta dilantik sebagai *coach* untuk membimbing seorang coachee dengan mengunakan ilmu yang dipelajari daripada program *SPEED* ke arah melahirkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja cemerlang SSM.

### SINOPSIS TUGASAN *COACHING*

**TUGASAN**

**OBJEKTIF**

*Coaching* menggunakan *GROW* Model.

- Melengkapkan pekerja dengan pengetahuan dan kepakaran untuk menjadi *role model* atau *performance chamge agent*;
- Membimbing rakan sekerja bagi melahirkan lebih ramai pekerja cemerlang dan berdaya saing;
- Meningkat pretasi kerja, motivasi dan kepuasan; dan
- Menerapkan **Budaya Berprestasi Tinggi.**

**PELAKSANAAN** — Secara individu atau berpasangan.

**TEMPOH** — 5 Bulan (Julai hingga Disember 2019).

***COACHEE***

**MODUL**

*Coach* akan memilih *Coachee* dengan persetujuan Ketua Jabatan.

- Perancangan Tugasan *Coaching* (CTP);
- Sesi *Coaching* - empat (4) Sesi;
- Laporan Keseluruhan Tugasan *Coaching* (LKTC); dan
- Pembentang oleh 10 Tugasan *Coaching* Terbaik.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## MODUL TUGASAN *COACHING*

Terdapat empat (4) modul yang telah digunakan bagi tujuan penilaian pelaksanaan Tugasan *Coaching* ini iaitu:

**01**

**PERANCANGAN TUGASAN *COACHING* (CTP)**
*Coach* memajukan PTC kepada Sekretariat SPEED pada 17 Julai 2019 untuk penilaian panel penilai.

**02**

**SESI *COACHING* - MINIMA 4 SESI**
*Coach* dan *coachee* melengkapkan borang CF1, CF2, CF3 & CF4 selepas sesi *Coaching* dilaksanakan dan memajukan kepada Sekretariat SPEED untuk penilaian.

**03**

**LAPORAN KESELURUHAN TUGASAN *COACHING* (LKTC)**
*Coach* memajukan LKTC kepada Sekretariat SPEED pada 16 Disember 2019 untuk penilaian panel penilai.

**04**

**PEMBENTANGAN 10 GANDINGAN *COACHES* TERBAIK**
10 gandingan *coaches* terbaik membuat pembentangan di hadapan panel penilai pada 20 Disember 2019.

Berikut adalah kumpulan *coaches* perintis 2019 yang telah menjayakan tugasan *coaching* dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab.



LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

5 Tugasan *Coaching* Terbaik Program SPEED 2019:



## BMI *OPEN DAY*

BMI *Open Day* telah diadakan bermula daripada bulan Oktober sehingga Disember 2019. Inisiatif ini adalah bagi mengamalkan konsep keterbukaan di mana wakil Bahagian Modal Insan (BMI) telah hadir ke setiap Bahagian di Ibu Pejabat bagi menjemput para pekerja untuk bertanyakan sebarang soalan atau kemusykilan berkenaan perkara-perkara seperti:

- Pengambilan dan Penempatan Pekerja Berstatus Tetap dan Sambilan
- Kursus BMI (Induksi, Pra Persaraan, Kepimpinan dan SPEED)
- Kenaikan Pangkat
- Ganjaran APC, Bonus dan BKK
- Struktur Organisasi
- Pelan Penggantian
- Sistem e-BSK
- Pengambilan Protégé/ Pelajar Praktikal
- Pembayaran Gaji
- *Training Needs Analysis*
- Perubatan
- Biasiswa Pekerja dan Anak Pekerja
- Kenaikan Gred
- *Performance Enhancement Plan (PEP)*
- Elaun dan Faedah
- Sistem Pengurusan Prestasi & Kompetensi (PCMS)
- Lain-Lain Perkara Berkenaan Modal Insan

Sehingga Disember 2019, sebanyak 13 sesi BMI Open Day telah berjaya dilaksanakan meliputi semua Bahagian dan Seksyen di Ibu Pejabat SSM dan dianggarkan sekurang-kurangnya 300 orang pekerja yang telah menyertai sesi ini.





## BENGKEL *BRAINSTORMING* KPI SSM 2020

SSM telah mengadakan Bengkel *Brainstorming* KPI SSM 2020 pada 18 - 20 Julai 2019 di Hotel Marriot, Putrajaya. Bengkel ini bertujuan untuk merangka petunjuk prestasi utama (KPI) SSM bagi tahun 2020.







## BENGKEL BUSINESS MODAL CANVAS (BMC)

Bengkel *Business Modal Canvas* (BMC) telah diadakan pada 19 November 2019 bersama pengurusan tertinggi SSM. Bengkel ini bertujuan memberi pemahaman mengenai BMC kepada pengurusan tertinggi SSM.







## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) KPDNHEP

Konvensyen KIK KPDNHEP merupakan salah satu agenda tahunan KPDNHEP dalam memperkasakan inovasi di peringkat Kementerian dan Agensi-Agensi dibawahnya. Pada tahun 2019, Konvensyen KIK KPDNHEP diadakan pada 5-6 November 2019.

Lima (5) pasukan KIK SSM telah terpilih menyertai Konvensyen KIK KPDNHEP 2019, melalui pertandingan Konvensyen KIK peringkat SSM. Pasukan tersebut terdiri daripada pelbagai bahagian dan pejabat negeri seperti berikut:

| BAHAGIAN / SEKSYEN / PEJABAT NEGERI | PASUKAN | PROJEK |
|---|---|---|
| Bahagian Pematuhan Korporat | Transformers 2.0 | SSM EYEs |
| Bahagian Siasatan | IDxLab | e-ID@SSM |
| Pejabat Negeri SSM Sabah | NEO5 | USMILE |
| Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan | G.I. TECH | KJAKP |
| Pejabat Negeri SSM Johor | Muafakat Jawharian | Q.U.N.O.C |

Pasukan KIK SSM yang terpilih menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP diberi pemahaman dalan latihan khusus secara komprehensif dengan konsep bersemuka setiap pasukan bersama perunding yang dilantik. Latihan yang diberikan memfokuskan tentang penyediaan dokumentasi dan persembahan yang terbaik berdasarkan kriteria penilaian projek yang telah ditetapkan di dalam garis panduan Konvensyen KIK KPDNHEP 2019.

Bagi memantapkan lagi persediaan pasukan KIK SSM, Unit ISO dan Inovasi KPDNHEP juga menganjurkan Bengkel Pemurnian KIK pada 3 – 5 Oktober 2019 yang turut dihadiri pasukan KIK daripada bahagian-bahagian dan agensi di bawah KPDNHEP yang bertanding. Berikut merupakan pencapaian penyertaan pasukan KIK SSM dalam Konvesyen KIK KPDNHEP bagi tahun 2019:

**PENCAPAIAN PASUKAN KIK SSM DI KONVENSYEN KIK KPDNHEP 2019**

| PASUKAN | PENCAPAIAN |
|---|---|
| IDxLab | Pasukan IDxLab telah berjaya mendapat Tempat Ketiga dengan projek bertajuk E-ID@SSM. |
| Transformers 2.0 | Transformers 2.0 telah mempertandingkan projek SSM Eyes dan berjaya mendapat anugerah dokumentasi KIK terbaik 2019. |




**Pasukan IDxLab mendapat tempat ketiga di pertandingan Konvensyen KIK KPDNHEP 2019**



**Pasukan Transformers 2.0 mendapat dokumentasi KIK terbaik**

KPDNHEP juga menganjurkan Pertandingan Anugerah Inovasi 2019 pada November 2019. SSM telah diwakili oleh dua (2) pasukan berikut:

| PASUKAN | PROJEK |
|---|---|
| Transformers 2.0 | SSM EYEs |
| Infinity | Portal MBRS |

## KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) SSM 2019

Konvensyen KIK SSM merupakan satu platform untuk memperkenalkan projek inovasi pasukan KIK kepada pihak pengurusan serta seluruh warga kerja SSM. Ia juga bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga kerja SSM yang terlibat aktif dalam KIK dengan memberi peluang kepada mereka untuk membuat persembahan.

Program ini telah berlangsung dengan jayanya dan telah disertai oleh 20 pasukan daripada pelbagai Bahagian dan Pejabat Negeri SSM. Setiap pasukan diberikan pendedahan awal mengenai pertandingan KIK melalui kursus dan bengkel anjuran SSM oleh konsultan yang dilantik dan juga KPDNHEP.

Pasukan KIK yang menyertai telah membentangkan idea dan projek Inovasi yang hendak dipertandingkan kepada Jawatankuasa Pemandu Inovatif dan Kreatif (JPIK) sebelum kelayakan ke pertandingan di Konvensyen KIK SSM. Hasil daripada pembentangan idea dan projek Inovasi, sebanyak tujuh (7) pasukan yang layak ke pertandingan di Konvensyen KIK SSM 2019 pada 29 Ogos 2019. Berikut adalah pasukan yang layak bertanding di Konvensyen KIK SSM 2019:

| BAHAGIAN / PEJABAT NEGERI | PASUKAN | PROJEK |
|---|---|---|
| SSM Sabah | NEO5 | U.Smile |
| SSM Terengganu | Innovate | MYSOURCE 2.0 |
| SSM Selangor | EC10 | E-Notis Kompaun |
| Bahagian Pematuhan Korporat | Transformers 2.0 | *SSM EYEs* |
| Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan | G.I Tech | KJAKP |
| SSM Johor | Muafakat Jawharian | Q.U.N.O.C |
| Bahagian Siasatan | ID XLab | e-ID@SSM |

Konvensyen KIK SSM 2019 dimulakan dengan sesi VIVA pada 7 Ogos 2019 yang diadili oleh pengadil luar daripada konsultan Idea Connectors dan pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Manakala, persembahan projek telah diadakan di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral pada 29 Ogos 2019. Berikut adalah pencapaian pasukan KIK SSM:

| PASUKAN | PROJEK | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| NEO5 | U.Smile | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Mendapat tempat ketiga di pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP. |
| Innovate | MYSOURCE 2.0 | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019. |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

| | | |
|---|---|---|
| EC10 | E-Notis Kompaun | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019. |
| Transformers 2.0 | *SSM EYEs* | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Johan di pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP.<br>• Terpilih sebagai dokumentasi KIK KPNDHEP terbaik 2019. |
| G.I Tech | KJAKP | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP. |
| Muafakat Jawharian | Q.U.N.O.C | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP. |
| ID XLab | *e-ID@SSM* | • Layak ke pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Naib Johan di pertandingan Konvensyen KIK SSM 2019.<br>• Terpilih untuk menyertai Konvensyen KIK peringkat KPDNHEP.<br>• Berjaya mendapat tempat ketiga KIK KPNDHEP 2019. |



**Sesi VIVA pada 7 Ogos 2019**



**Majlis Pelancaran Konvensyen KIK SSM 2019**

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SSM 2019-2023

Pelan Antirasuah SSM (OACP) adalah merupakan panduan dan penunjuk arah kepada pekerja, pemegang taruh dan pelanggan SSM dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus korporat, integriti dan antirasuah agar setiap aktiviti dan program penyampaian fungsi SSM sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Taklimat Pelaksanaan OACP kepada Pengarah Negeri dan Ketua Cawangan SSM telah diadakan pada 20 Jun 2019. Taklimat OACP kepada Pengurusan Tertinggi SSM telah diadakan pada 3 September 2019. Kedua-dua taklimat OACP telah disampaikan oleh Haji Hamilye Sham Bin Harun dari Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI).

Program dan aktiviti yang dianjurkan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| Taklimat mengenai 'Ketirisan Maklumat, Ancaman Kepada Organisasi Dan Kesannya' oleh Transparency International Malaysia (TI-M).<br>  | **15 Januari 2019**<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral |
| Taklimat mengenai 'Peranan Ketua Jabatan Mengenai Aspek Pengurusan Tatatertib' oleh DMHR Consultancy.<br>  | **6 Mac 2019**<br>Bilik Mesyuarat Perdana<br>Menara SSM@Sentral |
| Taklimat mengenai 'Bahaya Dadah' oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) semasa Kursus Induksi SSM 2019.<br>  | **12 Mac 2019**<br>Kem Bina Semangat<br>Kuala Kubu Baru, Selangor |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| Ceramah mengenai 'Penyalahgunaan Dadah'.<br>  | **26 Mac 2019**<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral |
| Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).<br>  | **10 - 12 April 2019**<br>Avenue Garden Hotel<br>Kajang, Selangor |
| Taklimat 'Pengurusan Kewangan Berhemah' oleh Penceramah Kewangan dan Hartanah.<br>  | **24 April 2019**<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral |
| Taklimat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) oleh INTEGRITI kepada semua Pengarah Negeri.<br> | **20 Jun 2019**<br>Menara SSM@Sentral |

## LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| Taklimat mengenai 'Gangguan Seksual di Tempat Kerja' oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).   | **18 Julai 2019**<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral |
| Program *Corporate Tea Talk* (*CTT*) mengenai NACP dan Liabiliti Korporat: Pengenalan kepada seksyen 17A Akta SPRM 2009 oleh INTEGRITI dan SPRM.   | **22 Ogos 2019**<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral |
| Taklimat mengenai OACP oleh INTEGRITI kepada Pengurusan Tertinggi SSM dan Peserta Bengkel OACP.   | **3 September 2019**<br>Bilik Enggang<br>Menara SSM@Sentral |
| Bengkel OACP dengan kerjasama INTEGRITI.   | **25 - 27 September 2019**<br>Hotel Grand Dorsett,<br>Subang Jaya, Selangor |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

<table>
<tr><th>PROGRAM</th><th>TARIKH</th></tr>
<tr><td>Ceramah mengenai Integriti dan Rasuah Kepada Pekerja SSM oleh SPRM.<br>


</td><td>15 Oktober 2019<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral</td></tr>
<tr><td>Pelancaran OACP SSM 2019-2023 dan Taklimat mengenai 'Tumbuk Rusuk Pengkisahan dari Tirai Besi' sempena Sambutan Hari Integriti Peringkat SSM di Ibu Pejabat.<br>


</td><td>17 Disember 2019<br>Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah<br>Menara SSM@Sentral</td></tr>
</table>

# PENGLIBATAN DAN KERJASAMA **PIHAK BERKEPENTINGAN**

Forum Pendaftar Korporat atau *Corporate Registers Forum* (CRF) 2019 telah berlangsung di Skopje, Macedonia pada 7-11 April 2019. Tiga (3) pegawai SSM telah menghadiri forum ini. Penganjuran CRF 2019 adalah oleh *Central Register of the Republic of North Macedonia* iaitu pendaftar korporat Macedonia bersama dengan CRF dan bertemakan "*Transforming Registries into Cross Border Enablers – Beyond National*". Lebih 172 orang perwakilan daripada benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika Selatan dan Oceania yang merupakan pendaftar syarikat atau wakil pendaftar di negara masing-masing telah menghadiri forum ini. Puan Samsiah Ibrahim selaku Pengarah Bahagian Modal Insan telah mewakili SSM dan telah membentangkan kertas kerja yang bertemakan "*Challenges in Modern Registry Management*".






LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) dianjurkan oleh SSM bagi meggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM dan ahli badan-badan profesional. CPCF juga merupakan satu platform perundingan bersama dan perbincangan isu amalan korporat. Sebanyak satu (1) mesyuarat CPCF telah diadakan dalam tahun 2019 iaitu pada 30 September 2019.

SSM turut menganjurkan (1) satu sesi mesyuarat Jawatankuasa Teknikal CPCF pada 29 November 2019 untuk membincangkan "Garis Panduan Berkenaan Kerangka Pelaporan Pemunya Benefisial bagi syarikat (*legal person*).




**DIAGRAM 1**: Forum Rundingan Amalan Korporat





LAPORAN **PENGURUSAN**
Penyampaian Perkhidmatan

## Dialog Tahunan SSM

Dialog Tahunan SSM merupakan salah satu saluran utama bagi pihak berkepentingan untuk terlibat dalam dialog terbuka dengan SSM. Antara objektif Dialog Tahunan ialah:

(a) Untuk menggalakkan kefahaman dan kerjasama yang erat di antara SSM, pihak industri, agensi-agensi kerajaan dan badan-badan profesional;

(b) Untuk menggalakkan pertukaran idea dan memperjelaskan isu-isu berhubung operasi dan penguatkuasaan yang boleh mempertingkatkan kecekapan SSM secara keseluruhan; dan

(c) Untuk menyebarkan maklumat kepada pihak awam dalam memastikan fungsi SSM sebagai pengawal selia undang-undang korporat difahami oleh masyarakat umum.

Pada tahun 2019, SSM telah menganjurkan tiga (3) sesi Dialog Tahunan yang diadakan di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah. Dialog Tahunan 2019 telah dihadiri oleh 385 wakil dari badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan serta persatuan perindustrian di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.




**DIAGRAM 2**: Dialog Tahunan SSM 2019




Dialog Tahunan SSM di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur pada 10 Januari 2019

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan





Dialog Tahunan SSM di Kuching, Sarawak pada 28 Januari 2019






Dialog Tahunan SSM di Kota Kinabalu, Sabah pada 29 Januari 2019

## PENGLIBATAN DALAM KAJI SELIDIK DAN PENILAIAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Dalam tahun 2019, SSM telah turut serta dalam dua (2) kaji selidik utama seperti berikut:

(a) "*Doing Business 2020*" anjuran Bank Dunia; dan

(b) "*Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes" Peer Review organised by the Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD).

## *EASE OF DOING BUSINESS* 2020

Dalam Laporan *Ease of Doing Business* 2020 yang diterbitkan oleh Bank Dunia, Malaysia berada di tangga ke-12 di kalangan 190 negara ekonomi, berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.

*Doing Business* adalah satu siri laporan tahunan yang mengukur aspek-aspek peraturan perniagaan dan impaknya ke atas penubuhan dan operasi sesebuah perniagaan Negara ekonomi dinilai berdasarkan kepada peraturan perniagaan dan kemudahan menjalankan perniagaan, yang merupakan indikator bagi menunjukkan setakat mana kondusifnya persekitaran perundangan dalam memudahkan penubuhan dan pengoperasian syarikat tempatan di dalam negara.

SSM terlibat secara aktif dan memberikan input untuk *Doing Business Report* 2019 dalam empat (4) bahagian penilaian spesifik atau indikator seperti berikut:

(a) *Starting a Business;*
(b) *Resolving Insolvency;*
(c) *Getting Credit;* dan
(d) *Protecting Minority Investors.*

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## *GLOBAL FORUM ON TRANSPARENCY AND EXCHANGE OF INFORMATION FOR TAX PURPOSES PEER REVIEW*

*The Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes* (Forum Global) adalah rangka kerja multilateral bagi tujuan ketelusan cukai dan perkongsian maklumat, melibatkan 150 bidang kuasa yang mengambil bahagian dalam kedudukan yang sama. Tujuan Forum Global adalah untuk memastikan bahawa semua bidang kuasa melaksanakan sepenuhnya piawaian antarabangsa mengenai ketelusan dan pertukaran maklumat percukaian.

Penglibatan SSM adalah kritikal dalam memberi input mengenai ketersediaan, akses dan pertukaran maklumat identiti pemunya benefisial dan sah. Pada 24-27 Jun 2019 SSM telah menyertai delegasi Malaysia ke mesyuarat "*32nd Meeting of the Peer Review Group* (PRG)" yang dianjurkan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) di Paris. Laporan "*2019 Exchange of Information Request Peer Review Report* (*Second Round*) *for Malaysia*" telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Delegasi Malaysia yang terdiri daripada wakil Kementerian Kewangan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan SSM telah menyertai mesyuarat tersebut bagi menyokong dan mempertahankan kedudukan Malaysia sebelum rating akhir dimuktamadkan dan diterima oleh PRG.

Forum Global telah memberikan rating keseluruhan Malaysia sebagai "*Largely Compliance*" iaitu mematuhi sebahagian besar piawaian antarabangsa mengenai ketelusan dan pertukaran maklumat bagi tujuan percukaian, melibatkan pengendalian permohonan maklumat dalam tempoh 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2017.

## RUNDINGAN AWAM

SSM mengeluarkan perundingan awam untuk mendapatkan pandangan dan komen pihak berkepentingan dan orang ramai secara umum mengenai rangka kerja perundangan yang dicadangkan atau dasar undang-undang yang akan dilaksanakan. Dalam tahun 2019, SSM telah mengeluarkan sebanyak tiga (3) dokumen rundingan seperti yang dinyatakan dalam diagram berikut:




**DIAGRAM 3**: Dokumen Konsultasi Yang Dikeluarkan Dalam Tahun 2019

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

SSM juga menganjurkan beberapa bengkel dan sesi perundingan awam sepanjang tahun berhubung inisiatif-inisiatif perundangan yang dicadangkan seperti dalam diagram 4.




**DIAGRAM 4**: Sesi Rundingan Awam Dan Bengkel









LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## BENGKEL BERKENAAN RASUAH DI DALAM SEKTOR SWASTA: KERANGKA UNDANG-UNDANG, PENGUATKUASAAN DAN PENCEGAHAN

*United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) dan Komisi Pemberantasan Korupsi Indonesia (KPK) bersama-sama menganjurkan bengkel di bawah naungan *South East Asia Parties Against Corruption* (SEA-PAC) bermula daripada 23 hingga 26 September 2019.

"Bengkel Berkenaan Rasuah Di Dalam Sektor Swasta: Kerangka Undang-Undang, Penguatkuasaan dan Pencegahan" telah diadakan di Jakarta, Indonesia dan telah dihadiri oleh 10 ahli SEA-PAC termasuklah Malaysia, Singapura, Brunei, Kambodia dan Indonesia.

Bengkel sedemikian diadakan dengan tujuan untuk berkongsi amalan terbaik dan pengalaman yang akan menyumbang kepada keupayaan negara ahli SEA-PAC melalui aktiviti penguatkuasaan dan langkah-langkah pencegahan di dalam membanteras rasuah. Di dalam bengkel tersebut, SSM telah mengambil bahagian dengan membentangkan suatu kertas berkenaan landskap kerangka undang-undang pemunya benefisial di Malaysia.






## LAWATAN BELAJAR KE KANADA UNTUK RUU HARTA ALIH KEPENTINGAN BERCAGAR

Dalam usaha untuk memuktamadkan kenyataan polisi bagi RUU Harta Alih Kepentingan Bercagar (HAKB), SSM telah menganjurkan lawatan belajar ke Kanada dari 19-21 November 2020. Sebanyak lima (5) peserta terlibat dalam lawatan ini yang terdiri daripada Pegawai SSM dari Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Komunikasi dan Teknologi Maklumat dan Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

Untuk membolehkan Pegawai mendapatkan kepakaran yang terbaik, delegasi telah mengadakan sesi perbincangan dengan wakil dari *Office of Public Registry Administration, Ministry of Justice, Government of Saskatchewan, Regina, Canada* dan pakar mengenai kerangka perundangan bagi kepentingan bercagar dari universiti-universiti berikut:

(a) *Osgoode Hall Law School, York University, Toronto;*
(b) *University of Toronto, Toronto;* dan
(c) *University of Saskatchewan, Saskatoon.*

Lawatan belajar ke Kanada telah dianjurkan atas pertimbangan bahawa kenyataan polisi bagi RUU HAKB adalah berdasarkan kerangka perundangan yang sama digunakan di semua wilayah di Kanada. SSM juga berminat untuk menimba pengalaman yang telah dilalui oleh Kanada memandangkan Akta yang sama telah wujud di Kanada lebih daripada 20 tahun dan untuk memahami bagaimana kerangka perundangan tersebut telah matang berdasarkan kes-kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah. Secara keseluruhannya, objektif bagi lawatan ini adalah supaya pegawai yang berkaitan mendapat peluang untuk:

(a) memahami sejarah Akta yang sama di Kanada;
(b) mempelajari pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta tersebut; dan
(c) memahami sistem (dan pendaftaran) seperti yang dikawal selia oleh Akta tersebut.

Di samping itu, pegawai yang berkaitan dapat menimba pengalaman Kanada dalam menyelesaikan isu-isu praktikal (terutamanya bagi wilayah Ontario dan Saskatchewan) ketika memperkenal dan menguatkuasakan Akta tersebut.



LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## *THIRD POLICY DIALOGUE AND THE FOURTH ASEAN TASK FORCE MEETING ON STARTING A BUSINESS*

SSM telah dijemput oleh Sekretariat ASEAN *Task Force Starting A Business* (ATFSAB) untuk menghadiri *Third Policy Dialogue and The Fourth Asean Task Force Meeting* On Starting A Business di Bangkok, Thailand pada 25 -26 Jun 2019.

Dialog selama dua hari bertajuk "*Third Policy Dialogue on Starting a Business - Formalization of Micro Enterprise in ASEAN*" telah dianjurkan oleh ATFSAB dengan kerjasama SME Corp Malaysia yang bertujuan untuk menggalak dan memulakan amalan perniagaan di negara-negara ASEAN. Sebelum ini SSM turut menyertai dialog yang sama yang telah diadakan di Hanoi, Vietnam (2016), Kuala Terengganu, Malaysia (2017) dan Luang Prabang, Lao PDR (2018).

Dialog ini juga memberi peluang untuk semua negara ASEAN untuk melibatkan diri membantu dalam membentuk pembangunan kapasiti APEC, dengan tumpuan diberikan kepada pengukuhan keupayaan negara-negara anggota untuk melaksanakan pembaharuan yang berkesan bagi meningkatkan persekitaran perniagaan di rantau ini.




**DIAGRAM 5**: *Third Policy Dialogue on Starting A Business - Formalization of Micro Enterprise in ASEAN*



LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## LAWATAN KE SSM 2019

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| Kolej Universiti Saito | 28 Februari |
| Fakulti Perhutanan, Universiti Putra Malaysia | 22 Mac |
| UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor | 6 Mei |
| Ministry Industry and Handicraft, Cambodia | 27 Mei |
| Tekno Putra UniKL | 2 Julai |
| Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor | 16 Julai |
| Kolej Komuniti Bentong | 16 Julai |
| Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) | 11 September |
| Bahagian Dasar & Amalan Terbaik, Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Lumpur | 11 September |
| Universiti Putra Malaysia | 25 September |
| *Malvern International Academy* | 25 September |
| Jabatan Transformasi Operasi & Pelarasan, KWSP | 4 Oktober |
| Universiti Monash | 14 Oktober |
| *High Commission of The United Republic of Tanzania* | 16 Oktober |
| Kolej Universiti Saito | 14 November |
| Kolej Universiti Saito | 19 November |
| Kolej Universiti Saito | 22 November |
| Kolej Universiti Saito | 26 November |

## PROGRAM 1ST *STUDENT ENTREPRENEUR* (1ST STEP) 2019

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| 1st STEP di Kolej Vokasional Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan | 29 Januari |
| 1st STEP di Sekolah Menengah Teknik Melaka | 20 Februari |
| 1st STEP di Kolej Vokasional Port Dickson, Negeri Sembilan | 7 Mac |
| 1st STEP di Kolej Vokasional Nibong Tebal, Pulau Pinang | 9 April |
| 1st STEP di Kolej Vokasional Sungai Buloh, Selangor | 6 Ogos |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## PROGRAM *YOUNGPRENEURS GO* (YPGO) DAN PROGRAM USAHAWAN MUDA 2019

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| YPGO di Politeknik Kota Bharu, Kelantan | 27-28 Januari |
| YPGO di Universiti Teknikal Malaysia, Melaka | 21-22 Februari |
| Program Usahawan Muda SSM di Dataran MJC Batu Kawa, Kuching, Sarawak | 18 Oktober |

## PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT SSM 2019

| PROGRAM | TARIKH |
|---|---|
| Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat sempena Karnival YPGO & Program 1st STEP di Kelantan | 29 Januari |
| Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat di Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu & UTeM, Melaka | 21-22 Februari |
| Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat di Kolej Vokasional Port Dickson, Negeri Sembilan | 7 Mac |
| Sumbangan Tanggungjawab Sosial Korporat di Kolej Vokasional Nibong Tebal, Pulau Pinang | 9 April |
| Majlis Sucinya Ramadan – Seksyen Berita Radio, RTM (Sumbangan kepada Anak-anak Yatim) | 22 Mei |
| Sumbangan sempena Program 1st STEP di Kolej Vokasional Sg. Buloh | 6 Ogos |
| Sumbangan kepada Masyarakat Orang Asli Suku Batek di Kampung Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan | 21 Ogos |
| Sumbangan sempena Program Usahawan Muda SSM dan Program Kempen Beli Barangan Malaysia 2019 Peringkat Negeri Sarawak | 18 Oktober |
| Sumbangan sempena Karnival Kempen Beli Barangan Malaysia di Johor Bahru, Johor | 31 Oktober – 3 November |
| Sumbangan sempena Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil (HPPK) di Alor Setar, Kedah | 28-30 November |
| Sumbangan sempena Program *National Franchise Expo* 2019 (NFX 2019) Zon Sabah | 22-24 November |
| Sumbangan di SMK Tun Raja Uda, Bayan Baru, Pulau Pinang sempena Siri Jelajah Program Erat, Ramah dan Santuni Insan Sejahtera (PERSIS) | 30 November |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## LAWATAN RASMI DELEGASI REPUBLIK TANZANIA

Pada 16 Oktober 2019, SSM telah menerima lawatan rasmi daripada Republik Tanzania yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif *Public Procurement Regulatory Authority* (PPRA) iaitu Eng. Leonard S. Kapongo bersama lapan (8) orang delegasi daripada pelbagai kementerian/bahagian di Republik Tanzania. Tujuan lawatan rasmi ini ialah untuk mempelajari amalan terbaik berkaitan proses pendaftaran perniagaan dan perundangan korporat melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif serta pendaftaran syarikat asing di Malaysia.








## *SSM BIZTRUST ONE-TO-ONE COACHING*

Sebagai peneraju tadbir urus korporat di Malaysia, SSM sedia memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat. Seiring dengan itu, melalui penganjuran *SSM BizTrust One-to-One Coaching* kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya para peniaga dalam talian dapat memberikan kesedaran kepada mereka berkaitan produk SSM BizTrust.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak lapan (8) sesi *one-to-one coaching* telah dianjurkan yang dihadiri oleh pemohon-pemohon yang berstatus kueri serta individu yang berminat dengan pendaftaran SSM BizTrust. Melalui inisiatif ini, diharapkan akan dapat mengurangkan jumlah kueri berkaitan SSM BizTrust yang diterima setiap hari.





Sesi *SSM BizTrust One-to-One Coaching* pada 29 Januari 2019 bertempat di Menara SSM@Sentral

LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan





Sesi *SSM BizTrust One-to-One Coaching* pada 19 Februari 2019 bertempat di Menara SSM@Sentral

## BENGKEL SANDBOX BIZTRUST BERSAMA AGENSI

SSM telah menganjurkan Bengkel *Sandbox BizTrust With Agencies* melibatkan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang relevan bagi tujuan kerangka pemantapan SSM BizTrust di Malaysia yang telah diadakan di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada 23 dan 24 April 2019. Sebanyak tujuh (7) agensi yang hadir, antaranya wakil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), SME Corporation dan Malaysia Digital Economy Corporation Sdn. Bhd. (MDEC).

Melalui sesi bengkel ini, jalinan kerjasama yang erat di kalangan rakan strategik dapat diwujudkan dalam usaha menyokong dasar kerajaan terutamanya di bawah inisiatif Pelan Hala Tuju e-Dagang Kebangsaan atau *National e-Commerce Strategic Roadmap (NeSR).*







LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## SEMINAR *ONLINE BUSINESSES 2019*

PUSPANITA Kebangsaan dengan kerjasama KPDNHEP telah menganjurkan Seminar *Online Businesses 2019* pada 29 Mac 2019 bertempat di Dewan Seri Endon, PUSPANITAPURI, Putrajaya. SSM telah dijemput untuk turut serta sebagai penceramah bagi topik "Perniagaan Online Bermula di SSM." SSM juga turut menyediakan booth pameran sepanjang seminar diadakan bagi tujuan khidmat nasihat dan pengaktifan pengguna EzBiz Online serta SSM BizTrust.





## *LEARN AND SHARE WITH SMEs*

Program Learn and Share With SMEs ini telah diadakan pada 26 Jun 2019 bertempat di Menara SSM@Sentral. Penganjuran program ini adalah bagi melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan berkebolehan untuk bertindak sebagai *spokesperson* SSM yang dikenali sebagai *The Champ* yang dapat menyampaikan informasi berkaitan produk-produk dan perkhidmatan yang SSM tawarkan dengan jelas dan tepat.

Melalui pelantikan *The Champ* ini diharapkan SSM mampu melahirkan individu yang bukan sahaja berpengetahuan dalam lingkungan bidang tugasan sahaja, malah secara menyeluruh termasuk skop-skop persediaan perniagaan, perlesenan, latihan dan pembiayaan.

Penganjuran program ini juga secara tidak langsung memberi persediaan kepada *The Champ* bagi pengenalan kepada Khidmat Nasihat Perniagaan di peringkat Pejabat Negeri/ Cawangan kelak. Selain itu, mereka yang bertindak sebagai barisan hadapan (*frontliner*) SSM ini juga dapat meningkatkan keberkesanan dalam berkomunikasi dalam menyampaikan informasi kepada pihak-pihak berkepentingan serta dapat menerapkan nilai-nilai perkhidmatan pelanggan yang cekap dan cemerlang.





LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## *LAZADA WECOMMERCE*

Program Lazada WeCommerce telah diadakan pada 15 Ogos 2019 bertempat di Aloft Hotel, KL Sentral. Lazada telah memperkenalkan WeCommerce dengan konsep Peruncitan Baharu (*New Retail*) yang merupakan kaedah membeli-belah masa hadapan melalui teknologi terkini serta mendapat sokongan daripada Alibaba. Peruncitan baharu ini menampilkan konsep untuk penjual berkomunikasi bersama pelanggan melalui integrasi dari luar talian terus ke dalam talian bagi satu pengalaman membeli-belah yang baharu. SSM telah dijemput untuk membuka booth pameran sepanjang program berlangsung bagi tujuan khidmat nasihat berkaitan SSM BizTrust.






## KARNIVAL KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2019

Program anjuran KPDNHEP ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Dato' Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan diadakan di Dataran Angsana, Johor Bahru pada 30 Oktober 2019 sehingga 3 November 2019. Program ini bertujuan untuk membantu golongan usahawan mengembangkan perniagaan mereka mengikut lunas undang-undang dan sekaligus merangsang pertumbuhan ekonomi, pembangunan dan kemakmuran negara.

SSM turut terlibat secara langsung sepanjang program berlangsung yang melibatkan sesi taklimat dan perkongsian ilmu kepada pengunjung yang hadir. Selain itu, perkhidmatan EzBiz On The Go (Bus) dan booth pameran turut disediakan sepanjang program bagi tujuan khidmat nasihat, pendaftaran dan pengaktifan pengguna EzBiz Online serta SSM BizTrust.





LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## eUSAHAWAN LEVEL UP INTRODUCTION DAY

Program ini merupakan program lanjutan daripada inisiatif eUsahawan yang diterajui oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd. Program ini dijalankan secara intensif selama enam (6) bulan dalam usaha melengkapkan usahawan dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mendorong perniagaan mereka ke pentas global. SSM telah dijemput untuk menyampaikan taklimat dan membuka booth pameran bagi tujuan khidmat nasihat dan pendaftaran SSM BizTrust semasa penganjuran program tersebut pada 19 November 2019 di Found8, Kuala Lumpur Sentral.






## eCOMMERCE DAY 2019

Program yang dianjurkan oleh MDEC ini telah diadakan di Menara MITI pada 9 dan 10 Disember 2019. SSM turut terlibat secara langsung sepanjang program berlangsung yang melibatkan pembukaan booth dan perkongsian ilmu kepada pengunjung yang hadir.






LAPORAN **PENGURUSAN**
Penglibatan Dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

## LAWATAN KORPORAT KE IBU PEJABAT AIRASIA BERHAD (RedQ) SEMPENA PROGRAM PENJANAAN DAN PEMBANGUNAN IDEA PRODUK BAHARU SSM

Lawatan julung kali ini diadakan pada 6 November 2019 yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Pembangunan Perniagaan) Tuan Haji Rosli Haji Ahmad. Lawatan ini merupakan pengisian kepada Program Penjanaan dan Pembangunan Idea Produk Baharu SSM yang dianjurkan oleh Unit Penyelidikan Perniagaan. Tujuan lawatan ini adalah untuk belajar dan berkongsi pendekatan yang diterapkan oleh pengurusan Airasia Berhad bagi membentuk warga kerja yang kreatif dan inovasi melalui persekitaran kerja yang menarik untuk menggalakkan proses kreativiti dan inovasi berlaku secara berterusan. Reputasi AirAsia dalam mengiktiraf pekerjanya dan memberi ruang yang luas kepada pekerja untuk berinovatif dan menyumbang idea yang kreatif demi memajukan organisasi telah memberi inspirasi kepada SSM untuk dicontohi. Lawatan ini diharap membuka minda perubahan bagi membentuk suasana kreativiti di kalangan pekerja dan akhirnya dapat memberi idea kepada pembangunan produk dan perkhidmatan SSM yang lebih berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa.






## *FPX #MYCYBERSALE 2019*

#MyCyberSale merupakan salah satu acara dalam mempromosikan e-Dagang yang dianjurkan oleh Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) di mana ianya merupakan penganjuran kali keenam pada tahun 2019. #MyCybersale 2019 telah dilancarkan pada 24 September 2019 dan penganjuran program jualan dalam talian terbesar negara ini telah berlangsung selama seminggu bermula 27 September 2019 sehingga 3 Oktober 2019. SSM telah bertindak sebagai Jawatankuasa Pemandu bagi #MyCyberSale di mana kriteria SSM BizTrust telah diwar-warkan sebagai salah satu syarat pendaftaran di dalam acara tersebut.

# INISIATIF PENGUATKUASAAN

## PENGURUSAN ADUAN

Penerimaan aduan sehingga Disember 2019 ialah sebanyak 1,548 aduan dengan penambahan sebanyak 551 aduan iaitu 35.60% berbanding pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah aduan diterima, sebanyak 1,510 (98.00%) aduan telah berjaya diproses dalam tempoh sasaran yang ditetapkan sepanjang tahun 2019.

### ADUAN 2019

| Aduan diterima | Aduan berjaya diselesaikan | Aduan berjaya diselesaikan dalam tempoh sasaran | Aduan diselesaikan melebihi tempoh sasaran |
|---|---|---|---|
| 1,548 | 1,510 | 1,510 | 38 |
| | 98.00% | 98.00% | 2.00% |





### ADUAN DITERIMA

| | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Syarikat | 1,109 | 717 | 924 |
| Perniagaan | 408 | 280 | 406 |
| Lain-lain | 31 | 0 | 0 |
| Jumlah | 1,548 | 997 | 1,330 |

### ADUAN DISELESAIKAN

| | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Syarikat | 1,076 | 666 | 895 |
| Perniagaan | 403 | 274 | 401 |
| Lain-lain | 31 | 0 | 0 |
| Jumlah | 1,510 | 940 | 1,296 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## KLASIFIKASI PENERIMAAN ADUAN

| | ISU | JUMLAH |
|---|---|---|
| ADUAN MELIBATKAN PELANGGARAN AKTA | Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan | 57 |
| | Salahlaku pengarah syarikat | 114 |
| | Salahlaku setiausaha syarikat | 169 |
| | Salahlaku juruaudit syarikat | 4 |
| | Penipuan dan kesalahan serius seperti tadbirurus korporat dan serahsimpan maklumat palsu dan mengelirukan | 399 |
| | Salahlaku semasa penggulungan syarikat | 31 |
| | Ketidakaturan perakaunan | 7 |
| | Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan yang berdaftar | 21 |
| | Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim pelaburan tidak berdaftar | 15 |
| | Kesalahan melibatkan skim pelaburan online atau skim kepentingan tidak berdaftar | 1 |
| | Kesalahan asas dan rutin | 277 |
| | Isu yang melibatkan bidangkuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, gores dan menang, jualan langsung dan penipuan | 151 |
| | Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir spt tuntutan wang atau barangan, masalah dalaman dan aturan mesyuarat | 110 |
| | Aduan/Pertanyaan salahlaku korporat | 192 |
| | **JUMLAH** | **1,548** |

## PECAHAN TIGA (3) ADUAN TERTINGGI



**25.78**% Penipuan dan Kesalahan Serius

**17.90**% Kesalahan Asas dan Rutin

**12.40**% Aduan/Pertanyaan Salahlaku Korporat

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2019 iaitu:

i. Isu kesalahan penipuan dan kesalahan serius merupakan isu aduan yang tertinggi yang diterima iaitu sebanyak 399 aduan (25.78%). Antara kesalahannya seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, isu kewajipan dan liabiliti pengarah serta pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam.

ii. Aduan berhubung kesalahan asas dan rutin merupakan isu aduan kedua tertinggi iaitu sebanyak 277 aduan (17.90%). Antara kesalahan di bawah kategori ini ialah tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), tidak menyerahsimpan penyata tahunan dan penyata kewangan serta menjalankan perniagaan tanpa berdaftar.

iii. Aduan yang melibatkan pertanyaan dan salahlaku korporat merupakan aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 192 aduan (12.40%).

## PEMATUHAN KORPORAT

Pada tahun 2019, SSM meneruskan fokus terhadap tiga (3) strategi utama bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan di kalangan komuniti korporat. Kesemua strategi tersebut bertujuan untuk mencapai objektif utama pemantauan seperti rajah berikut:

### STRATEGI UTAMA PEMANTAUAN

**KUALITI DAN INTEGRITI PENYATA KEWANGAN**

Menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat dengan memberi penekanan kepada kualiti dan integriti Penyata Kewangan.

**KADAR PEMATUHAN DAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG KONDUSIF**

Meningkatkan kadar pematuhan dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan memastikan tadbir urus korporat yang baik dalam kalangan pengarah syarikat dan pemilik perniagaan.

**TADBIR URUS, AMALAN DAN TAHAP KOMPETENSI INTERMEDIARI KORPORAT**

Memastikan tadbir urus, amalan dan tahap kompetensi yang baik dalam kalangan intermediari korporat dengan memantau pematuhan setiausaha syarikat dan juruaudit terhadap perundangan, kaedah, kod etika dan garis panduan dalam pentadbiran sesebuah syarikat.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## OBJEKTIF PEMANTAUAN

### MEMASTIKAN PEMATUHAN

Memastikan pematuhan terhadap akta yang dikawal selia oleh SSM.

### TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN

Memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan undang-undang dan peraturan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM.

### KELAYAKAN YANG SESUAI

Memastikan pegawai-pegawai syarikat serta intermediari korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai untuk mentadbir syarikat dengan telus dan bertanggungjawab.

### MEMINIMUM RISIKO

Meminimum risiko penyalahgunaan syarikat untuk menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara.

Usaha penguatkuasaan berterusan dengan sokongan dan kerjasama agensi berkaitan dan pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi penguatkuasaan telah memberikan hasil yang lebih bersinergi dan menjadikan pendekatan penguatkuasaan yang seimbang lebih bermakna dan efektif. Program kesedaran dan kerjasama strategik SSM sepanjang tahun 2019 adalah seperti dalam rajah berikut:

## PROGRAM KESEDARAN

### CERAMAH KORPORAT

Sesi ceramah dengan setiausaha dan pengarah syarikat di seluruh negara berhubung isu pematuhan.

### JALINAN STRATEGIK

Sesi program jalinan strategik bersama setiausaha syarikat berhubung pematuhan terhadap AS 2016.

### TAKLIMAT PEMATUHAN

Sesi taklimat bersama Agensi Kerajaan, Institusi Kewangan, dan Pihak Berkepentingan.

### E-POSKAD

E-poskad dihantar melalui emel kepada pengarah syarikat dan pegawai pematuhan PLT berhubung keperluan mematuhan seksyen 246 AS 2016 & seksyen 69 APLT 2012.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## KERJASAMA STRATEGIK

### PERKONGSIAN DATA

5,061 semakan ke atas data berkaitan syarikat, perniagaan dan PLT. Perkongsian data syarikat, perniagaan dan PLT antara Pihak Berkuasa Tempatan negeri, pelbagai agensi perlesenan untuk semakan status pematuhan.

### OPERASI BERSEPADU

24 kerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasa bagi memantau aktiviti perniagaan oleh warga asing dan membanteras akitiviti haram.

### SESI PENERANGAN

20 sesi perjumpaan bersama pegawai Syarikat Berhad Menurut Jaminan berhubung pematuhan terhadap Akta Syarikat 2016.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh SSM sepanjang 2019 ialah menjalankan operasi bersepadu yang dikenali sebagai "OPS Niaga 4". "OPS Niaga 4" ini melibatkan SSM dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negara bagi memantau penglibatan warga asing dalam perniagaan di Malaysia.

Bermula dari tahun 2019, SSM telah dijemput oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) untuk menyertai Operasi Banteras Aktiviti Haram atau dikenali sebagai "OPS BAH". "OPS BAH" ini bertujuan untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah, pelacuran, judi haram dan lain-lain lagi. Statistik "OPS Niaga 4" dan "OPS BAH" adalah seperti berikut:

## HASIL DARIPADA OPERASI BERSEPADU

**Jumlah Operasi Bersepadu:** 24
(2018 - 54)
(2017 - 25)

**Jumlah Premis Diperiksa:** 614
(2018 - 883)
(2017 - 1,736)

**Jumlah Notis Seksyen 10 APP 1956 Dikeluarkan:** 5
(2018 - 20)
(2017 - 57)

**Jumlah Kesalahan Dikesan:** 29
(2018 - 341)
(2017 - 57)

**Jumlah Kes Dirujuk kepada Pihak Berkuasa Tempatan & Jabatan Imigresen:** 43
(2018 - 62)
(2017 - 133)

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Sepanjang 2019, SSM meneruskan pemeriksaan fizikal dan data ke atas 1,003,486 syarikat, perniagaan dan PLT. Skop pemeriksaan adalah seperti berikut:

| AKTIVITI | SKOP PEMANTAUAN | JUMLAH PEMERIKSAAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | 2019 | 2018 | 2017 |
| Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan di dalam pengkalan data SSM (pemantauan data) | • Status serahsimpan Penyata Tahunan berdasarkan peruntukan seksyen 68(1) AS 2016<br>• Status serahsimpan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 258(1) & 259(1) AS 2016<br>• Pemantauan pematuhan seksyen 248(1) & 340 AS 2016<br>• Menganalisa Penyata Kewangan yang diserahsimpan di SSM<br>• Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 198 dan 198(1)(b) AS 2016<br>• Memantau pematuhan syarikat di dalam proses penggulungan di bawah seksyen 484(3) & 388(1) AS 2016.<br>• Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) APP 1956<br>• Memantau serahsimpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) APLT 2012<br>• Pemeriksaan berhubung status pematuhan syarikat dan perniagaan yang mempunyai lesen atau permit daripada agensi berkaitan (Kerjasama dengan pihak berkuasa Temptan dan agensi perlesenan (contohnya Majlis Perbandaran dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Darat (SPAD). | **967,023** | 1,353,917 | 825,048 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

| AKTIVITI | SKOP PEMANTAUAN | JUMLAH PEMERIKSAAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **2019** | 2018 | 2017 |
| Pemeriksaan fizikal ke premis perniagaan dan pejabat berdaftar | • Pemeriksaan berkaitan paparan nama perniagaan dan nombor pendaftaran di luar premis perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 30(2) AS 2016 dan Kaedah 13A(2) Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (KPP 1957).<br>• Pemeriksaan berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 12(2) APP 1956.<br>• Pemeriksaan berkaitan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956.<br>• Pemeriksaan rekod dan penyelenggaraan Buku Berkanun oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 105, 362, 59, 57, 47, 343, 54 AS 2016 dan kehendak di bawah Kaedah-kaedah Syarikat 1966.<br>• Pematuhan PLT terhadap keperluan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 APLT 2012. | **25,725** | 23,872 | 22,174 |
| Pemantauan perniagaan berasaskan internet dan iklan-iklan media | • Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 30(1) AS 2016 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat<br>• Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan.<br>• Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan | **5,239** laman sesawang syarikat dan perniagaan serta **3,189** iklan syarikat dan perniagaan di media | 4,209 laman sesawang syarikat dan perniagaan serta 1,898 iklan syarikat dan perniagaan di media | 4,510 laman sesawang syarikat dan perniagaan serta 2,535 iklan syarikat dan perniagaan di media |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

| AKTIVITI | SKOP PEMANTAUAN | JUMLAH PEMERIKSAAN | | |
|---|---|---|---|---|
| | | **2019** | 2018 | 2017 |
| Pemantuan berkaitan Intermediari Korporat ke atas Setiausaha Syarikat, Penyelesai Syarikat, Juruaudit dan Pemegang Saham Substansial | **Pemantauan terhadap kewajipan dan kebebasan juruaudit dan penyelesai syarikat:**<br>• Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 264 AS 2016 dan Syarat Kelulusan atau Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.<br>• Kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemaskinian buku-buku berkanun di bawah seksyen 266(3)(b) AS 1965<br>• Kelayakan dan kebebasan penyelesai syarikat di bawah seksyen 433 AS 2016.<br>**Pemantauan terhadap kelayakan dan kompetensi setiausaha syarikat:**<br>• Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235 AS 2016<br>• Pemantauan terhadap syarikat di bawah seksyen 240 AS 2016 bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha.<br>• Penilaian kompetensi setiausaha syarikat melalui penilaian terhadap peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. | **961**<br>Firma audit<br><br>**764**<br>Juruaudit<br><br>**60**<br>Laporan Juruaudit<br><br>**70**<br>Penyelesai Syarikat<br><br>**455**<br>Setiausaha syarikat | 889<br>Firma audit<br><br>835<br>Juruaudit<br><br>364<br>Laporan Juruaudit<br><br>70<br>Penyelesai Syarikat<br><br>356<br>Setiausaha syarikat | 824<br>Firma audit<br><br>657<br>Juruaudit<br><br>737<br>Laporan Juruaudit<br><br>67<br>Penyelesai Syarikat<br><br>394<br>Setiausaha syarikat<br><br>188<br>Pemegang Saham Substantial |
| **JUMLAH** | | **1,003,486** | 1,386,410 | 857,134 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## KADAR PEMATUHAN DAN INISIATIF PEMANTAUAN

### KADAR PEMATUHAN
Sehingga 31 Disember 2019

| Tahun | Kadar |
|---|---|
| 2019 | 94% |
| 2018 | 93% |
| 2017 | 92% |
| 2016 | 93% |
| 2015 | 93% |

### INITIATIF BAGI MENINGKATKAN KADAR PEMATUHAN

**Notis Pematuhan kepada Syarikat**
**384,122**
(2018 : 436,095)
(2017 : 403,152)

**Notis Kompaun bagi Ketidakpatuhan**
**189,510**
(2018 : 161,750)
(2017 : 130,779)

**502,056**
(2018 : 536,414)
(2017 : 505,647)
**Syarikat Aktif**

**470,277**
(2018 : 457,009)
(2017 : 256,109)
**Penyata Tahunan Diterima**

**31,779**
(2018 : 43,090)
(2017 : 40,970)
**Gagal Serah Simpan Penyata Tahunan**

**5,062**
(2018 : 1,948)
(2017 : 99,922)
**Senarai Hitam Pengarah & Setiausaha Syarikat**

**15,194**
(2018 : 1,516)
(2017 : 3,180)
**Notis seksyen 551 AS 2016 Bagi Tujuan Pembatalan Nama Syarikat**

**10,052**
(2018 : 124,715)
(2017 : 306,554)
**Fail Pendakwaan Dibuka**

TINDAKAN LANJUT BAGI KETIDAKPATUHAN

## PEMERIKSAAN

Bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dan tadbir urus korporat yang baik di kalangan pengarah dan pemilik perniagaan, SSM meneruskan tindakan ke atas ketidakpatuhan yang dikenalpasti hasil daripada pemeriksaan fizikal di premis syarikat, perniagaan, PLT, pemantauan internet dan media serta pemantauan kelayakan pengarah syarikat seperti dalam jadual berikut:

## PEMERIKSAAN TERHADAP PREMIS SYARIKAT, PERNIAGAAN DAN PLT

### JUMLAH PEMERIKSAAN FIZIKAL

**9,411**
(2018 : 8,319)
(2017 : 8,440)
**Premis Syarikat**

**16,218**
(2018 : 15,332)
(2017 : 13,478)
**Premis Perniagaan**

**96**
(2018 : 221)
(2017 : 256)
**Premis PLT**

### TINDAKAN DARI PEMERIKSAAN

**77** Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan nama dan nombor syarikat/perniagaan di premis pernigaan, pejabat dafter dan dokumen rasmi syarikat/perniagaan (seksyen 30(2) AS 2016 & Kaedah13A(2) KPP1957)

**32** Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mempamerkan sijil pendaftaran perniagaan di premis perniagaan (seksyen 12(2) APP 1956)

**91** Notis kompaun ditawarkan bagi kegagalan mendaftar atau memperbaharui pendaftaran perniagaan kepada Pendaftaran (seksyen 12(1)(a) & (b) APP 1956)

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PEMANTAUAN INTERNET DAN MEDIA

### TINDAKAN DIAMBIL DARI HASIL PEMERIKSAAN




**Pemantauan Laman Sesawang**



**137**
Laman Sesawang dan Media Sosial tidak aktif

## PEMANTAUAN PENGARAH BANKRAP & PENGARAH DISABITKAN KESALAHAN

**Notis Pematuhan**



**Seksyen 198(1)(a) & 198(1)(b)/(c)/(d) AS 2016**
Dikeluarkan kepada pengarah bankrap untuk maklumat kehilangan kelayakan dan permintaan untuk peletakan jawatan.

**Tindakan Senaraihitam**



**39**
Pengarah Syarikat

## PEMANTAUAN SYARIKAT DALAM PROSES PEMBUBARAN



**377**
**Notis Pemantauan**

Dikeluarkan kepada pengarah yang gagal mengemukakan Penyata Hal Ehwal kepada penyelesai syarikat di bawah sekyen 484(3) & 383(1) AS 2016 melibatkan **124** syarikat.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN

SSM terus komited untuk memastikan integriti dan kualiti maklumat kewangan syarikat melalui pemantauan berterusan ke atas Penyata Kewangan yang diserahsimpan. Sejumlah 2,909 Penyata Kewangan telah dipantau melalui semakan terperinci terhadap rekod-rekod kewangan syarikat berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan selaras dengan kehendak AS 2016, AS 1965, Akta Skim Kepentingan 2016, piawaian perakaunan yang diluluskan dan lain-lain Akta yang dikawalselia.

Pemantauan difokuskan antara lain berhubung keperluan bagi penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan dokumen-dokumen sokongan syarikat disediakan secara teratur serta dapat menjelaskan setiap transaksi yang terlibat. Selain itu, penekanan terhadap penggunaan Penyata Kewangan (PK) mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan yang betul turut diberi perhatian serta memastikan PK yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan adil (*true and fair*) sebagaimana kehendak seksyen 259 AS 2016.

Melalui aktiviti pemantauan yang berterusan ini, tahap kesedaran di kalangan pengarah dan setiausaha syarikat telah dapat ditingkatkan berhubung keperluan untuk menyimpan rekod-rekod perakaunan dan menyediakan PK mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan dan secara tidak langsung meningkatkan sistem kawalan dalaman syarikat.

SSM yakin melalui penyediaan PK yang mematuhi keperluan di bawah AS 2016 dan piawaian perakaunan yang diluluskan dapat menggalakkan tadbir urus dan tanggungjawab korporat yang baik di kalangan pengarah syarikat dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti operasi syarikat. Akhirnya, keyakinan pihak-pihak berkepentingan terhadap maklumat yang dibekal dapat ditingkatkan dan secara tidak langsung menyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara. Statistik berhubung pemantauan PK dan rekod-rekod perakaunan dalam tahun 2019 adalah seperti di bawah:

### STATISTIK PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN DAN REKOD-REKOD PERAKAUNAN

| Kategori | 2019 | 2018 | 2017 |
|---|---|---|---|
| Penyata Kewangan Bersyarat | 809 | 750 | 1,104 |
| Penyata Kewangan Syarikat Berkecuali (EPC) | 1,008 | 500 | 1,050 |
| Perkongsian Liabiliti Terhad | 928 | 13 | 84 |
| Syarikat Amanah | 38 | 35 | 31 |
| Pengecualian Beraudit | 7 | N/A | N/A |
| Aduan Syarikat | 10 | 13 | 10 |
| Syarikat Asing | 109 | 14 | 14 |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan, berikut merupakan ketidakpatuhan yang dikesan di bawah AS 2016 dan APLT 2012:




## PEMANTAUAN SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Syarikat Berhad Menurut Jaminan **("SBMJ")** adalah sebuah syarikat awam yang tidak mempunyai modal saham. SBMJ diperbadankan bukan bagi tujuan komersil atau keuntungan dan dilarang untuk menawarkan dividen kepada ahlinya. Secara dasarnya, objektif penubuhan SBMJ adalah untuk menjalankan aktiviti yang selari dengan objektif seperti yang digariskan di para lima (5) Garis Panduan Syarikat Berhad Menurut Jaminan. Pengarah/ pemegang amanah SBMJ bertanggungjawab untuk mengamalkan tadbir urus yang baik dalam pengurusan SBMJ menurut kehendak undang-undang. Statistik pemantauan ke atas SBMJ bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:



LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

**KESALAHAN** YANG DIKENALPASTI

01

- **Kesalahan di bawah seksyen 244 AS 2016 / 166A AS 1965**

**Tindakan**

- **Notis Kompaun - 11**
- **Notis Pematuhan - 1**

02

- **Kesalahan di bawah seksyen 245 AS 2016**

**Tindakan**

- **Notis Kompaun - 1**

## PEMANTAUAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

Akta Skim Kepentingan 2016 (ASK 2016) adalah satu perundangan tunggal untuk mentadbir dan mengawal selia Skim Kepentingan Berdaftar **("SKB")**. SKB adalah merupakan satu bentuk pengumpulan dana alternatif di mana sumbangan oleh pemegang kepentingan dikumpulkan di dalam perusahaan yang sama. Objektif pemantauan adalah:

- Untuk mengenalpasti jenis-jenis SKB untuk dijadikan asas bagi mengambil tindakan di bawah ASK 2016;
- Memastikan pegawai-pegawai syarikat pengurusan mengamalkan tadbir urus korporat yang baik;
- Melindungi hak dan pemegang-pemegang kepentingan SKB;
- Memastikan pemegang amanah yang dilantik melaksanakan tugas dan tanggungjawab sepertimana yang termaktub di bawah ASK 2016;
- Memastikan syarikat pengurusan mematuhi peruntukan di bawah ASK 2016 dan mematuhi Surat Ikatan Amanah (SIA) dan prospektus yang didaftarkan dan mengeluarkan peringatan kepada syarikat yang telah dikenalpasti; dan
- Antara dokumen yang diperiksa adalah SIA, Surat Ikatan Amanah Tambahan dan Prospektus.

**Mekanisma perlindungan terhadap pemegang kepentingan adalah seperti berikut:**

| PERKARA | AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 |
|---|---|
| **Mekanisme Perlindungan Terhadap Pemegang Kepentingan** | **Seksyen 9(5)** - Kuasa Pendaftar untuk mengarahkan syarikat memberi pampasan kepada pelabur terdahulu sebelum mendaftarkan skim |
| | **Seksyen 42** - Kuasa Pendaftar untuk mengeluarkan Perintah Berhenti ke atas syarikat pengurusan |
| | **Seksyen 55** - Hak pemegang kepentingan untuk meminta pengarah syarikat pengurusan supaya memanggil mesyuarat pemegang kepentingan |
| | **Seksyen 71** - Kuasa Pendaftar untuk campur tangan sekiranya pengendalian skim tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan |
| | **Seksyen 72** - Kuasa Pendaftar untuk menamatkan skim tidak berdaftar |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

Statistik pemeriksaan fizikal dan data bagi tahun 2019 SKB adalah seperti berikut:




Hasil pemeriksaan fizikal dan data bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

| PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|
| **Pemeriksaan fizikal** | 5 fail diambil tindakan lanjut |
| **Pemeriksaan data** | 24 notis pematuhan bagi pembaharuan prospektus dikeluarkan kepada skim-skim berikut:<br>• Skim Keahlian Rekreasi – 14<br>• Skim Perkongsian Masa – 7<br>• Skim Pelaburan – 2<br>• Skim Taman Peringatan – 1 |

## PELESENAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Pada tahun 2019, sebanyak 2,823 daripada 17,716 individu yang direkodkan sebagai setiausaha syarikat merupakan setiausaha berlesen yang berdaftar dengan SSM. Ringkasan aktiviti pelesenan bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:



LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PEMANTAUAN SETIAUSAHA SYARIKAT

Bagi pemantauan setiausaha syarikat, sebanyak 299 (2018: 268) penilaian kompetensi setiausaha syarikat telah dijalankan di pejabat berdaftar syarikat bagi menilai peringkat pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak AS 2016. Sebanyak 156 (2018: 88) notis pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 235(2) AS 2016. Ringkasan aktiviti pemantauan setiausaha bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:




## PEMANTAUAN JURUAUDIT

SSM menjalankan pemantauan ke atas juruaudit syarikat bagi memastikan pematuhan terhadap semua peruntukan di bawah AS 1965 dan AS 2016 dan Syarat Kelulusan serta Pembaharuan Kelulusan sebagai Juruaudit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Aktiviti pemantauan sepanjang tahun diringkaskan seperti di bawah:






LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## SIASATAN

Pada 2019, selain daripada tindakan siasatan ke atas kesalahan di bawah akta yang dikawalselia oleh SSM, SSM juga telah menjalankan inisiatif tambahan berbentuk pencegahan iaitu:

(a) Audit "*Know-Your-Customer*" (KYC); dan
(b) Semakan & risikan ke atas syarikat & perniagaan yang disenaraikan di laman sesawang aktiviti penguatkuasaan yang menjalankan aktiviti mencurigakan termasuk aktiviti pelaburan haram

## AUDIT "KNOW-YOUR-CUSTOMER"

Tindakan Audit KYC telah dijalankan ke atas 27 setiausaha syarikat yang terpilih sepanjang tahun 2019.



**MENGAPA AUDIT KYC?**
Bagi memastikan setiausaha syarikat mematuhi peraturan berkaitan KYC supaya entiti korporat tidak disalahgunakan bagi tujuan melanggar undang-undang di Malaysia.

### OBJEKTIF

- Menilai tahap kompetensi KYC setiausaha syarikat dalam mengenalpasti latar belakang dan identiti pelanggan mereka (pengarah syarikat).
- Menilai praktis kesetiausahaan dalam mengenalpasti kesahihan transaksi pelanggan yang dikendalikan.
- Meningkatkan integriti data yang dibekalkan oleh SSM kepada pelanggan.
- Mencadangkan tindakan pentadbiran atau penguatkuasaan yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap KYC setiausaha syarikat.
- Memberikan pendedahan tentang kepentingan melaksanakan KYC terhadap pelanggan.

### TINDAKAN

Pemeriksaan buku & dokumen berkanun syarikat. → Analisa data melalui maklumat yang diperolehi semasa pemeriksaan. → Pengesyoran penambahbaikan amalan KYC terbaik kepada setiausaha syarikat.

### PENILAIAN AMALAN KYC




Secara keseluruhan, 55% audit KYC setiausaha syarikat berada pada tahap "Memuaskan". Lanjutan daripada penilaian ini, surat telah dikeluarkan kepada semua setiausaha syarikat sebagai penambahbaikan terhadap amalan usaha wajar pelanggan (*customer due diligence*).

**BAIK**
- Pengesahan identiti dan semakan latar belakang pelanggan secara komprehensif;
- Maklumat pelanggan disimpan secara teratur dan tepat;
- Meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri kursus KYC.

**MEMUASKAN**
- Membuat semakan latar belakang pelanggan dengan semakan minima;
- Maklumat pelanggan tidak disimpan secara teratur dan tepat; dan
- Meningkatkan pengetahuan dengan menghadiri kursus KYC.

**LEMAH**
- Tiada semakan latar belakang pelanggan;
- Maklumat pelanggan tidak disimpan;
- Membuat pengesahan identiti pelanggan melalui pihak ketiga;
- Tidak mempunyai polisi dan prosedur KYC; dan
- Tidak pernah menghadiri kursus berkaitan KYC.

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

# SEMAKAN & RISIKAN

KE ATAS SYARIKAT DAN PERNIAGAAN YANG DISENARAIKAN DI LAMAN SESAWANG AKTIVITI PENGUATKUASAAN YANG MENJALANKAN AKTIVITI MENCURIGAKAN TERMASUK AKTIVITI PELABURAN HARAM




## OBJEKTIF PELAKSANAAN



Membuat pemeriksaan data dan fizikal terhadap syarikat dan perniagaan bagi memastikan aktiviti entiti tersebut tidak melanggar undang-undang yang dikawalselia oleh SSM.



Mengambil tindakan penguatkuasaan yang berkaitan bagi syarikat dan perniagaan yang melanggar undang-undang yang dikawalselia oleh SSM.



Memastikan dan mencegah syarikat dan perniagaan tidak disalahguna dan mematuhi peruntukan undang-undang.

## TINDAKAN YANG DIAMBIL



**01**
Semakan dan risikan dibuat ke atas 321 entiti.



**02**
Semakan maklumat di pengkalan data SSM.



**03**
Semakan maklumat dengan agensi penguatkuasaan yang lain.



**04**
Tindakan pencegahan berdasarkan pelaporan secara dalaman dan luaran.



**05**
Syarikat dan perniagaan yang menyalahi undang-undang akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

## IMPAK

- Memberikan nilai tambah kepada peranan SSM dari sudut mencegah salahguna entiti-entiti yang dikawalselia;
- Menjadikan SSM badan kawalselia yang lebih proaktif dalam menjalankan aktiviti penguatkuasaan;
- Meningkatkan tahap pematuhan entiti syarikat dan perniagaan yang ditadbir oleh SSM melalui tindakan pencegahan awal; dan
- Mendokong aspirasi kebolehpercayaan SSM dan menggalakkan persekitaran perniagaan yang selamat.



LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan



LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

# AKTIVITI PENGUATKUASAAN 2019

## SENARAIHITAM

**86** Senaraihitam telah dilakukan

## NOTIS

**1,349** NOTIS seksyen 111 KANUN PROSEDUR

**360** NOTIS seksyen 27B ASSM 2001 UNTUK MENDAPATKAN DOKUMEN

**28** NOTIS seksyen 27J ASSM 2001 UNTUK SEKATAN PERJALANAN SAKSI MELALUI IMIGRESEN.

## PEMERIKSAAN

**92** Premis Perniagaan

**64** Firma Juruaudit

**42** Pejabat Setiausaha Syarikat

**263** Alamat Saksi/Suspek Kes

## PENDAKWAAN

**2** Kes kerana gagal hadir untuk rakaman percakapan

**16** Untuk lain-lain kes

## SERBUAN

**2** Serbuan telah dijalankan

## CARIAN

**20** Jabatan Insolvensi

**4** Mahkamah

**110** Bank

**25** Jabatan Kimia

**53** JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

**63** JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

**604** TELCO

**132** JABATAN IMIGRESEN

**13** FACEBOOK / AKHBAR

**311** SSM

## RAKAMAN PERCAKAPAN

**1,003** Rakaman percakapan telah dijalankan

## PERJUMPAAN BERSAMA AGENSI KERAJAAN & SWASTA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Comission
Malaysia

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

maxis

celcom

digi

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PENDAKWAAN DAN LITIGASI

Persidangan Penguatkuasaan 2019 telah berjaya diadakan pada 9-11 Disember 2019 bertempat di Amverton Heritage Resort Melaka dengan tajuk persidangan "*Enforcement in New Digital Economy*". Persidangan tersebut telah dihadiri oleh YBrs. Dr Azman Hussin, KPE SSM dan Tuan Khuzairi Yahaya, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan). Seramai 75 peserta merangkumi pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat dan SSM Negeri terlibat di dalam persidangan tersebut.









LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PENDAKWAAN

Pada tahun 2019, SSM telah mengendalikan kes pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah AS 1965, AS 2016, APP 1956 dan ASK 2016.

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016 DAN APP 1956 | | JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN |
|---|---|---|
| **Kesalahan Tadbir Urus Korporat Yang Serius** | | **2019** |
| **Seksyen 91(1) AS 1965** | : Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | 0 |
| **Seksyen 94(1)(b) AS 1965** | : Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan. | 0 |
| **Seksyen 7D(5) AS 1965** | : Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | 0 |
| **Seksyen 125(1) AS 1965** | : Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 0 |
| **Seksyen 132(1) AS 1965** | : Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | 0 |
| **Seksyen 132(2)(a) AS 1965** | : Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung. | 2 |
| **Seksyen 132(2)(c) AS 1965** | : Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | 1 |
| **Seksyen 363(3) AS 1965** | : Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai. | 0 |
| **Seksyen 364(2) AS 1965** | : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 4 |
| **Seksyen 364A(1)(a) AS 1965** | : Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut. | 0 |
| **Seksyen 198(1) AS 2016** | : Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 1 |
| **Seksyen 12(1)(d) APP 1956** | : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | 0 |
| **JUMLAH** | | **8** |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016 DAN APP 1956 | | | JUMLAH KES YANG DISABITKAN KESALAHAN |
|---|---|---|---|
| **Kesalahan-Kesalahan Lazim** | | | **2019** |
| **Section 143(1) AS 1965** | : | Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | 38 |
| **Section 169(1) AS 1965** | : | Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | 18 |
| **Section 165(4) AS 1965** | : | Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 222 |
| **Section 68(1) AS 2016** | : | Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 182 |
| **Section 165A AS 1965** | : | Gagal melampirkan Penyata Juruaudit. | 24 |
| **Section 370(1) AS 1965** | : | Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | 0 |
| **Section 12(1)(a) APP 1956** | : | Setiausaha yang hilang kelayakan. | 0 |
| **Section 12(1)(b) APP 1956** | : | Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | 27 |
| **Section 12(2) APP 1956** | : | Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan. | 3 |
| **Section 17A(1)(b) APP1956** | : | Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | 0 |
| **Section 17A(2) APP 1956** | : | Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | 4 |
| **JUMLAH** | | | **518** |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## KES-KES PENTING DALAM TAHUN 2019

Tahun 2019 mencatatkan secara keseluruhan jumlah sabitan sebanyak 526 kes. Ringkasan kes-kes penting yang dikendalikan oleh Seksyen Pendakwaan adalah seperti berikut:

| PIHAK-PIHAK | JENIS KESALAHAN | KESALAHAN (SEKSYEN) | KETERANGAN |
|---|---|---|---|
| Pendakwa Raya lawan Muhamad Rizal Khalid bin Ismail | Meneruskan perniagaan selepas tamat tempoh pendaftaran | Seksyen 12(1)(b) APP 1956 | Muhamad Rizal Khalid bin Ismail telah mengaku bersalah terhadap kesalahan meneruskan perniagaan Espokad Boutique & Restaurant walaupun tempoh pendaftaran perniagaan tersebut telah tamat tanpa diperbaharui. Mahkamah telah mensabitkan beliau atas kesalahan tersebut dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar, 3 bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Moo Khean Choong | Pengarah/ pegawai syarikat menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran/ ratifikasi mesyuarat am dan memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 132(2)(a), 132(2)(c) & 364(2) AS 1965 | Moo Khean Choong didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan-kesalahan yang dipertuduhkan terhadapnya. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM26,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan. |
| Pendakwa Raya lawan Md Faldze Ariffin | Pengarah/ pegawai syarikat menggunakan maklumat tanpa kebenaran/ ratifikasi mesyuarat am | Seksyen 132(2)(b) AS 1965 | Md Faldze Ariffin telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 132(2)(b) AS 1965 dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM3,000 jika gagal bayar, 3 bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Tharumaningam a/l M. Muthiah | Bankrap yang belum dilepaskan | Seksyen 198(1) AS 2016 | Tharumaningan a/l M. Muthiah telah didapati bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM5,000 jika gagal bayar, 3 bulan penjara. |
| Pendakwa Raya lawan Ramlan Bin Osman | Memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 364(2) AS 1965 & seksyen 198(1) AS 2016 | Ramlan Bin Osman telah didapati bersalah oleh Mahkamah dan dijatuhkan dengan hukuman denda sebanyak RM15,000 bagi kedua-dua pertuduhan yang dikenakan terhadapnya. |
| Pendakwa Raya lawan Syed Mohd Hasnie & Mamadou Ndaw | Memberikan maklumat palsu kepada Pendaftar | Seksyen 364(2) AS 1965 | Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah membenarkan rayuan SSM di mana Mahkamah telah memerintahkan kes dikembalikan semula ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur untuk kedua-dua Responden dipanggil membela diri. |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## PENDAFTARAN KES MAHKAMAH TAHUN 2019

Kes yang di daftarkan untuk kesalahan ketidakpatuhan dibawah AS 1965, AS 2016 dan APP 1956.

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016, DAN APP 1956 | | | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN |
|---|---|---|---|
| **Kesalahan-Kesalahan Lazim** | | | **2019** |
| **Seksyen 143(1) AS 1965** | : | Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat. | 384 |
| **Seksyen 169(1) AS 1965** | : | Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa yang ditetapkan. | 107 |
| **Seksyen 165(4) AS 1965** | : | Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan. | 7,011 |
| **Seksyen 121(1)(b) AS 1965** | : | Kegagalan mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat. | 0 |
| **Seksyen 121(3) AS 1965** | : | Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat. | 0 |
| **Seksyen 369(1)(c) AS 1965** | : | Kesalahan general (am). | 0 |
| **Seksyen 588(1)(c) AS 2016** | : | Kesalahan general (am). | 1 |
| **Seksyen 12(1)(a) APP 1956** | : | Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran. | 21 |
| **Seksyen 12(1)(b) APP 1956** | : | Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh. | 76 |
| **Seksyen 12(1)(c) APP 1956** | : | Gagal memberikan maklumat kepada Pendaftar. | 0 |
| **Seksyen 12(2) APP 1956** | : | Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan. | 32 |
| **Seksyen 17A(1)(b) APP 1956** | : | Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan. | 22 |
| **Seksyen 17A(2) APP 1956** | : | Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda. | 8 |
| **JUMLAH** | | | **9,367** |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

| KATEGORI KESALAHAN DI BAWAH AS 1965, AS 2016, APLT 2012, ASSM 2001, AKTA SKIM KEPENTINGAN 2016 DAN APP 1956 | | | JUMLAH KES YANG DIDAFTARKAN |
|---|---|---|---|
| **Kesalahan Tadbir Urus Korporat Yang Serius** | | | **2019** |
| **Seksyen 12(1)(d) APP 1956** | : | Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar. | 3 |
| **Seksyen 7D(5) AS 1965** | : | Kegagalan mematuhi notis 7D(1) untuk memberikan sebab yang kukuh kepada Pendaftar. | 0 |
| **Seksyen 89 AS 1965** | : | Pengeluaran kepentingan kepada orang awam bukan daripada syarikat atau ejen syarikat. | 0 |
| **Seksyen 91(1) AS 1965** | : | Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan. | 1 |
| **Seksyen 125(1) AS 1965** | : | Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 7 |
| **Seksyen 198(1) AS 2016** | : | Bankrap yang tidak dilepaskan bertindak sebagai pengarah. | 4 |
| **Seksyen 128(2) AS 1965** | : | Pemecatan pengarah-pengarah tanpa notis khas. | 0 |
| **Seksyen 131(1) AS 1965** | : | Kegagalan mengemukakan kepentingan kepada syarikat di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. | 0 |
| **Seksyen 132(1) AS 1965** | : | Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | 4 |
| **Seksyen 132(2)(c) AS 1965** | : | Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | 4 |
| **Seksyen 132(2)(d) AS 1965** | : | Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari. | 1 |
| **Seksyen 364(2) AS 1965** | : | Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 17 |
| **Seksyen 593(a) AS 2016** | : | Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | 2 |
| **Seksyen 370(1) AS 1965** | : | Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | 0 |
| **Seksyen 591(2)(a) AS 2016** | : | Pernyataan palsu yang mengelirukan. | 3 |
| **Seksyen 27B(1)(a) ASSM 2001** | : | Gagal mematuhi notis menghadiri rakaman percakapan di hadapan Pendaftar. | 3 |
| **Seksyen 80(1) APLT2012** | : | Kenyataan palsu dan mengelirukan. | 1 |
| **Seksyen 484(6) AS2016** | : | Gagal mengemukakan liabiliti di dalam Pernyataan Hal Ehwal Syarikat. | 1 |
| **Seksyen 245(9) AS 2016** | : | Gagal menyimpan akaun syarikat. | 2 |
| **Seksyen 3(2)(a) ASK 2016** | : | Dilarang membuat penawaran bagi sesuatu skim yang tidak didaftarkan. | 2 |
| **JUMLAH** | | | **55** |

LAPORAN **PENGURUSAN**
Inisiatif Penguatkuasaan

## SABITAN PENDAKWAAN PADA TAHUN 2019

Jumlah sabitan yang dikenakan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

| KATEGORI | SABITAN KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT | SABITAN KESALAHAN LAZIM |
|---|---|---|
| Syarikat | - | 432 |
| Pengarah | 8 | - |
| Pemilik/ Perniagaan Individu | - | 19 |
| **JUMLAH** | **8** | **451** |

## LITIGASI

Berikut merupakan statistik kes sivil yang telah dikendalikan oleh SSM dari bulan Januari – Disember 2019:

| TAHUN | JUMLAH FAIL YANG DIKENDALIKAN | JUMLAH FAIL YANG DITUTUP |
|---|---|---|
| 2018 | 522 | 350 |
| 2019 | 543 | 316 |

Antara kes-kes Mahkamah yang dikendalikan oleh SSM adalah meliputi perkara-perkara berikut:

(a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 555 AS 2016);
(b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 361 AS 2016);
(c) Tindakan menurut seksyen 607 AS 2017;
(d) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah seksyen 602 AS 2016;
(e) Kes-kes yang melibatkan Akta Skim Kepentingan 2016;
(f) Kes-kes permohonan Injunksi dibuat oleh SSM terhadap syarikat;
(g) Kes-kes writ saman yang melibatkan tuntutan kecuaian dan ganti rugi terhadap SSM; dan
(h) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

Antara kes yang melibatkan SSM sebagai Defendan Pertama adalah kes Green Nature Grandeur Sdn Bhd & 2 Lagi lwn. SSM & 12 Lagi melalui Guaman Sivil bernombor WA-22NCC-209-06/2018. Dalam kes ini, Plaintif dan Defendan telah memasuki Perjanjian Jual Beli Saham bertarikh 19.01.2005. Menurut Perjanjian tersebut, Defendan hendaklah menyempurnakan borang-borang statutori pindah milik saham ke atas nama Plaintif dan membuat perubahan daftar (pelantikan pengarah) setelah baki jumlah jualan saham tersebut dijelaskan oleh Plaintif. Antara pembetulan daftar syarikat yang dipohon oleh Plaintif terhadap SSM ialah membatalkan nama Defendan sebagai Pengarah syarikat dan menggantikan nama Plaintif sebagai Pengarah syarikat tersebut serta mengemaskini Daftar Ahli-ahli (Register of Members) dengan memindah milik saham tersebut ke atas nama Plaintif menurut peruntukan seksyen 103 dan 602 AS 2016. Mahkamah memutuskan untuk menolak permohonan Plaintif atas alasan tempoh had masa untuk pelaksanaan tuntutan 'Specific Performance' telah melebihi had masa yang diperuntukkan di bawah Akta. Mahkamah juga telah memutuskan kos sebanyak RM15,000 dibayar oleh Plaintif kepada SSM.

SSM juga bertindak membela Defendan Kedua hingga Sepuluh di dalam kes yang melibatkan SSM. Kes tersebut adalah, CTG Capital Sdn Bhd & 4 Lagi Lwn Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) & 9 Lagi melalui Guaman Sivil No WA-21NCVC-65-10/2019. Di dalam kes ini, Plaintif-Plaintif memfailkan tindakan terhadap kesemua Defendan bagi menuntut pelbagai kerugian yang dialami oleh Plaintif-Plaintif atas kausa tindakan tort konspirasi (*tort of conspiracy*) oleh semua Defendan-Defendan dan atas kuasa tindakan siasatan salah dan berniat jahat/ curang (*false and malicious investigation*), salah guna kuasa (*abuse of power*) dan salah laku siasatan (*investigation misconduct*). Plaintif-Plaintif telah memperoleh Perintah Injunksi (*Ex Parte*) pada 23.10.2019 dan Perintah (Ad Interim) pada 5.11.2019. SSM yang mewakili Defendan Kedua hingga Defendan Kesepuluh, telah memfailkan Pernyataan Pembelaan pada 6.11.2019 dan akan menghadiri Pendengaran Kes bagi permohonan Interim Injunksi yang telah ditetapkan pada 17.02.2020 untuk membantah Perintah Interim Injunksi tersebut.

# SOROTAN **MEDIA**

Keratan Akhbar

## SSM AGIH RM111,000 KEPADA GOLONGAN DAIF



## Suri, SSM bantu golongan memerlukan



Penerima bantuan zakat merakamkan gambar bersama selepas program berkenaan.

SHAH ALAM - Pertubuhan Sukan, Kebudayaan dan Rekreasi Santai (Suri) dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menganjurkan program penyerahan zakat kepada 80 orang asnaf, ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU).

Pengerusi Suri, Sumarni Ayob berkata, penganjuran itu dibuat hasil daripada peruntukan zakat yang diberikan oleh SSM sebanyak RM12,000 bagi membantu meringankan beban golongan memerlukan di sekitar kawasan Shah Alam.

Sumarni berkata, selain itu, program berkenaan juga bertujuan bagi memberi maklumat kepada penyumbang agar dapat mengenalpasti saluran yang betul bagi menyampaikan sumbangan pada masa akan datang.

"Kesemua 80 orang penerima zakat ini mendapat bantuan sebanyak RM150 seorang bagi membantu meringankan beban ditanggung mereka," katanya kepada Sinar Harian.

Mengulas lanjut mengenai kriteria pemilihan, Sumarni berkata pihaknya menjalinkan kerjasama erat dengan komuniti dan penduduk setempat di sekitar Shah Alam bagi mengenalpasti golongan sasar yang ditetapkan.

Katanya, langkah ini adalah bagi memastikan bentuk bantuan yang disampaikan itu dapat diberikan secara terus kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Kita juga tidak hanya fokus di Shah Alam sahaja dan mungkin jika ada pihak yang memerlukan di kawasan lain kita akan cuba untuk membantu," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai pertubuhan Suri, Sumarni berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu juga turut berperanan bagi membantu menjana ekonomi golongan wanita bagi membantu dalam penganjuran aktiviti dan program kesukarelawan.

"Untuk Ramadan ini, kita merancang untuk mengadakan program sahur bersama golongan asnaf selepas ini," katanya.




KLIK PELANCARAN | Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Nor Azimah Abd Aziz (tengah) menyampaikan replika cek zakat korporat berjumlah RM20,000 kepada Pengetua Sekolah Menengah Teknik Melaka, (SMTM) Karim Tumin (kanan) sempena pelancaran '1st Student Entrepreneurship Programme (1st Step)' 2019 baru-baru ini. Program bertema 'Perniagaan Satu Kerjaya Itu' adalah siri kedua jelajah 1st Step dan SMTM merupakan lokasi kedua penganjuran pada tahun ini melibatkan 1,200 pelajar sekolah aliran teknik dan vokasional di Melaka.



## SSM bantu 300 usahawan

Sedia dana RM900,000 bagi individu yang layak di Pahang

## 罚单自动折扣制生效
# 公司早缴罚折扣多




| 缴付罚单期限(天) | 原有罚款折扣(%) |
|---|---|
| 1 至 40 | 85 |
| 41 至 60 | 75 |
| 61 至 90 | 60 |
| 91 至 180 | 30 |

TRANSLATION

Since the commencement of the automatic ticket discount system, the Companies Commission of Malaysia (SSM) has implemented the automatic ticket discount system from the date of enforcement against companies that have received a ticket in the 2016 Corporate order, and will receive a 30% to 85% penalty discount within the prescribed time limit. The mechanism is designed to encourage businesses to comply with the Companies Act of 1965 and the Companies Act of 2016, so that they can enjoy higher fines without appeal, said the minister of domestic trade and Consumer Affairs, Dato Seri Saifuddin Nasution. Companies who have received a ticket will be entitled to 85% if they pay the fine within 1 to 40 days.

## SSM sasar sifar penipuan perniagaan dalam talian



# PENYATA
# KAWALAN DALAMAN



# PENYATA KAWALAN DALAMAN

## PENGURUSAN RISIKO

SSM komited untuk mencapai visinya iaitu untuk menjadi pendaftar dan pengawal selia korporat terulung. Lantaran itu, Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Enterprise / *Enterprise Risk Management* (*ERM*) dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan / *Business Continuity Management* (*BCM*) SSM telah diperkenalkan pada tahun 2019 untuk dijadikan panduan dan rujukan dalam membudaya dan mengadaptasi amalan *ERM* dan *BCM* ke dalam ekosistem SSM oleh semua pihak.

Polisi dan Kerangka Kerja *ERM* yang komprehensif akan membolehkan teras yang kukuh dibina di SSM dalam melaksanakan amalan *ERM* dan membantu SSM untuk mencapai visi yang telah ditetapkan serta membolehkan SSM melindungi reputasi, sumber, modal insan, aset dan sebagainya.

Manakala, bagi memastikan SSM dapat terus memberikan perkhidmatan dan melaksanakan fungsi utamanya dalam apa jua situasi yang tidak dijangka, Polisi dan Rangka Kerja *BCM* SSM yang berasaskan kepada Standard Antarabangsa ISO22301:2012 (Keperluan Sosial - Sistem Pengurusan Kesinambungan Perniagaan - Keperluan) dan amalan terbaik daripada industri, akan dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam pengurusan sumber-sumber utama SSM bagi memastikan perkhidmatan dapat dikembalikan semula dalam tempoh yang sewajarnya apabila berlaku sebarang gangguan.

## PERANAN, TANGGUNGJAWAB DAN STRUKTUR PEMANTAUAN

Kepimpinan yang mantap dan komitmen berterusan daripada Anggota Suruhanjaya, Pengurusan SSM dan semua pekerja adalah sangat penting bagi memastikan pelaksanaan *ERM* dan *BCM* di SSM berjaya dilaksanakan dengan berkesan. Suruhanjaya akan memastikan semua pihak memainkan peranan masing-masing secukupnya dan mempunyai akauntabiliti terhadap aspek implementasi *ERM* dan *BCM* di bawah skop mereka.

Suruhanjaya juga mempunyai tanggungjawab untuk memahami risiko-risiko utama, memberi panduan dalam menangani risiko-risiko tersebut serta memastikan risiko-risiko berkenaan diuruskan secara proaktif melalui kaedah yang berstruktur dan konsisten. Manakala Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) pula bertanggungjawab terhadap pemantauan polisi, rangka kerja, sistem, amalan dan prosedur *ERM* dan *BCM* di SSM.

Sementara itu, tanggungjawab untuk memastikan dan memantau pelaksanaan Polisi *ERM* dan *BCM* secara menyeluruh di SSM, mengurus dan memantau risiko-risiko utama secara berkesan dan berkala serta memastikan semua pekerja memahami tanggungjawab dan akauntabiliti masing-masing dalam menguruskan risiko di bawah skop masing-masing terletak di bawah Pihak Pengurusan SSM.

Pemangkin kepada pembudayaan amalan *ERM* dan *BCM* di SSM adalah Seksyen Pengurusan Risiko (SPR). SPR akan bertindak sebagai pihak bebas dalam membimbing, mengkoordinasi, memantau dan melapor status implementasi ERM dan BCM di SSM kepada Suruhanjaya / JAPR. SPR juga akan berterusan menilai dan menambahbaik kedua-dua polisi dan kerangka kerja, mekanisme/alat dan proses kepada semua pekerja, pihak Pengurusan dan Suruhanjaya.

## KOMUNIKASI *ERM* DAN *BCM*

Salah satu faktor utama untuk menyokong dan memupuk implementasi *ERM* dan *BCM* di dalam pengurusan dan operasi di SSM adalah dengan mempunyai saluran komunikasi yang berstruktur dan jelas. Struktur pelaporan yang efektif juga akan membolehkan pelaporan oleh SPR kepada JAPR berkenaan akauntabiliti, autoriti dan kesesuaian kompetensi dalam menguruskan risiko termasuk pelaksanaan dan pengekalan proses ERM dan BCM, dapat dilaksanakan secara berkala dan konsisten. Berikut adalah struktur pelaporan di SSM yang dinyatakan di dalam kedua-dua kerangka kerja *ERM* dan *BCM* :




**NOTES:**

- Pelaporan Terus (garisan penuh)
- Melapor kepada pihak Pengurusan berkaitan pelaksanaan dan pemantauan ERM dan BCM, dan mempertimbangkan maklum balas / komen daripada pihak Pengurusan dalam melengkapkan pelaporan kepada JAPR (garisan putus-putus)

## POLISI *ERM*

Dalam usaha untuk mencapai visi, SSM perlu memiliki keupayaan untuk menguruskan risiko ke satu tahap yang boleh diterima. Pelaksanaan *ERM* yang berkesan akan meningkatkan kebolehan SSM unutk menyusun strategi, cabaran serta menggunakan peluang yang mungkin wujud. Ini juga akan meningkatkan keupayaan SSM untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran perniagaan serta membuat keputusan dengan lebih berkesan. Polisi *ERM* yang telah dimandatkan adalah seperti berikut:

(a) Mengintegrasikan amalan pengurusan risiko ke dalam budaya kerja SSM, aktiviti operasi dan di dalam proses membuat keputusan;

(b) Mengambilkira dan bertindak balas secara proaktif terhadap perubahan risiko berkaitan strategik, tata kelola, pematuhan, operasi, siber, sistem dan kewangan;

(c) Menguruskan risiko ke tahap yang boleh diterima secara pragmatik mengikut keadaan-keadaan tertentu bagi setiap situasi;

(d) Memastikan proses *ERM* diambil kira di dalam pelaporan JAPR kepada Anggota Suruhanjaya berkaitan strategi, projek-projek utama, pelaburan dan juga perkara-perkara yang memerlukan tindakan yang signifikan;

(e) Memupuk kebertanggungjawaban dan akauntabiliti untuk melaksanakan *ERM* kepada semua pekerja; dan

(f) Melaksanakan rangka kerja *ERM* yang kukuh dan mantap di SSM.

## RANGKA KERJA *ERM*

Rangka kerja *ERM* yang berpandukan kepada ISO 31000:2018 menyediakan garis panduan kepada SSM dalam melaksanakan *ERM* melalui amalan terbaik di dalam persekitaran operasi SSM. Rangka kerja ini merupakan perkara integral dalam menguruskan pengoperasian SSM kerana ia memberikan panduan yang sistematik untuk mengenal pasti, menilai, merawat, memantau dan mengkaji semula risiko. Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dalam mengurangkan kebarangkalian dan/atau impak risiko yang dikenal pasti boleh menjejaskan pencapaian visi yang telah ditetapkan. Rangka kerja *ERM* SSM adalah seperti berikut:

### RANGKA KERJA *RISK MANAGEMENT (ERM)*

**INFRASTRUKTUR ERM**

- Visi/Teras Strategik/ Nilai-Nilai Korporat
- Kepentingan & komitmen Suruhanjaya dan Pengurusan SSM
- Budaya Risiko
- Polisi ERM
- Struktur Pelaporan ERM & Kekerapan
- Tugas & Tanggungjawab ERM
- Parameter Risiko
- Prosedur ERM
- Automasi

**PROSES ERM**




**INTEGRASI ERM**

- Perancangan Strategik
- Perancangan Perniagaan/Bajet
- Pembangunan Polisi
- Pelaburan/Projek
- Pembuatan Keputusan
- Proses Pengoperasian
- Pengurusan Prestasi
- Analisis Data Insiden
- Audit Dalam Berasaskan Risiko

**TUNJANG ERM**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Penciptaan & Perlindungan Nilai | Komunikasi & Rundingan | Kesedaran/Latihan | Pemantauan & Semakan |

**PENYATA** KAWALAN DALAMAN

## POLISI *BCM*

Pelaksanaan *BCM* pada dasarnya dapat menjamin daya tahan operasi dan keupayaan SSM untuk bertindak balas terhadap pelbagai jenis gangguan. Suruhanjaya bertanggungjawab untuk memastikan SSM berdaya tahan terhadap sebarang gangguan operasi, kecemasan dan bencana dengan menggunapakai Polisi *BCM* yang mantap dan berkesan seperti berikut:

(a) Memahami keperluan SSM dan jangkaan pihak-pihak berkaitan;
(b) Memantau dan menilai prestasi dan keberkesanan *BCM*
(c) Mengintegrasikan *BCM* ke dalam budaya, aktiviti-aktiviti operasi dan proses pembuatan keputusan di SSM;
(d) Memupuk kebertanggungjawaban dan akauntabiliti untuk melaksanakan *BCM* kepada semua pekerja; dan
(e) Melaksanakan rangka kerja *BCM* dan kawalan operasi yang mantap serta langkah-langkah untuk menguruskan seluruh keupayaan SSM dalam menangani insiden.

## RANGKA KERJA *BCM*

Rangka kerja *BCM* adalah untuk memastikan pendekatan pihak Pengurusan terhadap kesinambungan perniagaan di SSM adalah baik dan komprehensif. Rangka kerja *BCM* yang mantap menunjukkan bahawa SSM bersedia untuk bertindak balas dengan efektif terhadap apa jua kecemasan atau krisis pada bila-bila masa.

Objektif Rangka Kerja *BCM* ini adalah sebagai panduan dalam membangun dan menyelenggara Pelan Kesinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan – BCP*) yang mantap dan realistik bagi menguruskan aktiviti-aktiviti kesinambungan perniagaan, membolehkan pemulihan fungsi-fungsi kritikal perniagaan dilaksanakan sepantas yang mungkin dan memastikan operasi perkhidmatan yang berterusan kepada pelanggan dalam masa yang sama mempertimbang dan menangani keperluan pekerja.



## AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA TAHUN 2019

Menyedari *ERM* dan *BCM* merupakan budaya baharu di SSM, pelaksanaan polisi dan rangka kerja *ERM* dan *BCM* telah dijalankan secara berfasa seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Tahunan Aktiviti Pengurusan Risiko dan Pelan 5 Tahun *BCM* yang diluluskan oleh JAPR. Beberapa aktiviti yang telah dijalankan oleh SPR sepanjang tahun 2019 adalah:

(a) Meningkatkan kemahiran tenaga kerja di SPR melalui latihan dan pensijilan profesional di dalam *ERM / BCM*;

(b) Mengadakan sesi perkongsian ilmu dan pengalaman bersama organisasi berpengalaman dan telah mendapat pengiktirafan berkenaan *ERM* dan *BCM* ;

(c) Membangunkan polisi dan rangka kerja *ERM* dan *BCM* ;

(d) Mengendalikan 11 siri Program Kesedaran *ERM* dan *BCM* di semua peringkat termasuk di peringkat Suruhananjaya, Pihak Pengurusan dan pekerja SSM; dan

(e) Mengendalikan projek perintis bagi aktiviti Analisa Risiko Kesinambungan Perniagaan (*BCRA*) dan Analisa Kesan Perniagaan (*BIA*).

Semua aktiviti di atas dijalankan dengan menumpukan kepada peningkatan kemahiran dan kecekapan tenaga kerja di SPR serta membina pemahaman yang seragam mengenai *ERM* dan *BCM* bagi mendapatkan kerjasama daripada semua peringkat pekerja di SSM melalui pembangunan dokumen secara formal berkaitan polisi dan rangka kerja *ERM* dan *BCM* dan juga melalui pelaksanaan program-program kesedaran.

# PENYATA AUDIT DALAM

## Seksyen Audit Dalam:

**Jaminan** objektif yang **bebas** serta **khidmat** nasihat yang dirancang untuk memberi nilai tambah bagi penambahbaikan operasi SSM.

Seksyen Audit Dalam membantu SSM mencapai objektifnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin di dalam menilai dan mempertingkatkan keberkesanan proses-proses pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus.



## Kebebasan dan objektiviti

Seksyen Audit Dalam berperanan sebagai **fungsi bebas**. Ianya tidak bertanggungjawab secara langsung dalam operasi harian SSM, pembangunan atau perlaksanaan sistem secara terperinci, perancangan, peraturan, polisi atau prosedur baharu di mana ianya boleh menjejaskan kebebasan dan **objektiviti** penilaian audit dalam.



**PENYATA** KAWALAN DALAMAN

## SKOP KERJA DAN PIAGAM AUDIT DALAM

Pada tahun 2019, Seksyen Audit Dalam telah membuat penambahbaikkan ke atas Piagam Audit Dalam yang menggariskan peranan Seksyen Audit Dalam dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap SSM.

Berdasarkan piagam tersebut, semua aktiviti pengauditan tahunan perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko. Skop kerja audit tahunan merangkumi perkara berikut:

## DASAR

### Pemberi Maklumat Dalaman 2013 SSM

Seksyen Audit Dalam bertanggungjawab dalam mengurus dan mengendalikan aduan yang diterima di bawah Dasar Pemberi Maklumat Dalaman 2013 Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Pada tahun 2019, Seksyen Audit Dalam telah melaksanakan kaji selidik tahap kesedaran pekerja terhadap Dasar Pemberi Maklumat Dalaman 2013. Analisa kaji selidik tersebut seperti **Rajah 1:**

- √ Mengkaji dan menilai status kewangan dan operasi;
- √ Mengkaji dan menilai sistem yang dibangunkan oleh pihak pengurusan untuk memastikan kepatuhan terhadap polisi, pelan, prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan;
- √ Mengkaji dan menilai berhubung pengurusan aset;
- √ Mengkaji dan menilai keberkesanan sesuatu progam dan aktiviti; dan
- √ Menjalankan aktiviti khusus berdasarkan arahan Ahli Suruhanjaya atau Pengurusan Tertinggi.



## PENYATA KAWALAN DALAMAN



# PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 47, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta

mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia memberi gambaran yang saksama.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia berdasarkan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(KARTINA BINTI ZAMHARI)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
1 DISEMBER 2020

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD** dan **NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA,** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

..............................................................................

Nama : **DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ. AHMAD**

Jawatan : **PENGERUSI SURUHANJAYA**

Tarikh : 261120

Tempat : **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

..............................................................................

Nama : **NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**

Jawatan : **ANGGOTA SURUHANJAYA**

Tarikh : 261120

Tempat : **KUALA LUMPUR**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **HJ. ROSLI BIN HJ AHMAD,** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA,** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di KUALA LUMPUR )
pada **26 NOV 2020** )

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
W 800
AMIR BIN ISMAIL
01.01.2020-31.12.2022

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

NO.33-4, JALAN MEDAN TUANKU, 50300
KUALA LUMPUR

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM (Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Harta, kelengkapan dan peralatan | 4 | 137,035,228 | 138,380,151 |
| Hartanah pelaburan | 5 | 10,395,000 | 10,395,000 |
| Pelaburan jangka panjang | 6 | 139,799,966 | 166,885,540 |
| Kerja dalam kemajuan | 7 | 74,053,589 | 42,113,741 |
| Pembiayaan pekerja | 8 | 51,462,721 | 54,155,498 |
| | | **412,746,504** | **411,929,930** |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang perdagangan | 9 | 12,368,777 | 7,247,217 |
| Penghutang lain, deposit dan pra bayar | 10 | 39,292,251 | 43,528,351 |
| Pelaburan jangka pendek | 11 | 620,000,000 | 484,993,656 |
| Inventori | 12 | 277,820 | 277,820 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 13 | 123,308,385 | 162,057,326 |
| | | **795,247,233** | **698,104,370** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,207,993,737** | **1,110,034,300** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (Sambungan)
## PADA 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|---|
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | |
| **Ekuiti** | | | |
| Lebihan terkumpul | | 947,932,159 | 859,731,039 |
| Dana pembiayaan pekerja | 14 | 91,000,000 | 91,000,000 |
| | | **1,038,932,159** | **950,731,039** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Peruntukan faedah pekerja | 15 | 28,594,500 | 26,039,172 |
| | | **28,594,500** | **26,039,172** |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | 48,895,173 | 52,571,766 |
| Pemiutang lain | 17 | 60,887,665 | 54,280,548 |
| Pemiutang projek | 18 | 4,784,240 | 4,811,775 |
| Cukai dan zakat | 23 | 25,900,000 | 21,600,000 |
| | | **140,467,078** | **133,264,089** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **169,061,578** | **159,303,261** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,207,993,737** | **1,110,034,300** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | **19** | **448,073,016** | **464,749,235** |
| **Perbelanjaan Operasi** | | | |
| Kos pekerja | 20 | 150,618,142 | 140,485,640 |
| Kos pentadbiran | 21 | 122,495,263 | 138,058,021 |
| Susutnilai | 4 | 11,946,111 | 10,335,031 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | | 29,591 | 631,325 |
| | | **285,089,107** | **289,510,017** |
| **Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan** | | **162,983,909** | **175,239,218** |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 16 | 48,895,173 | 52,571,766 |
| **Lebihan sebelum cukai dan zakat** | 22 | **114,088,736** | **122,667,452** |
| Cukai dan zakat | 23 | 25,887,616 | 21,638,135 |
| **LEBIHAN BAGI TAHUN** | | **88,201,120** | **101,029,317** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | NOTA | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|---|
| **Lebihan bagi tahun** | | **88,201,120** | **101,029,317** |
| **Pendapatan Komprehensif Lain:** | | | |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | | - | - |
| **JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN** | | **88,201,120** | **101,029,317** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | LEBIHAN TERKUMPUL RM | DANA PEMBIAYAAN PEKERJA RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2019 | 859,731,039 | 91,000,000 | 950,731,039 |
| Lebihan bagi tahun | 88,201,120 | - | 88,201,120 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 88,201,120 | - | 88,201,120 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2019** | **947,932,159** | **91,000,000** | **1,038,932,159** |
| | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 758,701,722 | 91,000,000 | 849,701,722 |
| Lebihan bagi tahun | 101,029,317 | - | 101,029,317 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 101,029,31 | - | 101,029,317 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2018** | **859,731,039** | **91,000,000** | **950,731,039** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| **AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan sebelum cukai | 114,088,736 | 122,667,452 |
| Pelarasan bagi: | | |
| Susutnilai | 11,946,111 | 10,335,031 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | 29,591 | 526,325 |
| Keuntungan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | (1,073,292) | (1,103) |
| Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan | - | 105,000 |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | (35,334,918) | (31,549,407) |
| **KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA** | **89,656,228** | **102,083,298** |
| | | |
| Perubahan di dalam penghutang perdagangan | (5,121,560) | (789,758) |
| Perubahan di dalam penghutang lain, deposit dan prabayar | 4,236,100 | (2,332,656) |
| Perubahan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | (3,676,593) | (3,273,330) |
| Perubahan di dalam pemiutang lain | 6,607,117 | 34,581,867 |
| Perubahan di dalam pemiutang projek | (27,535) | (872,990) |
| Perubahan di dalam peruntukan faedah pekerja | 2,555,328 | (26,512,980) |
| **Tunai dari aktiviti operasi** | **94,229,085** | **102,883,451** |
| Cukai berbayar | (8,387,616) | (6,738,135) |
| Zakat berbayar | (13,200,000) | (11,800,000) |
| **TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | **72,641,469** | **84,345,316** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA ALIRAN TUNAI (Sambungan)
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>(Dinyatakan Semula) |
|---|---|---|
| **AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan | (10,601,651) | (15,144,238) |
| Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | 1,073,756 | 1,235 |
| Hartanah pelaburan | - | (1,775,983) |
| Kerja dalam kemajuan | (31,939,848) | (18,382,425) |
| Pelaburan | (107,950,361) | 1,886,059 |
| Faedah dan dividen daripada | 35,334,918 | 31,549,407 |
| Pembiayaan pekerja | 2,692,776 | 1,154,183 |
| **TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN** | **(111,390,410)** | **(711,762)** |
| | | |
| **(Pengurangan)/ Pertambahan tunai dan kesetaraan tunai** | **(38,748,941)** | **83,633,554** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | **162,057,326** | **78,423,772** |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | **123,308,385** | **162,057,326** |

Nota-nota di muka surat 143 hingga 169 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana–mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas. Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM@Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

**(a) Asas Penyediaan**

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

**(b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti**

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan**

(i) **Kos**

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

(ii) **Susutnilai**

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaian semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 2% |
| Peralatan Bangunan | 20% |
| Kenderaan Bermotor | 20% |
| Perkakasan dan Perisian Komputer | 20% - 33 1/3% |
| Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | 20% |
| Ubahsuai | 20% - 33 1/3% |

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan akan dihentikan apabila dinyahiktiraf dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda rosotnilai. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk nota 2(e) polisi perakaunan mengenai rosotnilai aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

**(d) Kerja Dalam Kemajuan**

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(e) Rosotnilai Aset**

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian rosotnilai sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

**(f) Pajakan**

Terma pajakan oleh Suruhanjaya yang menjangka dengan ketara segala risiko dan ganjaran bagi hak pemilikan adalah dikategorikan sebagai pajakan kewangan dan terma pajakan di mana Suruhanjaya menjangka dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi dikenalpasti sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

**(g) Pelaburan Jangka Panjang**

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

**(h) Pembiayaan Pekerja**

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada nilai saksama ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

**(i) Penghutang Perdagangan**

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

**(j) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi.

**(k) Inventori**

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

**(l) Geran Kerajaan**

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(l) Geran Kerajaan (Sambungan)**

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

**(m) Faedah Pekerja**

(i) **Faedah Pekerja Jangka Pendek**

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

(ii) **Pelan Caruman Ditentukan**

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang berada dalam skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

(iii) **Pelan Manfaat Ditentukan**

Pembayaran pelan manfaat ditentukan selepas persaraan dan / atau setelah tamat perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai kos faedah pekerja, manakala dalam penyata kedudukan kewangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

Jenis-jenis pelan manfaat ditentukan yang diiktiraf adalah seperti berikut:

a) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS); dan

b) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM).

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara atau yang tamat tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Gaji akhir di bawah sistem Saraan Malaysia digunakan untuk pengiraan liabiliti di bawah GPS.

Suruhanjaya telah menubuhkan pelan manfaat ditentukan yang dinamakan *Saguhati Tamat Perkhidmatan* bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Suruhanjaya menentukan nilai semasa obligasi faedah dan nilai saksama pelan aset secara tetap supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tidak berlainan materialiti daripada jumlah pada akhir tempoh pelaporan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(m) Faedah Pekerja (Sambungan)**

(iii) **Pelan Manfaat Ditentukan (Sambungan)**

Perubahan pada liabiliti manfaat yang timbul ditentukan daripada perkhidmatan pekerja yang diberikan dan faedah ke atas kewajipan manfaat ditentukan bagi tahun kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

**(n) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan**

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat.

**(o) Pemiutang Lain**

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**(p) Cukai**

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

**(q) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar–benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(r) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) **Pendapatan Perkhidmatan**

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing - masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

(ii) **Kompaun**

Seksyen 23 MPERS tidak memperuntukkan pengiktirafan pendapatan daripada transaksi kompaun. Oleh itu, pendapatan kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima dimana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar, dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan dan / atau tindakan lain yang sesuai selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) **Program Latihan Korporat**

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) **Faedah dan Dividen**

Faedah dan dividen diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti dapat diakrukan kepada Suruhanjaya.

**(s) Hartanah Pelaburan**

Hartanah pelaburan merangkumi bahagian pejabat bangunan dan tanah bagi tujuan peningkatan modal atau peroleh hasil sewaan atau kedua-duanya.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

**(s) Hartanah Pelaburan (Sambungan)**

Pada peringkat awal hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan kos yang terdiri daripada harga belian dan sebarang perbelanjaan secara langsung serta kos lain semasa urusan belian. Kemudiannya hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dan perubahan dalam nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan.

Kos pengubahsuaian dan penambahbaikan utama direkodkan sebagai asset dan jumlah bawaan bagi komponen yang digantikan direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos penyelenggaraan, pembaikpulih dan penambahbaikan kecil direkodkan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Bagi pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan jumlah bawaan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

**(t) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan kedua-dua aset kewangan sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti sesuatu perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

